

Laporan ini belum dikemaskini
[Senarai Ahli- Ahli Parlimen dilampirkan]
[Kandungan dilampirkan]

.....

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 25 Oktober 1999

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Hamzah bin Ramli [Sri Gading]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang akan diambil bagi memastikan masjid-masjid atau tempat-tempat ibadah tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu yang boleh menyebabkan perpecahan dan huru-hara dalam masyarakat seperti demonstrasi, merusuh dan lain-lain.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat melalui JAKIM dan pihak berkuasa agama Islam negeri sentiasa mengarahkan pihak berkuasa masjid supaya mengawasi dan tidak membenarkan pihak tertentu yang ingin menggunakan masjid bagi tujuan memecahbelahkan masyarakat. JAKIM dan pihak berkuasa negeri telah mengeluarkan arahan-arahan dari masa ke semasa kepada masjid-masjid khusus melalui langkah-langkah keselamatan dan meminta pihak masjid melaporkan kepada pihak berkuasa keselamatan negeri yang berkenaan. Pihak masjid juga diarah supaya mendapatkan kebenaran dan kelulusan daripada pihak berkuasa agama Islam daerah dan negeri terlebih dahulu untuk menjemput khatib-khatib dan penceramah jemputan yang menyampaikan khutbah dan penceramah di masjid. Pihak kerajaan juga telah berusaha mengadakan perjumpaan dan seminar-seminar mengenai pengurusan masjid bagi menyedarkan pihak berkenaan akan tanggungjawab menjaga kesucian masjid serta mengekalkan keharmonian masyarakat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat arahan-arahan daripada jabatan agama Islam negeri ataupun Persekutuan tetapi masih lagi terdapat penceramah-penceramah yang didatangkan khusus untuk memberikan ceramah-ceramah agama di masjid-masjid. Pada mulanya ianya mendapat restu daripada jabatan agama Islam. Tetapi apabila diikuti nampaknya penceramah-penceramah ini memulakan dengan ceramah yang agak baik, selepas itu akan melarat kepada soal-soal menghentam kerajaan dan pemimpin. Jadi, apakah tindakan yang boleh diambil mengenai perkara ini dan ianya berlaku di Negeri Sembilan juga dan mungkin di mana-mana di Malaysia ini. Di samping itu, terdapat masjid-masjid dan surau yang dinaikkan bendera-bendera PAS, menampal poster-poster PAS dan sebagainya. Apakah tindakan yang boleh diambil kepada perkara tersebut?

Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, ada dua faktor yang menyebabkan demikian. Pertama, masjid atau surau walaupun ianya di bawah undang-undang dan peraturan enakmen negeri-negeri termasuk di bawah institusi kerajaan, tetapi pada masa ini belum sepenuhnya fahaman masyarakat bahawa masjid dan surau sebagai institusi kerajaan. Malah ianya mendapat fahaman sebagai institusi masyarakat. Maka sebab itu apabila jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan untuk dilantik menjaga masjid dan surau maka mereka inilah yang kadang-kadang tidak mahu mengikut peraturan.

Yang kedua ialah kerana pensyarah-pensyarah agama yang dijemput untuk hadir di masjid itu kadang-kadang mereka suka mengambil kesempatan daripada hormatnya orang ramai kepada mereka, kerana syarahan agama di masjid selalu monolog (*monologue*) iaitu sebelah pihak bercakap sahaja. Maka kesempatan ini diambil oleh pensyarah agama yang kurang malu terhadap suasana dan kepada masyarakat dan mengeluarkan fikiran-fikiran sendiri semasa ceramah-ceramah itu. Maka sebab itu apabila keadaan monolog ini, satu pihak sahaja boleh bercakap dan pihak lain tidak mahu menegur walaupun kadang-kadang dia membuat fakta dan perkara yang tidak betul, tidak ada orang yang mahu bangun dan menegur penceramah yang berkenaan. Maka sekarang ini di setengah-setengah masjid di Wilayah Persekutuan kita asuh orang supaya tegur. Kalau sesiapa penceramah agama walaupun dia dihormati sebagai pensyarah agama atau dia dianggap suci dalam masjid itu, maka kita suruh orang tegur dia dan cabar dia kalau

dia mengeluarkan pendapat yang tidak betul. Jadi, tindakan yang diambil pertama ialah kita hendak tegur orang yang berceramah. Yang kedua ialah jawatankuasa masjid kita akan ambil tindakan kalau dia benar-benar mencabar keadaan ini.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tentang warna masjid. Saya pergi ke Putrajaya saya tengok masjid Putrajaya memang indah, termasuklah masjid-masjid di Mekah dan di Madinah. Tetapi di masjid di negeri Kedah, di kawasan saya termasuk juga di kawasan Yang Berhormat Menteri, masjid diwarnakan hijau dan putih macam bendera PAS. Adakah warna hijau dan putih ini warna Islam ataupun sengaja oleh sebab masjid itu dikuasai oleh penyokong parti pembangkang, maka diwarnakan masjid itu seperti bendera parti PAS. Tidak bolehkah kementerian Yang Berhormat supaya menentukan atau kalau warna hijau dan putih itu warna Islam, dilarangkan masjid supaya jangan menggunakan warna yang melambangkan Islam untuk sesuatu pihak mengambil kesempatan.

Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, Islam tidak menetapkan mana-mana warna untuk kumpulan dan sebagainya. Jadi, warna tidak melambangkan Islam. Tetapi saya hendak sebut di sini sekali lagi tentang cat ini serupa dengan pensyarah juga, iaitu ada dua-tiga orang yang berani, yang tidak peduli kepada sesiapa, dia cat sahaja masjid itu mengikut kecenderungan dia sebagai mencabar orang ramai. Malah bukan itu sahaja, baru-baru ini kita dengar satu perbadanan yang kerajaan mempunyai kuasa atas ia pun mengubah lambang berkenaan dengan warna menjadi heboh di seluruh negara, dan dua hari yang lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut satu lagi perbadanan menggunakan warna yang melambangkan parti politik berkenaan sebagai satu *car sticker*, sebagai satu pass untuk masuk dalam kawasan mereka. Jadi, masalahnya masjid juga ada dua-tiga orang buat kurang ajar dan tidak peduli kepada orang dan orang lain menganggap itu suci dan jangan tegur. Maka sekarang ini tugas kita ialah memberi masyarakat menegur dan berani perkara yang berlaku itu. Jangan *take for granted*, itu suci, itu bersih maka orang itu terhormat kecuali khutbah Jumaat sahaja kita belum sampai ke peringkat itu.

[Soalan No. 2 – Y.B. Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar) tidak hadir]

3. **Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah jaminan yang diberi kerajaan bahawa penimbunan bangkai babi dalam krisis JE terutamanya di Bukit Pelanduk, Negeri Sembilan serta di lain negeri tidak mendatangkan masalah pencemaran alam, sumber air dan kesihatan untuk jangka panjang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sedang dan akan terus menjalankan pemantauan ke atas kualiti air sungai dan kualiti air tanah bagi semua kawasan pelupusan bangkai-bangkai babi dari krisis *Japanese Encephalitis* baru-baru ini. Setakat ini tidak ada apa-apa perubahan ketara yang dikesan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun JE telah pun berlalu tetapi tempat peninggalan ternakan tersebut masih lagi tidak disempurnakan sepenuhnya. Di samping itu, kadar pencemaran Sungai Jimah agak tinggi dari masa ke semasa. Jadi, saya ingin tahu apakah tindakan yang berterusan yang diambil oleh pihak kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bagi menentukan supaya persekitaran Bukit Pelanduk itu boleh didatangi balik oleh penghuni-penghuni dan mereka dapat hidup seperti biasa dan sediakala dan lebih jauh daripada itu saya ingin bertanya bilakah sebenarnya boleh dibenarkan penduduk asal kembali ke kawasan tersebut?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Saya menjawab soalan yang kedua dahulu Tuan Yang di-Pertua. Bila akan dibenarkan apabila kerajaan khususnya pihak kementerian, khususnya lagi pihak *enforcement* kementerian berpuas hati dengan keselamatan ketika itu barulah diizinkan.

Bagi menjawab soalan yang pertama apakah tindakan yang akan diambil, selepas ini saya akan meminta Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk memantau secara khusus, *special case* terhadap kawasan yang dikatakan kawasan Bukit Pelanduk.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu adakah penyiasatan telah dibuat untuk kenal pasti mana yang baik, adakah menanam bangkai babi atau membakarnya. Kerana baru-baru ini dalam satu majalah dikatakan bahawa menanam bangkai babi ini adalah satu

kesalahan di luar negeri terutama sekali di England kerana mereka selalu membakar bangkai ini dan ia kurang membawa perkara-perkara yang tidak baik untuk kesihatan.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Kalau di England menanam itu lebih bersalah, di Malaysia membakar lebih bersalah undang-undangnya iaitu mencemar alam sekitar. Kita ikut undang-undang Malaysia. Untuk makluman Dewan yang mulia ini tentunya apabila kementerian ini membuat keputusan untuk menanam ia merasakan ianya selamat, caranya selamat. Yang mana lebih selamat itu akan dilihat kemudian.

4. **Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah pihaknya bercadang bagi mengkaji semula kemasukan bahan bacaan luar negara serta implikasinya terhadap rakyat di negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, bahan-bahan penerbitan yang diimport daripada luar negara adalah tertakluk kepada pemeriksaan dan kajian di pintu-pintu masuk. Hanya penerbitan yang tidak memudaratkan ketenteraman keselamatan, kemoralan, kepentingan awam dan negara serta tidak berlawanan dengan mana-mana undang-undang di negara ini yang dibenarkan masuk ke dalam negara ini. Oleh itu, kerajaan berpendapat dasar yang sedia ada masih memadai dan tidaklah perlu dikaji semula.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih di atas jawapan diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Saya pun sedia maklum bahawa akta itu wujud dan tindakan jabatan yang berkenaan ada. Tetapi apabila saya sebut berkenaan bacaan daripada luar yang saya maksudkan di sini ialah yang berunsur lucah, yang berunsur ganas dan ada juga kadangkala ia dianggap mengancam keselamatan negara dari segi hasutan dan sebagainya. Saya mengetahui juga memang adanya di Kementerian Dalam Negeri khususnya polis bertanggungjawab untuk mengambil tindakan apa-apa sahaja yang berunsur, dengan izin, *proscribe* atau *prejudicial* dianggap sesuatu itu *proscribe* kita boleh ambil tindakan undang-undang. Kalau dianggap *prejudicial* ia boleh dirampas dan dimusnahkan. Dengan adanya gejala itu sekarang yang menular begitu banyak di negara kita, soalan saya adakah jabatan yang berkenaan khususnya masih ada, kalau ada bagaimanakah kesungguhan mereka untuk betul-betul menguatkuasakan dan mengambil

tindakan yang tegas kerana keadaan itu di masa-masa kebelakangan ini terlalu menular dari segi perkara-perkara yang berunsur lucu, perkara-perkara yang dianggap ganas dan juga ada unsur-unsur daripada luar yang boleh dianggap sebagai mengancam keselamatan negara?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Kawalan Penerbitan di bawah Kementerian Dalam Negeri memang sentiasa berwaspada terhadap segala unsur yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat sama ada ganas ataupun unsur-unsur luar yang boleh mendatangkan kesan buruk kepada negara kita. Pada masa kini kerana zaman moden ini telah pun masuk ke zaman *borderless world*, dengan izin, banyak unsur itu kalau kita cuba kawal dengan ketat dari segi bahan cetak pun rakyat kita masih boleh baca dari Internet dan sebagainya. Jadi, apa yang kita ingat bukan sahaja setiap saat kita kawal sampai semua rakyat hendak masuk Internet. Saya rasa penting kerajaan juga pada masa yang sama menerangkan berdepan dengan isu-isu negatif ini supaya rakyat lebih boleh bezakan apa yang tidak betul dan apa yang negatif dengan apa yang positif.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita memahami akan pelaksanaan dasar-dasar tersebut, tetapi bagaimanakah kedudukan generasi baru di negara kita ini sekiranya bahan-bahan bacaan ini menular ke kawasan-kawasan luar bandar terutamanya di kalangan kanak-kanak sekolah, kanak-kanak tadika dan sebagainya. Jadi, adakah sebenarnya Kementerian Dalam Negeri mempunyai kekuatan penguatkuasaan ataupun pemantauan kepada penyebaran dan juga penjualan bahan-bahan bacaan ini sehinggakan sampai di kawasan-kawasan luar bandar, majalah ataupun tulisan-tulisan ini dapat diperolehi dan dapat dibaca oleh kanak-kanak.

Jadi, saya ingin tahu apakah tindakan kalau pun tindakan dibuat di kawasan-kawasan bandar, bagaimana kedudukan di kawasan-kawasan luar bandar mengenai pemantauan dan penguatkuasaannya. Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk membanteras dan mencegah bahan-bahan bacaan yang ganas, yang negatif itu memang kita tidak lambatkan, bukan sahaja pihak polis, pihak pegawai Kementerian Dalam Negeri apabila menerima maklumat dari orang awam, mereka akan terus bertindak dengan tegas dan banyak juga bahan sebegini telah pun dirampas, di kedai-kedai buku dan premis-premis

menjualnya pun kena tindakan. Kerajaan juga dalam proses mengkaji tentang akta yang berkenaan bila masa sesuai, kita ingin mengenakan hukuman yang lebih berat.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu perkara untuk ditimbulkan di sini dan saya minta satu ruling daripada Tuan Yang di-Pertua. *Point of order* yang saya ingin rujuk ialah No. 93, sungguhpun 93 ini membabitkan *stranger in the House* atau orang luar dan perkara yang saya ingin timbulkan di sini hari ini bukan merujuk kepada orang perseorangan atau kumpulan orang tetapi kepada benda dan memandangkan benda luar Parlimen adalah *silent* dalam Peraturan Mesyuarat, saya minta *ruling* dari Tuan Yang di-Pertua dan juga saya ingin memperingatkan Tuan Yang di-Pertua bahawa perkara yang sama pernah ditimbulkan dalam Dewan ini beberapa tahun yang lalu dan pengerusi mesyuarat waktu itu pun sudah memutuskan bahawa perkara ini adalah tidak wajar dan tidak harus dibawa masuk ke Dewan dan arahan telah pun dibuat bahawa perkara ini tidak harus berlaku lagi, tetapi saya dengan amat kesallah perkara ini berulang lagi hari ini dalam Dewan yang mulia ini, dan Dewan ini nampaknya dipolitikkan, diperalatkan sebagai satu pusat promosi slogan dan propaganda Barisan Nasional. Ini adalah pelekat (*sticker*) perbuatan Pergerakan Pemuda Barisan Nasional Malaysia.

Tuan Yunus bin Rahmat: Kita *support* BN.

Tuan Tan Kok Wai: Dan Barisan Nasional dahulu kini dan tak lamanya. Sungguhpun di sini dicatatkan ‘selamanya’.

Tuan Yunus bin Rahmat: Soalan, soalan.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara yang paling menyesaklan

Beberapa Ahli: Kami tidak ada pun!

Tuan Yunus bin Rahmat: You bawa masuk sendirikan?

Tuan Tan Kok Wai: Beberapa tahun yang lalu, satu pelekat yang diedarkan juga oleh mereka di sana kepada semua Ahli Dewan dengan perkataan ‘kita sokong Dr. Mahathir’. Dan pada masa itu pengerusi mesyuarat

Tuan Haji Noh bin Omar: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong Karang, beri dia peluang. Dia minta *ruling* dari saya Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Pada masa itu, pengerusi mesyuarat sudah membuat keputusan yang jelas dan tegas bahawa perkara ini tidak harus ditimbulkan. Saya sekarang hanya ingin mengingatkan Tuan Yang di-Pertua bahawa nampaknya perkara ini sudah terlampaui keterlaluan dan masih berterusan dan saya ingin sama ada ini adalah kerja Pergerakan Pemuda Barisan Nasional atau adakah pelekat ini edarannya dibantu oleh kakitangan Parlimen?

Seorang Ahli: Di atas meja pembangkang sahaja, lain semua tidak ada.

Tuan Tan Kok Wai: Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh buat satu siasatan menyeluruh kerana ini satu perkara yang paling memalukan.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Tan Kok Wai: Parlimen Malaysia. Parlimen ialah institusi perundangan tertinggi tanah air negara ini bukan pusat promosi propaganda Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Cheras cukuplah.

Tuan Tan Kok Wai: Masih ada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya minta siasatan menyeluruh dan satu penjelasan harus diberikan kepada Dewan ini, ini satu perkara yang sungguh dahsyat dan tidak boleh dimaafkan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat, baiklah. Cukuplah.

Tuan Tan Kok Wai: Dan dengan secara rasminya saya minta kembalikan ini dan semua dibuangkan.

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, biarlah.

Tuan Tan Kok Wai: Depan semua ada, semua buang dalam tong sampah. Ini adalah sampah '*the rightful place for sampah is the tong sampah, so get rid of them dan throw them in the tong sampah.*

Tuan Yunus bin Rahmat: Bawa sendirikah, di sini tak ada!

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak minta satu *ruling* dari Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Nantilah, yang dahulu punya belum selesai lagi.

Tuan Tan Kok Wai: Yang ini!

Tuan Yang di-Pertua: Serupa jugakah yang itu?

Tuan Tan Kok Wai: Ini satu kertas atau satu percetakan dari Kedai Cenderamata Parlimen. Kedai Cenderamata Parlimen juga satu institusi untuk mempropagandakan Barisan Nasional. Jikalau begitu, besok DAP akan menggantungkan flag-flag di Parlimen sini, kalau itu boleh diizinkan. Ini telah terlampau.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah. Saya dapat tahu ...

Tuan Tan Kok Wai: Satu perkara yang lebih serius di sini, untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, ini mesti dijelaskan kerana saya difahamkan Kedai Cenderamata Parlimen bukan sahaja sudah diperalatkan oleh Barisan Nasional, satu *special counter* dalam kedai itu, apa itu?

Seorang Ahli: Ada dia bayar sewa?

Tuan Tan Kok Wai: Kalau DAP hendak pameran atau hendak jualkan barang-barangan pilihan raya bolehkah dibenarkan dan untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, mungkin satu kesalahan undang-undang telah pun dilakukan oleh Parlimen Malaysia dan juga pengusaha Kedai Cenderamata Parlimen, sebab saya difahamkan, kalau saya tidak silap Kedai Cenderamata Parlimen itu perniagaannya dijalankan tanpa lesen perniagaan daripada pihak berkuasa tempatan iaitu DBKL, saya minta siasatan menyeluruh juga mengenai perkara ini.

Dan juga saya ingin tahu sama ada Kedai Cenderamata Parlimen ini sama ada kaunter itu dicajkan dengan apa-apa juga komisyen dan

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Ini penting, sebab kantin Cafeteria Parlimen ada *business licence*, ada lesen perniagaan.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, *point of order, point of order.*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Saya dapati daripada DBKL[*pembesar suara ditutup*]

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, *point of order!*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Cukup, memang saya*[Pembesar suarat ditutup]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat berhentilah. Cukuplah.

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya fahamlah apa Yang Berhormat cakap itu.

Tuan Tan Kok Wai: Ada lebih lagi, saya ingin menerangkan kepada Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang memalukan Parlimen

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah!.

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Tuan Tan Kok Wai: Kesalahan undang-undang berlaku di Parlimen Malaysia.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Tuan Tan Kok Wai: Institusi ... kesalahan undang-undang berlaku di Parlimen Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Cheras, cukuplah.

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk][Pembesar suara ditutup]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Cheras, Yang Berhormat Cheras biarlah, cukuplah.

Tuan Tan Kok Wai: Saya ingin menyelamatkan maruah dan kemuliaan Dewan ini. *[Sambil berucap dengan suara nyaring]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah. Minta berhenti, saya hendak minta Ahli Yang Berhormat keluar daripada Dewan ini ya.

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Tuan Haji Noh bin Omar: Hai, duduklah!

Tuan Tan Kok Wai: Kedai Cenderamata Parlimen dijalankan secara haram.

Beberapa Ahli: Hoi! *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cukuplah. Yang Berhormat, saya hendak minta Yang Berhormat berhenti Yang Berhormat, cukuplah!

Tuan Tan Kok Wai: Saya minta satu arahan dari Tuan Yang di-Pertua*[Pembesar suara ditutup]*

Tuan Yang di-Pertua: Ha, ialah, sudah cukuplah.

Yang pertamanya, pihak Parlimen tidak tahu menahu berkenaan dengan siapakah yang meletakkan itu, saya tidak tahu.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, ini kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Ialah, sudahlah.

Tuan Lim Hock Seng: Ha! Bukan kali pertama.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, kali ketiga atau keempatkah, jika sekiranya pihak Setiausaha bagi Parlimen tidak tahu, apa yang kami boleh buat di sini?

Tuan Lim Hock Seng: [*Menyampuk*][*Pembesar suara ditutup*]

Tuan Yang di-Pertua: Berkenaan dengan kedai

Tuan Tan Kok Wai: [*Masih berucap dengan suara nyaring*][*Pembesar suara ditutup*]

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah, saya hendak beri ruling ini.

Yang kedua, berkenaan dengan kedai, setahu saya kedai itu membayar sewa selain daripada itu, ia private, sendiri punya bukan hak Parlimen, dia membayar sewa.
[*Tepuk*]

Jadi, kalau sekiranya dia hendak cop hak sesiapa pun ikut suka dialah. Ya.
[*Tepuk*]

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ...

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, ...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ...

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, ...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah. Yang Berhormat, cukup. Itu *ruling*.

Tuan Tan Kok Wai: Parlimen Malaysia mesti memastikan kedai yang dijalankan dalam Dewan ini adalah berlesen, bukan secara haram, ini yang penting.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baiklah, saya akan siasat.

Tuan Tan Kok Wai: Bolehkah mana-mana premis Parlimen disewakan kepada misalnya penjenayah, pesalah undang-undang?

Tuan Yang di-Pertua: Biarlah, jikalau sekiranya ia tidak ada lesen, kami akan siasat. Sudahlah ya, cukuplah.

[Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong memasuki Dewan]

Seorang Ahli: Buang masa, apa!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

Seorang Ahli: Ha, pandai ya!

Beberapa Ahli: Boo!

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini? Tuan Yang di-Pertua, apa bising-bising ini? Tidak ada tatatertib.

[Soalan No. 5 – Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu] tidak hadir]

6. **Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hutang tidak berbayar (NPL) yang diambil alih oleh Danaharta sejak penubuhannya dan jelaskan berapa peratus dari NPL ini disebabkan oleh faktor-faktor luar kawalan sistem kewangan kita, khasnya krisis mata wang, dan berapa peratus pula disebabkan oleh transaksi yang tidak bijak yang dilindungi oleh salah urus, salah guna kuasa serta *Criminal Breach of Trust* (CBT).

Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan Kedua [Datuk Haji Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada pakatan antara Bagan dengan Tanjong ini kerana

Tuan Lim Kit Siang: Itu baik tak apa, bukan jahat.

Datuk Haji Mustapa Mohamed: Jahat ini.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan semacam konspirasi.

Datuk Haji Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa setakat 15 Oktober 1999, sebanyak RM39.3 bilion telah diambil alih oleh Danaharta daripada sistem kewangan dan ini adalah kerana sebab-sebab kegawatan ekonomi. Seperti kita sedia maklum, ekonomi telah dilanda kemelesetan yang teruk dan ini telah menjejaskan institusi kewangan di negara kita. Ekonomi kita telah menguncup sebanyak 7.5% tahun lepas, ianya telah membawa kepada dasar-dasar yang mirip kepada arahan oleh IMF, di mana kita telah pada peringkat awal menaikkan kadar faedah, selain

dari itu juga pasaran saham menjunam. Oleh hal yang demikian, syarikat-syarikat kita telah menghadapi masalah yang teruk. Selain dari itu juga, sistem klasifikasi NPL telah ditukar daripada enam bulan kepada tiga bulan.

Tuan Yang di-Pertua, ini antara faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan dalam kadar NPL di negara kita. Ia tidak ada kaitan secara langsung dengan aspek-aspek lain termasuklah transaksi yang tidak bijak, yang dilindungi oleh salah urus ataupun salah guna kuasa. Tidak dinafikan ada kes-kes sedemikian, tetapi ia sebahagian kecil daripada masalah-masalah yang dihadapi.

Masalah utama ialah penurunan yang mendadak dalam nilai mata wang sehingga 40%, mana-mana jua syarikat walaupun kukuh, walaupun berdaya maju apabila *currency* ataupun mata wang kita turun dengan begitu mendadak, sudah pasti menghadapi masalah yang serius.

Selain dari itu, ia bertambah buruk lagi oleh kenaikan yang mendadak dalam kadar faedah serta penurunan dalam Indeks Bursa Saham Kuala Lumpur.

Kerajaan mengakui bahawa ada beberapa kes yang melibatkan salah urus dan ada di antaranya telah pun dibawa kepada mahkamah.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu kenapa tidak ada apa-apa tindakan diambil mengenai sama ada penyalahgunaan kuasa atau pecah amanah yang berlaku dalam Bank Bumiputra yang dalam 12 tahun sudah rugi tiga kali RM4.7 bilion yang perlu digunakan untuk menyelamatkannya dan kenapa NPL di Bank Bumiputra dibeli oleh Danaharta, book value RM100% tanpa apa-apa diskaun dan bukannya ini menunjukkan semua ini disembunyikan dan kita tidak tahu berapa kes-kes semacam skandar Bank Bali yang ada dalam Malaysia tetapi oleh kerana tidak ada ketelusan, tidak ada akauntabiliti, semua ini ditutup dan bukannya ini satu amalan yang tidak sihat oleh kerana tidak boleh memastikan masa depan tidak akan berulang lagi.

Datuk Haji Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada skandal Bank Bali di Malaysia dan Bank Bumiputra menghadapi masalah perniagaan, tidak ada kes pecah amanah dalam Bank Bumiputra, oleh itu tidak ada tindakan diambil terhadap mereka kerana tidak ada bukti yang menyatakan bahawa orang-orang atau pihak-pihak tertentu terlibat dalam kelemahan yang dihadapi oleh Bank Bumiputra.

Kelemahan Bank Bumiputra berpunca daripada kelemahan pengurusan dan juga keadaan perniagaan yang merosot dengan mendadak tahun lepas.

Berkaitan dengan pembelian NPL oleh Danaharta pada nilai RM1, ini adalah kerana Bank Bumiputra merupakan bank kerajaan. Kerajaan merupakan *shareholder*, jadi kalau apa pun dilakukan kerajaan pasti terlibat, ia berbeza daripada bank-bank lain di mana kerajaan tidak ada kepentingan dalam bank-bank lain kecuali dalam Bank Bumiputra.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang nampaknya pengambilan RM39.9 bilion telah diperolehi oleh Danaharta tetapi adakah benar, Danaharta tidak pernah mengeluarkan wang tunai langsung kepada bank-bank ini, ini ke atas akta kertas sahaja diambil alih oleh Danaharta dengan bon-bon tetapi tidak ada wang tunai. Wang tunai ada di bank sekarang, kerana kita sekatkan import barang-barang mewah dan kemudian dengan sektor pembuatan terutamanya elektronik terutamanya kelapa sawit yang berprestasi baik, ada wang-wang tunai di dalam bank tetapi bank masih tidak boleh dan tidak mahu disburse loan dan sebagainya. Apakah Yang Berhormat bagi Jeli dapat meyakinkan ...

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Hai!

Dr. Tan Seng Giaw: Ha, Padang Terap pun pening kepala sekarang ini. Rakyat dapat meyakinkan rakyat, dapat meyakinkan orang dalam dan luar negara ini NPL itu sudah diuruskan dengan baik dan bank-bank sekarang kukuh dan kita boleh menyaksikan aktiviti-aktiviti yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali walaupun Yang Berhormat dengan terus terang katakan ada pemulihan, tetapi dengan Danaharta, dengan pengambilan NPL dan sebagainya, keyakinan masih tidak wujud.

Apakah sebabnya? Saya berharap keyakinan dapat dipulihkan tetapi malangnya setakat ini apakah salah, apakah ...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ini soalkah atau ceramah?

Dr. Tan Seng Giaw: Banyak soalan dah Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ha, ceramah semalam tau.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebelah situ pun pening kepala.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baiklah, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Sebab tidak ada keyakinan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, cukuplah. Yang Berhormat, sila jawab.

Datuk Haji Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Kepong ini *out of date*. [Tepuk] Dia hidup di zaman lampau. Kita sudah banyak sekali tanda-tanda yang menunjukkan keyakinan yang sedang meningkat dalam sistem bank dan ekonomi Malaysia secara keseluruhannya, tidak ada masalah kalau dibandingkan dengan negara-negara lain, bank-bank di Malaysia mencatatkan prestasi yang begitu baik dan pinjaman pun sudah mula meningkat, tunggu hari Jumaat ini, kita bentangkan Belanjawan, kita akan ceritakan semua perkara yang sedang berlaku untuk meng'update' Yang Berhormat yang sudah out of date ini. [Tepuk] Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Noh bin Omar.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak rakam rasa dukacita dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Kepada pembangkang yang menyalahgunakan Parlimen ini, membuat fitnah dalam Parlimen dan membuang masa Parlimen semata-mata untuk tujuan politik kerana menunggu bosnya datang. Kalau tidak soalan saya tadi,

Tuan Lim Kit Siang: Salah guna Peraturan Mesyuarat.

Seorang Ahli: Hai, orang tua diamlah!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya hendak rakamkan sahaja. Kalau tidak, dia pun tidak ada chance bertanya. Dia salah gunakan masa Parlimen. Sepatutnya perkara itu ditimbulkan dalam ucapan dasarnya, kalau berani cakap. Buat fitnah dalam Parlimen semata-mata hendak tunggu bosnya datang. Kalau tidak soalan saya tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Mengganggu perjalanan Dewan ini.

Tuan Haji Noh bin Omar: Apalah, kalau tidak you tidak datang cakaplah!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hai duduklah.

Seorang Ahli: Duduklah.

Tuan Haji Noh bin Omar: Kalau tidak soalan Yang Berhormat tidak naik, kalau tidak disuruh ini kaki bodek ini bercakap lebih panjang, kacau masa dan waktu Parlimen, salah guna masa Parlimen.

Seorang Ahli: Dia mahu delay masa Parlimen.

Tuan Haji Noh bin Omar: Pandai ya bodek bos. Soalan nombor 7.

7. **Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah pelajar dan pensyarah di IPTA yang telah diambil tindakan tatatertib di atas kesalahan menyertai perhimpunan haram sejak pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pensyarah dan pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang terlibat dalam perhimpunan haram sejak pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri adalah kecil, setakat ini terdapat sembilan orang pelajar yang telah dikenakan tindakan tatatertib, bagi pensyarah pula seorang telah bersara awal dan seorang lagi telah meletakkan jawatan kerana hendak melibatkan diri secara aktif di dalam politik.

[Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong keluar Dewan]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Kemana, lari balikkah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, janganlah.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan, apakah usaha-usaha yang telah pihak kementerian buat dalam usaha memerangi fitnah di kalangan kakitangan dan juga pensyarah serta pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi dan apakah benar dakwaan yang pelajar-pelajar selalu mengatakan bahawa suara-suara mereka dan masalah-masalah mereka tidak mahu didengar oleh pihak kementerian sehinggakan timbul ingin menubuhkan Majlis Perunding Perwakilan Kebangsaan Pelajar yang mana lagi satu pertubuhan pelajar Majlis Perunding Perwakilan Pelajar (MPP) pula membuat bantahan seolah-olah ada dua *group* untuk mewakili pelajar untuk menyampaikan masalah mereka?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah untuk memberi forum-forum tertentu kepada pensyarah-pensyarah dan juga kepada pelajar-pelajar supaya mereka boleh bangkitkan

masalah. Kementerian Pendidikan telah menganjurkan beberapa kali dialog dengan pelajar-pelajar dan juga dialog dengan pensyarah-pensyarah.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri telah mengadakan dialog dengan pensyarah-pensyarah yang ingin berjumpa dengan beliau dan juga pelajar-pelajar yang ingin bangkitkan masalah. Kementerian Pendidikan kita ada satu Dasar Pintu Terbuka, mereka boleh buat *appointment* dan mereka boleh bertemu. Saya sendiri ada beberapa kali berdialog dengan pemimpin-pemimpin pelajar universiti-universiti tempatan dan telah terangkan dasar kerajaan. Dengan itu, tidak boleh dikatakan tidak ada cara mana pelajar-pelajar tidak boleh membangkitkan masalah mereka sedangkan kita juga ada dialog-dialog secara formal. Di universiti kita ada Majlis Perunding Pemimpin-pemimpin Pelajar dengan pihak-pihak tertentu di universiti.

Jadi, Kementerian Pendidikan mengalu-alukan segala forum sahaja, sedangkan forum itu adalah mengikut prosedur, mengikut akta yang kita tentukan supaya dalam forum itu tidak boleh dipolitikkan. Kita hendak forum itu dengan terang yang merupakan satu forum di mana kita boleh bincang masalah dan kita boleh mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan Tambahan. Mungkin disebabkan oleh kerenggangan di antara kementerian dengan pihak pelajar dan juga universiti menyebabkan kadang-kadang penuntut-penuntut ini merasakan bahawa suara mereka ini tidak diambil kira dan tidak diambil endah.

Di samping itu juga disebabkan oleh hasutan daripada DAP, PAS dan KeADILan, parti yang tidak ada arah dan tujuan menyebabkan mereka ini haru-biru. Di samping itu juga, kementerian membantu sekolah-sekolah yang kita telah kenal pasti bahawa sekolah-sekolah tersebut menentang kerajaan, terutama sekali Sekolah Agama Rakyat yang digunakan sebagai pusat untuk menentang, memaki hamun malah pelajar-pelajar diperalatkan untuk tarik dan turunkan bendera, koyakkan *poster*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, jadi soalnya adakah pihak kementerian akan mengkaji balik dan tegas, macam sekolah di Jabi, guru yang macam itu hendak tunggu apa lagi? Hantar pergi tempat-tempat yang tertentu... [Disampuk] Pulau, yang menteri janjikan itu. Hantar ke pulau itu supaya dapat diisi

pulau itu dan perkara-perkara ini tidak berlaku. Ini serius, budak-budak ke sekolah untuk belajar tetapi sekarang ini telah.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, soalnya Yang Berhormat? Cukuplah. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:*[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, soalnya, adakah pihak kementerian akan bertindak lebih tegas untuk memastikan perkara-perkara macam ini tidak berlaku? Kita sebagai Ahli Parlimen pun sudah tidak larat, sudah beritahu berapa kali, tidak selesai-selesai lagi.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah. Soalnya sahaja, cukuplah tu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila jawab Yang Berhormat.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan prihatin dan kita akan terus mengambil tindakan yang tegas untuk mengatasi masalah. Dalam konteks ini, saya bagi pihak Kementerian Pendidikan ingin merayu kepada pihak pembangkang janganlah salah gunakan sistem pendidikan kita. Sistem pendidikan kita ialah satu sistem di mana anak-anak kita mendapat pendidikan, bukan dipolitikkan.

Selain daripada itu juga, Kementerian Pendidikan telah mengambil tindakan untuk mengatasi masalah yang disebutkan dan kita sudah – seperti yang saya telah terangkan, kita ada juga mengambil tindakan tatatertib yang tegas untuk mengatasi masalah. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat hendak butir-butirnya saya boleh kemukakan. Jangan kita bincangkan di sini dan selain daripada itu juga, harus diingati bahawa dalam konteks Kementerian Pendidikan mengambil tindakan, kita juga perlu mengikuti proses kerana kita tidak mahu ada pihak yang mendakwa bahawa Kementerian Pendidikan tidak adil.

8. **Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamed [Tanah Merah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan supaya memperuntukkan kos pembinaan rumah-rumah guru dan asrama desa di setiap sekolah rendah dan menengah di luar bandar demi untuk keselesaan tenaga pengajar yang tinggal berjauhan dan pelajar-pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sentiasa memberi perhatian kepada penyediaan kemudahan rumah guru yang mencukupi

bagi mempertingkatkan taraf hidup dan memberi keselesaan kepada guru-guru untuk menjamin mutu pendidikan keseluruhannya.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Pendidikan telah memperuntukkan sebanyak RM600 juta bagi pelaksanaan 120 buah projek termasuk 80 projek dalam kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Bagi menyediakan kemudahan asrama dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM136 juta telah diperuntukkan bagi membina bangunan-bangunan asrama terutamanya di luar bandar.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah pihak kementerian sedar dalam usaha pihak kementerian melaksanakan pembangunan sekolah dan juga rumah guru di luar-luar bandar khasnya, banyak terdapat pembinaan yang terbengkalai? Kontraktornya ramai yang tidak sanggup meneruskan kerja dan kerja-kerja ini lambat.

Jadi, apakah langkah kementerian untuk memastikan supaya perkara ini tidak berulang dan adakah kementerian bercadang hendak menubuhkan teknikal sendiri. Tidak payah serah kepada JKR kerana kita faham kebanyakan yang jadi – apabila kementerian buat, dia serah kepada JKR dari segi pelaksanaannya. Oleh kerana Kementerian Pendidikan ini besar, banyak projek yang hendak dibuat. Adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan JKR dalaman untuk mempercepatkan projek-projek pembinaan, untuk kepentingan sekolah dan juga rumah guru di luar bandar?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan sedar bahawa ada projek-projek yang menghadapi masalah dan dijadikan sebagai 'projek sakit' ini.

Dalam konteks ini, Kementerian Pendidikan dengan persetujuan EPU dan dengan persetujuan Kementerian Kewangan telah mengadakan satu prosedur yang baru untuk menyelesaikan masalah 'projek-projek sakit' ini.

Jadi, di bawah prosedur baru ini kita akan secara *express*, dengan izin, apabila kita dapati masalah tersebut, kita akan menggunakan prosedur yang baru untuk memilih seorang kontraktor yang baru untuk menjalankan projek tersebut.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu, untuk guru-guru yang tidak dapat duduk di

asrama-asrama, adakah mereka layak untuk mendapat kos sewa dan jika dibayar, adakah ia berbeza dari luar bandar dengan dalam bandar? Kalau tidak, kenapa tidak?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat ini - dia tidak tahu. Mengikut sistem kita yang biasa, semua guru layak diberi *housing allowance*, dengan izin, dan di tempat di mana kita tidak dapat rumah-rumah guru, kita bayarkan elaun untuk perumahan ini dan dengan elaun itu mereka boleh membayar sewa.

Masalah yang dibangkitkan ialah di bandar-bandar memang sewa adalah – dan juga di kawasan-kawasan pedalaman tidak ada rumah di mana mereka boleh sewa. Jadi, itulah – dan juga di bandar sewa itu adalah tinggi.

Jadi, untuk mengatasi masalah itu Kementerian Pendidikan mengadakan projek rumah guru ini.

[Soalan No. 9 - Y.B. Datuk Lim Si Cheng [Senai] tidak hadir]

10. **Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop [Alor Gajah]** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) memperhebatkan tindakan menangkap pemberi rasuah secara agresif; adakah imbuhan seperti bonus, kenaikan dua (2) tangga gaji dan sebagainya, diberi sebagai insentif kepada pegawai kerajaan untuk melaporkan sogokan rasuah dan berapa ramaikah telah diambil tindakan oleh BPR bagi tahun 1997 dan 1998 dan sehingga sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tiada pemberian bonus atau insentif khas diberikan kepada pegawai kerajaan yang melaporkan sogokan rasuah. Badan Pencegah Rasuah (BPR) dari masa ke semasa memberikan sijil penghargaan, anugerah dan pengiktirafan kepada pelbagai pihak sama ada pegawai kerajaan ataupun orang awam yang membantu badan ini dalam usaha membanteras jenayah perlakuan rasuah. Di samping itu juga, ketua-ketua jabatan, ketua-ketua agensi kerajaan juga digalakkan untuk memberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada pegawai masing-masing yang telah menunjukkan komitmen dan ketegasan terhadap pemberi-pemberi rasuah seperti yang digariskan dalam Arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998.

Antara tahun 1997 hingga bulan Jun 1999, BPR telah menangkap seramai 743 orang dan telah menuduh seramai 472 orang atas pelbagai kesalahan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan tindakan BPR pada masa ini di mana memperhebatkan tindakan menangkap pemberi rasuah ini, adakah strategi ini boleh memberi kesan yang baik kepada BPR dan adakah BPR mengkaji sistem kelemahan kerajaan bagi membolehkan pihak BPR memberi perakuan kepada ketua-ketua jabatan di atas kelemahan-kelemahan sistem jabatan-jabatan itu bagi mengelakkan berlakunya perbuatan rasuah di sesuatu jabatan kerajaan itu?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, setakat hari ini BPR belum lagi berpuas hati dengan tindakan-tindakan yang diambil, malahan BPR sendiri telah mengambil langkah yang proaktif untuk memberi ceramah, menemui jabatan-jabatan yang strateginya terdedah kepada perlakuan penyelewengan dan rasuah dan memberi ceramah-ceramah dari masa ke semasa untuk menyedarkan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan kita betapa pentingnya kita melaksanakan tugas kita secara jujur, amanah dan bersih.

Kedua, dari sudut pemberian insentif memang ketua-ketua jabatan, sekiranya ada di antara pegawai-pegawai yang telah membantu Badan Pencegah Rasuah, ketua-ketua jabatan digalakkan memberi perakuan terhadap *behavior* ataupun tingkah laku yang baik daripada pegawai itu dan biasanya diberi markah yang baik di dalam *assessment* SSB.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bekas Timbalan Perdana Menteri iaitu Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh telah membuat empat laporan kepada BPR berkenaan rasuah, khasnya yang melibatkan menteri-menteri yang berkenaan. Sekiranya dalam keempat-empat kes ini ada satu kes yang boleh dikukuhkan bukti-buktinya dan dibawa ke mahkamah, adakah kerajaan akan memberi satu imbuhan atau satu bonus atau apa-apa kepada bekas Timbalan Perdana Menteri di mana dia dibebaskan daripada penjara?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tambah lagi dua tahun.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tadi saya baru mengatakan bahawa tidak ada sistem kita di mana kita memberi imbuhan yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, membersihkan negara kita daripada rasuah adalah sebenarnya tanggungjawab kita semua dan kerajaan tidaklah ingin memberi - katalah bonus kepada satu orang kerana dia berjaya membawa satu orang lain di dalam sesuatu kes rasuah.

Kalau begitu keadaannya, kita hendak beri bonus kepada orang yang sedemikian, maka apa kata umpamanya, negara kita ini yang banyak mencari sumber kewangan ialah Jabatan Hasil Dalam Negeri umpamanya, ataupun Jabatan Kastam apabila mereka memberi pendapatan yang banyak kepada kerajaan. Tiap-tiap pegawai diberi imbuhan yang lebih, saya rasa itu tidak adil dan sistem kita ialah untuk menyedarkan bahawa setiap rakyat, bahawasanya tanggungjawab kita untuk mewujudkan semua orang bukan hanya di peringkat atasan sampai ke bawah adalah tanggungjawab kita bersama untuk menjadikan sistem pemerintahan kita pemerintahan yang baik.

Selain daripada itu, saya tidak dapat hendak menyatakan lebih daripada kes yang dibawa oleh bekas Timbalan Perdana Menteri kerana kerajaan sekarang mengikut Akta Pencegahan Rasuah yang baru kita terima pada tahun 1997 kalau tidak silap saya di bawah Seksyen 21(4). Mulai 8 Januari 1998, kita boleh hendak dedah apakah hasil-hasil daripada penyiasatan BPR. Seperti mana kita semua sedia maklum, Badan Pencegah Rasuah adalah badan yang membuat penyiasatan dan apa juga pendakwaan akan diserahkan kepada pihak *Attorney General*.

11. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan, berapakah jumlah pecahan para penduduk di negara ini yang mendiami rancangan FELDA serta lokasi negeri. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihaknya bagi meningkatkan taraf hidup para penduduk di rancangan FELDA ini.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah peneroka yang ditempatkan di 278 buah rancangan FELDA di seluruh negara ialah 102,697 keluarga. Berdasarkan saiz purata 5.5 ahli keluarga, jumlah penduduk rancangan FELDA ialah kira-kira setengah juta orang. Negeri paling ramai yang ditempatkan peneroka ialah Pahang 36.7 %; diikuti oleh Johor 25.8%; Negeri Sembilan 15.9% dan Terengganu 7.2%.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pecahan peneroka mengikut negeri, saya mohon kebenaran supaya memberi butir-butir secara bertulis untuk menjimatkan masa Dewan yang mulia ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong. *[Ketawa]*

Dr. Goh Cheng Teik: Setiap peneroka yang ditempatkan di rancangan di peruntukkan kawasan kebun kelapa sawit atau getah seluas kira-kira 10 ekar untuk membolehkannya berusaha bagi mendapatkan pendapatan bulanan. Kebun yang seluas 10 ekar itu dijangkakan mampu memberikan pendapatan baik kepada peneroka yang menjadi asas peningkatan taraf hidup mereka. Bagi memastikan kebun mengeluarkan hasil yang maksimum, pelbagai tindakan telah diambil khususnya dalam aspek kecekapan pengurusan kebun seperti melaksanakan amalan agronomi yang betul, penjagaan kebersihan kebun, penjagaan yang sempurna, kawalan musuh dan penyakit, meluaskan penggunaan jentera dalam operasi kebun dan mengamalkan sistem kerja yang berkesan. FELDA juga telah melaksanakan beberapa program untuk meningkatkan taraf hidup peneroka. Di antaranya ialah:

- (i) melaksanakan program tanam semula bagi tanaman getah dan kelapa sawit yang sudah tua iaitu berumur lebih 20 tahun;
- (ii) menyediakan kemudahan pinjaman kepada peneroka yang memerlukannya untuk menjalankan projek-projek ekonomi yang boleh menghasilkan pendapatan tambahan seperti ternakan, kraftangan, perniagaan dan industri kecil;
- (iii) melengkapkan kemudahan asas kepada peneroka; dan
- (iv) melaksanakan program gerakan kesejahteraan keluarga dengan kerjasama kementerian atau jabatan kerajaan yang berkaitan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan, setakat ini berapa keluarga telah mendapat geran-geran yang tertentu? Apakah jenis geran yang diberikan kepada peneroka-peneroka ini dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa semakin hari semakin ramai peneroka yang terlibat dengan dadah? Kalau sedar, apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian untuk mencegah daripada merebaknya masalah dadah. Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan di sini kerana nampaknya.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Cukup, cukup. Soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini satu masalah yang penting kerana dadah semakin hari semakin menjadi wabak di kawasan FELDA dan Yang Berhormat pun tidak begitu prihatin kepada masalah yang begitu serius di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah, cukup, Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Kepong mana ada FELDA?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, tentang berapa geran telah dikeluarkan, saya akan memberi jawapan bertulis kepada Ahli Yang Berhormat. Tentang dadah, inilah satu masalah sosial yang kita sentiasa perhatikan dan nampaknya keadaan itu dalam kawalan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Jelebu baru ada FELDA, Kepong mana ada FELDA, buang masa sahaja. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tahniah kepada kerajaan kerana telah memberikan peluang kepada sebahagian daripada penduduk daripada kawasan luar bandar mendapat kawasan-kawasan FELDA. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun sebahagian daripada peneroka telah menduduki kawasan-kawasan FELDA ini melebihi 25 tahun dan telah mendapat hakmilik kepada kebun dan kawasan penempatan mereka tetapi bayangkan mereka ini telah beranak-pinak, bercucu-cicit tetapi sebahagiannya masih tinggal bersama dengan mertua, iaitu peneroka dan penerokawati FELDA berkenaan. Bagaimanakah usaha kerajaan untuk menambah peluang mereka memiliki kawasan tanah kebun ataupun rumah?

Baru-baru ini diberitahu bahawa pengisian lot-lot kosong FELDA ini telah pun dibuat. Saya ingin bertanya, berapakah jumlah di kalangan keluarga peneroka dan penerokawati FELDA ini diberikan peluang mendiami lot-lot kosong di kawasan FELDA ini dan bagaimanakah kedudukan pembayaran yang telah ditentukan oleh pihak kerajaan untuk mereka membayar lebih kurang RM20,000 ke-RM25,000 bagi satu lot berkenaan untuk dibayar sama ada memberikan peluang kemudahan pinjaman melalui Bank-bank Pertanian dan sebagainya ataupun bagaimana.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang sentiasa memberi perhatian berat kepada FELDA terutama sekali masalah-masalah yang dihadapi oleh generasi peneroka yang kedua. Memang satu

kenyataan bahawa dalam skim-skim FELDA yang lama, peneroka yang 20 tahun atau 25 tahun dahulu memasuki FELDA itu sekarang sudah menjadi datuk, sudah ada cucu. Jadi, inilah satu masalah yang sedang diberi perhatian berat oleh FELDA kerana kami sedar bahawa masalah-masalah yang wujud akibat kejayaan FELDA itu haruslah diteliti dengan mendalam.

Tentang lot-lot kosong, sukacita saya melaporkan bahawa sebanyak 1,087 lot yang dikosongkan oleh peneroka lama sedang dalam proses pengisian dan terbuka kepada anak-anak peneroka, menantu-menantu lelaki peneroka dan pekerja-pekerja ladang komersial FELDA yang berasal daripada rancangan berkenaan sahaja. Jadi, tidak lama lagi proses pengisian ini akan dilaksanakan dan sekiranya pemohon-pemohon ada apa-apa masalah kami akan bincang dengan mereka dan membantu dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan Jawab Lisan telah selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No.2, 5, 9 dan 12 hingga 21 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (NO. 2) 1999

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANAK-KANAK 1999

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” [21 Oktober 1999]

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyambung jawapan.

11.06 pagi.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, semasa saya mula menggulung mengenai Akta Kanak-kanak 1999 pada hari Khamis yang lalu, saya sedang memberikan maklum balas kepada Yang Berhormat bagi Tanjong Karang dan Yang Berhormat telah menyebut mengenai Seksyen 43 berkenaan dengan kesalahan-kesalahan di bawah Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999, dicadangkan kesalahan sumbang mahram ditekankan dalam Rang Undang-undang Kanak-kanak ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempegerusikan Mesyuarat]

Rang undang-undang ini memfokuskan kanak-kanak yang menjadi mangsa eksploitasi seks oleh ibu bapa atau penjaganya atau seseorang anggota keluarganya. Kanak-kanak yang malang itu adalah tergolong sebagai kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan menurut Fasal 17(1)(a) dan (i) rang undang-undang. Mana-mana orang yang mempunyai hak pemeliharaan seseorang kanak-kanak, yang menganiaya dari segi seks terhadap kanak-kanak itu, melakukan kesalahan di bawah Fasal 31 dan boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun. Orang itu juga dikehendaki menyempurnakan satu bon untuk berkelakuan baik dan jika tidak mematuhi bon itu, orang itu boleh didenda selanjutnya dan tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan selanjutnya selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Oleh yang demikian, Fasal 43 telah terpakai dalam perkara ini dan jika seseorang anak itu menjadi mangsa kesalahan sumbang

mahram, orang yang melakukan kesalahan itu boleh juga dihukum atas kesalahan rogol di bawah Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bintulu telah menyebut mengenai kesan perayaan Hari Kanak-kanak. Sambutan Hari Kanak-kanak bertujuan untuk memberi penghormatan kepada kanak-kanak serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap keperluan hak kanak-kanak dan dengan adanya sambutan ini, masyarakat akan lebih peka terhadap hak kanak-kanak dan dapat melaksanakan peranan masing-masing untuk menentukan hak kanak-kanak itu dipelihara.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Bintulu menyatakan Program Pembangunan Keluarga dan Kanak-kanak perlu dipertingkatkan hendaklah dibiayai oleh kerajaan dengan memberikan lebih peruntukan dan patut diadakan Hari Keluarga. Sebenarnya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sentiasa dan akan terus meningkatkan program-program pembangunan keluarga melalui pelbagai modul yang telah disediakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara dan Hari Keluarga telah pun kita sambut sejak 10 tahun yang lalu.

Isu yang keempat yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Bintulu ialah kekurangan rumah kebajikan dan sedikit sebanyak memberi kesan kepada keluarga kerana ibu bapa perlu meneruskan penghidupan untuk ahli-ahli keluarga yang lain tetapi kanak-kanak cacat ini menjadi satu beban dan beliau menyatakan peranan jabatan harus mampu menyelaraskan program keluarga sihat. Selain daripada pemulihan di institusi-institusi yang diadakan oleh kerajaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah pun memulakan program pemulihan dalam komuniti sebagai satu usaha untuk melibatkan keluarga dan komuniti setempat dalam pemulihan kanak-kanak cacat atau yang kurang upaya. Program Pemulihan Dalam Komuniti telah diperluaskan sehingga ke peringkat akar umbi. Setakat ini kita telah mempunyai 213 Program Pemulihan Dalam Komuniti.

Beliau juga menyebut mengenai *after-care*, dengan izin, untuk kanak-kanak lepasan institusi akhlak. Kanak-kanak yang dibebaskan daripada institusi akhlak memang diseliatkan oleh pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama jawatankuasa kebajikan juvana daerah.

Yang Berhormat bagi Seremban telah meminta semua ahli politik jangan mengambil kesempatan menggunakan kanak-kanak untuk mewujudkan kacau-bilau

terutamanya menjelang pilihan raya supaya kehidupan kanak-kanak tidak terjejas. Ini telah pun saya ulas pada hari Khamis yang lalu.

Kedua, kebimbangan beliau terhadap berleluasanya kanak-kanak melihat video lucu, oleh itu semua lapisan masyarakat perlu menjaga kepentingan kanak-kanak supaya video-video lucu tidak mudah didapati. Tanggungjawab atas perkara ini tertakluk kepada ibu bapa, pendidik dan ahli-ahli masyarakat. Di samping itu, penguatkuasaan untuk membanteras isu ini terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri dan dalam aktiviti-aktiviti kita untuk menentukan bahawa kesejahteraan kanak-kanak dapat diperolehi oleh kanak-kanak memang kita melibatkan pelbagai kementerian dan juga agensi kerajaan dan pihak swasta. Kata beliau, ahli-ahli perniagaan juga mestilah mempunyai etika perniagaan supaya bahan lucu tidak tersebar dengan luas kepada kanak-kanak. Saya sangat bersetuju dengan pandangan ini, cuma kita minta supaya semua mereka yang terlibat dalam urusan jual-beli, menyewakan pita-pita video yang lucu ini bertanggungjawab kerana kita tidak boleh menganggap bahawa ianya tidak dilakukan oleh anak kita. Mungkin pada suatu hari anak cucu kita sendiri yang akan melakukannya dan terlibat dalam perkara-perkara yang negatif ini.

Yang Berhormat bagi Johor Bahru menyebut, pertama, kerajaan perlu sediakan peruntukan yang cukup untuk melaksanakan akta ini dengan berkesan dengan pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlatih serta juga menggunakan khidmat pakar. Kementerian memang sedar bahawa untuk menguatkuasakan akta ini dengan berkesan, perlu ada peruntukan yang mencukupi dan juga *personnel* yang cukup dan terlatih. Kementerian mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong kementerian ini agar peruntukan yang cukup dan *personnel* yang mahir disediakan oleh Perbendaharaan. Implikasi pelaksanaan Rang Undang-undang Kanak-kanak ini sudah diambil kira dan dimaklumkan kepada agensi-agensi pusat, misalnya, Perbendaharaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Yang Berhormat bagi Johor Bahru juga menyebut mengenai pengaruh media massa. Perkara ini juga diberi perhatian oleh kementerian khususnya melalui Jawatankuasa Khas Kabinet Membanteras Masalah Sosial di mana kementerian-kementerian yang berkenaan juga menjadi ahli. Di bawah JKKK ini juga telah diwujudkan *technical working group media* untuk memantau pengaruh-pengaruh dan

kesan-kesan media terhadap masyarakat khususnya remaja dan kanak-kanak dan soalan ini juga telah pun terjawab.

Seterusnya indoktrinasi kanak-kanak tadika oleh parti politik juga telah pun saya ulas dan ini memang saya anggap sebagai satu kerja yang merbahaya yang merosakkan generasi yang akan datang yang akan menjadi pemimpin-pemimpin masa hadapan.

Yang Berhormat bagi Kapar telah menyebut mengenai kanak-kanak yang tidak dihantar ke sekolah khususnya di kawasan luar bandar. Program-program kesedaran kepada ibu bapa tentang pentingnya pendidikan sentiasa diadakan. Bagi keluarga yang tidak berkemampuan akan dibantu dengan program-program bantuan daripada agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui program PPRT.

Yang Berhormat bagi Kapar menyatakan bahawa sebab-sebabnya adalah kerana kesusahan hidup dan kesusahan hidup ini kadang-kadang memaksa kanak-kanak bekerja dan menjadi buruh kanak-kanak. Kanak-kanak seharusnya memang diberi peluang untuk bersekolah dan ibu bapa bertanggungjawab untuk menentukan kanak-kanak itu bersekolah. Jika mereka mempunyai masalah untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah, wajarnya mereka mendapat bantuan yang disediakan oleh agensi-agensi kerajaan dan saya sangat berharap supaya badan-badan dalam komuniti, JKKK dan lain-lain pertubuhan-pertubuhan sukarela kebajikan dapat membimbing dan membantu serta memberikan maklumat-maklumat kepada ibu bapa supaya mereka mendapat bantuan ini daripada agensi-agensi dan jabatan-jabatan kerajaan.

Yang Berhormat bagi Kapar juga menyatakan masalah kanak-kanak di ladang tidak mendapat pendidikan tadi terlibat menjadi buruh kanak-kanak dan juga menjadi mangsa penganiayaan. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sedar dan prihatin terhadap masalah-masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui jawatankuasa khas mengenai masalah sosial di ladang menyediakan beberapa program. Perkara ini sedang dimantau dan diambil tindakan dan banyak program sedang dilaksanakan dan dirancang seperti latihan bagi pengasuh kanak-kanak, latihan bagi ibu bapa iaitu *parenting skill*, dengan izin, yang kita sediakan dalam bahasa Tamil dan kita juga telah

melatih 40 orang pegawai penerangan dari kaum India sebagai *facilitator* untuk program-program ini.

Yang Berhormat bagi Tambun telah menyatakan mengenai masalah kanak-kanak – masalah yang nyata dan tidak nyata di mana ibu bapa yang tidak pedulikan kepada anaknya mengabaikan tanggungjawab masing-masing. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sangat peka mengenai golongan kanak-kanak ini yang bermasalah. Adalah menjadi harapan kementerian bahawa semua lapisan masyarakat akan memainkan peranan memberitahu kepada kementerian mengenai kanak-kanak yang diabaikan, bermasalah dan daif supaya tindakan dapat diambil untuk membantu mereka melalui program-program di bawah kementerian dan agensi-agensinya.

Program Advokasi, Literasi Undang-undang disarankan supaya diperluaskan supaya rang undang-undang ini dapat dihayati sepenuhnya oleh semua lapisan masyarakat. Kementerian sememangnya mempunyai program/rancangan untuk memberikan penerangan yang khusus, yang disebar luas kepada masyarakat termasuklah golongan ibu bapa, pegawai-pegawai yang terlibat dalam penguatkuasaan rang undang-undang ini, bahkan kanak-kanak sendiri perlu didedahkan dengan rang undang-undang ini demi kepentingan mereka dan juga akan melibatkan kementerian-kementerian lain dan agensi-agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan dalam satu *networking* untuk tugas advokasi ini.

Yang Berhormat bagi Tambun juga menyatakan mekanisme pelaksanaan akta ini juga nampak bahawa kanak-kanak menjadi buruh dan tidak terbela. Sebenarnya bolehlah dilaporkan kepada pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun menelepon talian bebas tol 800883040 iaitu talian yang boleh mengambil maklumat-maklumat mengenai masalah-masalah penderaan dan sebagainya. Pegawai akan menjalankan siasatan seberapa segera dan mengambil tindakan yang sepatutnya berdasarkan kepada keadaan. Pengadu tidak perlu memberi nama dan jabatan atau tempat atau alamat dan segala kerahsiaan akan kita pegang.

Yang Berhormat bagi Tambun juga menyebut mengenai Seksyen 7 – komposisi dan struktur organisasi Pasukan Pelindungan Kanak-kanak, latihan yang sempurna dapat diberikan dan dapat diwujudkan di semua peringkat. Pasukan Pelindungan Kanak-kanak di peringkat negeri dan daerah telah pun diwujudkan dan pada masa ini terdapat 14

Pasukan Pelindung Kanak-kanak di peringkat negeri dan 97 Pasukan Pelindungan Kanak-kanak di daerah. Anggota-anggota wajib adalah pelindung iaitu pengarah, pegawai perubatan dan pihak polis, ahli-ahli lain yang berminat dalam hal ehwal kanak-kanak terutamanya pegawai belia dan sukan dan juga beberapa yang lain – guru-guru dan sebagainya. Latihan dijalankan supaya ahli-ahli pasukan dapat menjalankan tugas mereka dengan sempurna. Pasukan Pelindungan Kanak-kanak mengawasi perjalanan pusat aktiviti kanak-kanak di peringkat daerah dan pada masa kini telah pun wujud 85 buah pusat aktiviti kanak-kanak di seluruh negara di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi.

Yang Berhormat bagi Tambun juga menyebut mengenai kanak-kanak cacat harus digalakkan bekerja menjalankan aktiviti-aktiviti dan sebagainya. Di negara ini orang kurang upaya memang digalakkan untuk bekerja di mana dasar menetapkan 1% pekerja haruslah terdiri daripada orang kurang upaya dan kerajaan dan pihak swasta sama-sama dipertanggungjawabkan untuk memberi peluang bekerja kepada mereka ini. Kini terdapat 2,694 orang kurang upaya di sektor swasta dan 583 orang dalam kerajaan.

Yang Berhormat bagi Tambun juga menyebut mengenai rasional hukuman Seksyen 31 iaitu pengabaian pembangunan atau pemindahan kanak-kanak dibandingkan dengan Seksyen 32 di mana kanak-kanak digunakan untuk mempromosi dan Seksyen 33 membiarkan kanak-kanak tinggal tanpa pengawasan. Denda-denda iaitu Seksyen 31 denda RM20,000, Seksyen 32 denda RM5,000 Seksyen 33 denda RM5,000. Hukuman yang diperuntukkan di bawah Seksyen 31 adalah lebih berat daripada yang diperuntukkan di bawah Seksyen 32 dan 33 kerana kesedaran berhubung dengan Seksyen 31 dianggap lebih berat berbanding dengan Seksyen 32 dan 33. Tambahan pula kanak-kanak yang menjalani penderaan yang disebutkan dalam Seksyen 31 melalui pengalaman dan mengalami kesan yang *traumatic* dalam kehidupan mereka pada masa akan datang.

Yang Berhormat bagi Tambun juga menyebut mengenai buruh kasar iaitu kanak-kanak yang berusia 13 tahun yang tidak bersekolah, bolehkah dia bekerja dan tidakkah mereka dibenarkan bekerja dan diberikan perlindungan oleh majikan, sekiranya majikan tidak menjaga mereka, majikan perlu didakwa. Penggajian seorang kanak-kanak di bawah umur 16 tahun dalam sesuatu pekerjaan adalah tertakluk kepada Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 iaitu Akta 350. Seksyen 2 Akta 350 hanya membenarkan seseorang kanak-kanak diambil bekerja dalam keadaan yang disenaraikan

dalam subseksyen 2. Di antaranya “*membuat kerja ringan yang sesuai dengan keupayaan dalam apa-apa perusahaan yang dijalankan oleh kerluarganya*” Oleh itu, akta ini melarang kanak-kanak bekerja sebagai buruh kasar. Mana-mana orang yang melanggar peruntukan Akta 350 ataupun ibu bapa atau penjaga yang membenarkan anak-anak mereka bekerja adalah melakukan kesalahan di bawah akta ini.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong telah menyebut mengenai alaf baru dan kerajaan mesti menitikberatkan soal kesejahteraan generasi muda dan keluarga kerana fenomena dunia akan berubah struktur penduduknya. Ramalan PBB di mana struktur penduduk dunia akan terbalik di mana remaja merupakan golongan yang ramai pada tahun 2020. Kerajaan bersedia menghadapi perubahan-perubahan kependudukan kerana kita telah pun mewujudkan pelbagai dasar termasuklah Dasar Warga Tua, Dasar Kanak-Kanak, Dasar Kebajikan dan sebagainya dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga juga sudah pun bersedia dengan usaha-usaha terhadap perubahan ini kerana kita sedar dan kita tahu bahawa unjuran kumpulan warga tua pada tahun 2020 ialah 11% daripada seluruh penduduk. Kata Yang Berhormat, pada tahun 1986 terdapat satu pusat pemulihan dadah tetapi sekarang bertambah dan perlu dikaji dari segi social costnya. Ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Rasa saya tidak perlulah saya ulas.

Seterusnya, Yang Berhormat bagi Parit Sulong menyatakan hala tuju anak muda kepada dadah, kenakalan, kepincangan sekarang ini perlu diberikan pendidikan dan bimbingan di pusat pemulihan dengan latihan. Latihan yang boleh membantu mereka menjadi masyarakat yang menyumbang kepada negara dan meminta dikaji semula latihan kurikulum di pusat-pusat pemulihan. Cadangan Yang Berhormat memanglah baik dan kementerian sentiasa mengkaji program dan aktiviti serta latihan-latihan di pusat-pusat pemulihan dengan tujuan mempertingkatkan dan memantapkan lagi program aktiviti dan latihan yang sedia ada. Pelbagai program telah pun dilaksanakan dan melalui pelan induk tindakan sosial negara juga kita melaksanakan pelbagai program, bukan sahaja pemulihan tetapi juga pencegahan dan latihan dalam institusi-institusi kebajikan seperti Taman Sri Puteri, Sekolah Tunas Bakti, Asrama Akhlak, Pusat Kemahiran Kebangsaan memang sudah pun dijalankan dan saya sendiri apabila masuk ke kementerian ini telah meminta supaya kursus-kursus yang dianjurkan sama ada enam bulan, setahun, setahun

setengah, dua tahun atau tiga tahun adalah kursus-kursus yang memberikan kemahiran-kemahiran tertentu kepada pelatih-pelatih ini agar apabila mereka keluar, mereka mendapat sijil, ada satu pengiktirafan kemahiran mereka dan boleh mereka gunakan untuk meneruskan kehidupan. Pusat Kemahiran Kebangsaan kita yang ada di Serendah adalah satu contoh yang sangat baik kerana di situ kita telah pun meningkatkan bentuk-bentuk latihan, bukan lagi yang tradisional iaitu bertani, kimpalan, menjahit dan sebagainya. Kita telah memasukkan satu kursus baru iaitu otomasi dan anak-anak ini sebaik sahaja habis dan selesai tamat kursus itu telah pun mendapat pekerjaan di kilang-kilang di sekitar kawasan Pusat Kemahiran Kebangsaan tersebut di Serendah.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan perlu ada inisiatif daripada kerajaan untuk mempertingkatkan latihan kurikulum kepada pelatih-pelatih pusat pemulihan dadah bagi mencungkil bakat mereka ke arah yang berguna, bukan latihan seperti yang lama, seperti tukang jahit, menganyam rotan dan sebagainya. Ini juga saya rasa perlu diambil perhatian dan tindakan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Seterusnya penuaan dan wujudkan persekitaran mesra bagi warga tua. Dasar Warga Tua Negara yang telah pun diluluskan oleh kerajaan pada tahun 1995 dan pelan tindakan Dasar Warga Tua yang telah diluluskan yang telah pun mula dilaksanakan telah mengambil kira semua aspek penuaan dan pewujudan segolongan warga tua yang sejahteraan. Pewujudan persekitaran mesra bagi warga tua telah diambil kira dan dalam usaha mewujudkan persekitaran mesra insan yang ditetapkan dan pembangunan perlu mengambil kira keperluan-keperluan bukan sahaja warga tua tetapi kanak-kanak, keluarga, orang kurang upaya dengan menyediakan *barier free living* dan *people friendly environment*.

Akhir sekali Yang Berhormat bagi Kepong telah mengemukakan pelbagai isu terutamanya membuat komen-komen mengenai akta ini sendiri. Yang Berhormat mengatakan bahawa tidak ada psikologi dalam undang-undang ini dan seorang kanak-kanak yang menghadapi masalah putus harapan perlu mendapat nasihat ataupun bimbingan seorang psikologis dan beliau mengatakan pihak kementerian perlu mengambil perhatian terutamanya dari segi kaunseling. Dari aspek kaunseling ini seperti yang telah dimasukkan dalam rang undang-undang ini adalah diharapkan dengan

pelaksanaan rang undang-undang ini nanti kita akan dapat memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan kaunseling.

Yang kedua, beliau telah menyatakan perlu ada *child psychologist* dan latihan perlu diberikan kepada mereka. Dari segi mendapatkan *child psychologist*, kementerian ini akan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan perkhidmatan *child psychologist* yang terlatih dan kita, rasa saya, tidak pula kekurangan *child psychologist* di negara kita ini.

Dr. Tan Seng Giaw:[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw:[Pembesar suara tidak dibuka]

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tidak dengar!

Dr. Tan Seng Giaw: Ha, ya. Memang pembesar suara ia mengambil masa sedikit. Seperti *child psychologist*, walaupun Yang Berhormat kata cukup tetapi saya dapati tidak cukup di dalam negara ini dan kita mesti mempertingkatkan usaha untuk mendapat pakar psikologis kanak-kanak untuk menguruskan semua urusan penguatkuasaan undang-undang ini dan Yang Berhormat tidak sebutkan hakim yang layak untuk membicara kes kanak-kanak kerana kes kanak-kanak yang bermasalah ini tidak serupa dengan penjenayah yang tegar.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Yang Berhormat ini tidak sabar-sabar. Banyak lagi isu yang ditimbulkan saya belum jawab. Baru satu, sudah bangun. Hai, saya tidak tahulah macam mana boleh tidak begitu sabar! Dalam semua aspek kepakaran memang kita sepanjang masa, Kerajaan Barisan Nasional sangat peka – sepanjang masa, - sudah tutup telinga pula tak hendak dengar, lepas itu kata saya tidak jawab. Sebenarnya kita memang sangat peka, perancangan latihan-latihan kepakaran sentiasa diberikan kepada orang-orang kita, anak-anak muda kita terutamanya dan kini kita telah dapat buktikan memanglah pada satu-satu masa, satu-satu jenis kepakaran itu memang tidak cukup sebab rakyat kita pun sentiasa bertambah. Jadi, kita kena terus menerus mewujudkan program-program melatih mereka.

Seterusnya Yang Berhormat menyatakan tiada penekanan kepada penjaga dan kelayakan untuk menjaga seseorang kanak-kanak dan kaedah untuk menyiasat secara

menyeluruh apabila seseorang kanak-kanak melarikan diri daripada penjaganya. Fasal 106 rang undang-undang ada memperuntukkan mengenai siasatan dalam kes kanak-kanak yang lari daripada jagaan seseorang yang layak. Berdasarkan siasatan itu, mahkamah bagi kanak-kanak akan membuat perintah bagaimana kanak-kanak hendak diperlakukan dan peruntukan mengenai siasatan tidak diperuntukkan bagi kanak-kanak yang lari daripada institusi kerana institusi tersebut ditubuhkan untuk kanak-kanak yang memerlukan bantuan dan tidak perlu diragui komitmen dan kewibawaan pihak institusi untuk menjaga kanak-kanak tersebut.

Dr. Tan Seng Giaw:*[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun lagi.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Yang Berhormat sabar dahulu. Saya tahu Yang Berhormat hendak kata ada kes yang telah berlaku, ya. Kadang-kadang satu-satu kes itu berlaku bukan dirancang atau disengajakan dan apabila kita mengambil tindakan kepada kanak-kanak yang lari, DAP selalunya marah, campur tangan, ini tidak betul, macam-macamlah! Jadi, saya harap Yang Berhormat akan sama-sama membantu melaksanakan rang undang-undang ini. Tidak ada gunanya kita bercakap banyak-banyak dalam Dewan ini tetapi apabila rang undang-undang ini dilaksanakan kita tidak memberikan sokongan.

Dr. Tan Seng Giaw:*[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, hendak beri jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat mesti tahu kalau benda itu baik, kita memang sokong. Yang penting sekali itu Yang Berhormat, kerana Yang Berhormat pun sedarlah, walaupun Yang Berhormat cekap untuk mendidik dan mengasuh anak-anak sendiri kerana tidak begitu nakal tetapi sekarang ini kita menangani budak yang bermasalah, yang tidak serupa dengan budak biasa. Sebab itulah saya tekankan begitu penting. Walaupun disebutkan Fasal 106 itu ada menyebut mengenai kanak-kanak yang melarikan diri tetapi tidak ada peruntukan untuk menyiasat penjaga-penjaganya. Jadi, kita tidak boleh katakan sebab seorang penjaga itu dilantik

walaupun oleh mahkamah, beliau adalah memang layak, sesuai untuk menjaga kanak-kanak itu. Tidak semestinya, Yang Berhormat.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Saya sedar, saya tahu tidak semua orang layak seratus peratus, ibu bapa sendiri pun kadang-kadang tidak layak. Yang Berhormat, saya sedar semua itu keadaan yang berlaku dalam masyarakat. Itu sebabnya kita adakan rang undang-undang dan kita telah ada sebanyak tiga rang undang-undang yang melibatkan kesejahteraan, pemulihan, pembangunan kanak-kanak tetapi sekarang ini kita hendak masuk alaf baru, kita gubal, kita satukan semuanya sekali supaya lebih mudah bagi semua pihak untuk menguatkuasakannya. Dari segi ibu bapa anak-anak yang nakal tadi, anak-anak saya Yang Berhormat kata baik, memang anak-anak saya baik, mereka tidak banyak memberi saya masalah dan mereka semua berjaya, alhamdulillah, dan oleh kerana itulah saya bersyukur bahawa anak saya tidak ada masalah, saya hendak bantu anak-anak yang lain. Inilah cara kita hendak bantu, kita adakan satu rang undang-undang yang boleh digunakan oleh semua pihak untuk memulihkan keadaan dan mensejahterakan.

Anak-anak yang banyak masalah itu berpunca daripada ibu bapa mereka. Kalau ibu bapa mereka mendidik, mengawal, mengawas anak-anak mereka dari sekecil-kecilnya lagi, mendisiplinkan mereka dengan baik, tidak ada masalah timbul, tidak banyak masalah, mungkin adalah masalah tetapi tidak banyak masalah, tidak begitu mudarat kerana Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara telah pun membuat kajian disebabkan kelemahan keluarga hari ini, keluarga tidak dapat lagi menjalankan fungsi mereka sebagai institusi yang mendidik anak-anak, maka itulah timbul pelbagai masalah dan gejala sosial. Tambah pula dengan orang ramai mengambil kesempatan memangsakan kanak-kanak maka itulah terjadi begini banyak masalah.

Kita cuba menyedarkan masyarakat., menyedarkan ibu bapa terutamanya supaya mereka dapat upaya, mampu menjalankan tanggungjawab mereka. Jadi, Yang Berhormat tidak usahlah kita bincang pangjang-panjang, cuma kita luluskan akta ini dan kemudian kita laksanakan sebaik-baik mungkin. Kalau kita dapati ada pula peruntukan-peruntukan tidak cukup, ada pula masalah-masalah lain timbul, kita buat pindaan. Mudah-mudahan Yang Berhormat masih ada di sini dalam penggal yang akan datang. Sama-sama boleh

kita bekerja. Boleh? [*Bertanya kepada Yang Berhormat bagi Kepong*] Kenalah bersetuju. [*Ketawa*]

Seterusnya Yang Berhormat menyebut mengenai mahkamah kanak-kanak. Bagaimana mahkamah dan hakim dapat menyesuaikan dengan kanak-kanak. Memandangkan kepentingan kebajikan kanak-kanak dipelihara dalam apa juga keadaan termasuklah apabila seseorang kanak-kanak itu dihadapkan ke mahkamah bagi kanak-kanak, maka dimasukkan ke dalam rang undang-undang ini, Fasal 11(2) yang memperuntukkan bahawa mahkamah bagi kanak-kanak hendaklah terdiri daripada hakim Mahkamah Sesyen. Hakim Mahkamah Sesyen adalah seorang pegawai kanan yang berwibawa, matang dan mempunyai tanggungjawab yang tinggi sebagai seorang pegawai di taraf itu. Kita tidak perlu meragui mereka dalam mengendalikan apa-apa prosiding yang

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kepong bangun pula.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:melibatkan kanak-kanak. Tidak mengapalah. Saya habiskan cerita ini dulu.

Kementerian juga bercadang apabila berkuatkuasanya undang-undang ini, untuk berunding dengan Jabatan Kehakiman supaya hakim Mahkamah Sesyen yang sesuai dilantik untuk mengendalikan mahkamah bagi kanak-kanak. Ini bermaksud bahawa mereka itu mempunyai pengkhususan dalam bidang kanak-kanak dan lain-lain kriteria yang perlu dan setakat ini kerajaan belum bercadang untuk membuat apa-apa perlantikan Lay Magistrate untuk mengendalikan mahkamah bagi kanak-kanak.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sekali lagi. Saya mencadangkan Yang Berhormat untuk menguatkuasakan rang undang-undang ini dengan lebih sempurna – Yang Berhormat pergi ke Mahkamah Sesyen, tengok macam mana hakim itu membicarakan kes-kesnya. Saya tidak sebutkan hakim yang baik. Memang ada hakim yang baik dan arif. Tetapi saya sebutkan kes-kes yang hakimnya hendak menyelesaikan kes sahaja. Dia ada beberapa kes yang banyak kerana kes itu memang banyak – tidak dapat diselesaikan kerana banyak tunggakan. Kerana hendak selesaikan

tunggakan ini, maka apabila membicarakan, dia hanya hendak selesaikan kes-kes tanpa mengira latar belakang dan psikologi yang diperlukan.

Itulah masalahnya. Yang Berhormat perlu pergi ke Mahkamah Sesyen, sama ada sebagai orang biasa – tengok di situ macam mana dia selesaikan kes demi kes untuk menyelesaikan tunggakannya. Dan ini bermakna Yang Berhormat ini tidak begitu berpengalaman di dalam mahkamah sekarang ini. Itulah masalah kita sekarang. Walaupun begitu sempurna atas prinsipnya, teorinya rang undang-undang ini tetapi apabila dilaksanakan dan dikuatkuasakan, kita akan menghadapi kebuntuan kerana kaedah mahkamah dan hakim yang mungkin tidak sesuai untuk mengendalikan kes-kes seumpama ini.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Saya memang kesal dengan pihak pembangkang yang selalu memandang rendah kepada hakim-hakim dan mahkamah-mahkamah seolah-olah pihak pembangkang ini semua dia boleh buat, segala-gala dia boleh buat, hendak membela orang, hendak buat itu dan ini. Sebenarnya saya masih mempunyai keyakinan bahawa hakim-hakim yang akan kita pilih – bukan hanya diminta begitu sahaja, kita akan runding dengan mereka yang prihatin dan ada pengkhususan dalam bidang kanak-kanak.

Kita tahulah Yang Berhormat hendak buat kerja. Saya bukan lawyer, saya bukan peguam. Memang tidaklah kerja saya hendak pergi ke mahkamah, duduk di mahkamah hari-hari hendak menengok. Sekali-sekala kita pergi juga, ada tengok. Dan rasa saya apabila mahkamah bagi kanak-kanak ini – ia khusus untuk kanak-kanak tentulah hakim-hakim dan mereka yang mengendalikan kes-kes kanak-kanak ini lebih prihatin. Jadi, saya harap Yang Berhormat, janganlah kita bertengkar lagi supaya kita dapat segera meluluskan akta ini dan akta ini boleh kita gunakan bagi kepentingan kanak-kanak dan juga keluarga mereka.

Yang Berhormat juga bertanya mengenai apakah yang dimaksudkan dengan *interactive workshop* di mana akan diadakan dan kemudahan yang disediakan. *Interactive workshop* bermaksud apa-apa juga program, aktiviti dan workshop yang dijalankan bagi tujuan melibatkan kanak-kanak dan ahli-ahli keluarganya terutama ibu bapa dan penjaga mereka. Objektif utama *workshop* seumpama ini adalah untuk memberi peluang kepada kanak-kanak dan ahli-ahli keluarga untuk sama-sama

berbincang dan menyelesaikan masalah-masalah yang mereka hadapi. Program-program dijalankan oleh pasukan perlindungan kanak-kanak dan jawatankuasa kebajikan juvana selama ini merupakan *interactive workshop* yang dimaksudkan.

Seterusnya Yang Berhormat menyatakan perlu ada siasatan terhadap kanak-kanak secara menyeluruh. Laporan pegawai akhlak, pelindung mengenai juvana dan kanak-kanak memang merangkumi segala aspek mengenai juvana dan kanak-kanak itu seperti latar belakang keluarga, persekolahannya, kelakuannya, pergaulannya, kesihatannya dan seterusnya lain-lain aspek yang melibatkan kanak-kanak itu dalam kehidupannya.

Yang Berhormat bertanya apakah sekolah-sekolah yang diluluskan. Sekolah yang diluluskan ialah institusi pemulihan akhlak yang diwartakan dan dikenali sebagai Sekolah Tunas Bakti. Modeliti pemulihan termasuk *behavior modification*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, latihan vokasional, ajaran agama dan penempatan dalam pekerjaan dengan sokongan sektor swasta, masyarakat dan keluarga supaya mereka dapat balik ke pangkuan masyarakat dan menjadi ahli masyarakat yang berguna.

Tadi pun saya sudah katakan kursus-kursus ini adalah kursus-kursus yang kita keluarkan sijil yang diiktiraf supaya anak-anak ini boleh mudah mendapat pekerjaan apabila mereka keluar. Dan Yang Berhormat juga menyatakan....

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kepong bangun lagi Yang Berhormat.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: penyiasatan terhadap kanak-kanak..... [*Disampuk*] nanti kejap.....yang membuat aduan terhadap penjaga perlu kaedah yang mencukupi. Segala aduan yang dibuat oleh kanak-kanak akan disiasat oleh pelindung, pegawai akhlak dengan secukupnya. Ini penting supaya kanak-kanak itu dapat disenaraikan sebagai kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemeliharaan atau memerlukan lain-lain bantuan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua., penjelasan. Kita memang hendak bekerjasama untuk menyelesaikan masalah ini secara jangka panjang. Walau bagaimanapun bolehkah Yang Berhormat adakan satu kajian terhadap sekolah-sekolah yang diluluskan khasnya, istimewanya Sekolah Henry Gurney. Kita kaji bilangan yang dimasukkan ke dalam sekolah ini, bilangan yang dikeluarkan – lepasan Sekolah Henry

Gurney dan bilangan yang kembali kepada masalah terjerumus dalam jenayah dan sebagainya untuk mengetahui apakah prestasi Sekolah Henry Gurney.

Saya setuju ada yang baik – apabila dia dilepaskan dari sekolah itu, dia berkelakuan baik untuk selama-lamanya. Tetapi ada juga yang balik kepada penjenayahan, seolah-olah sekolah ini menjadi satu sekolah untuk penjenayahan. Saya berharap Yang Berhormat dapat adakan satu kajian yang teliti untuk mengetahui prestasi sekolah itu.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Sekolah Henry Gurney di bawah Kementerian Dalam Negeri. Saya jangka wakil Kementerian Dalam Negeri akan dapat membuat kajian itu dan juga akan dapat memberikan maklum balas mengenai perkara ini. Saya tidak dapat sebab ia bukan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Saya bercakap tadi adalah institusi di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, awal-awal tadi telah saya sebutkan – Sekolah Tunas Bakti, Asrama Akhlak,.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Taman Seri Puteri.....duduklah dulu *[Merujuk kepada Yang Berhormat bagi Kepong]* *[Ketawa]* dan Pusat Kemahiran Kebangsaan di mana kita mengadakan berbagai-bagai kursus tambahan, kursus komputer ada, kursus automasi ada – mendapat sijil pengiktirafan, latihan vokasional dan ini telah pun kita laksanakan. Yang bab Sekolah Henry Gurney itu, saya tidak dapat jawablah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menunjukan soalan ini kepada Menteri Dalam Negeri pada suatu hari kelak. Walau bagaimanapun, dengan institusi di bawah kementerian Yang Berhormat ini, bolehkah satu kajian dibuat juga untuk mengetahui prestasinya. Tidak semestinya kita tumpu kepada Sekolah Henry Gurney.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Ya, saya sudah cakap tadi. Saya sudah cakap kursus-kursus baru sudah pun ditambah semenjak saya masuk ke kementerian ini lima tahun dulu. Itu sebab tadi saya sebutkan kursus komputer, kursus akaun, kursus *automation*. Yang Berhormat sahaja yang tidak tahu sebab Yang Berhormat tidak pernah melawat. *[Ketawa]* *[Disampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Kalau ada jemputan, saya akan pergi.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tidak payahlah jemputan. Yang Berhormat mintalah melawat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya minta hendak pergilah sekarang. Saya minta hendak pergi.....

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Kalau kita ada *Open Day*, Yang Berhormat datang ya.

Dr. Tan Seng Giaw: *Open Day*? Bagilah saya tarikh sedikit.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Nantilah, bila kita ada *Open Day* nanti kita jemput. *[Ketawa] [Disampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Yang penting sekali Yang Berhormat, penjelasan sekali lagi, mungkin penjelasan yang terakhir. Walaupun ada kursus – itu baik, ada sijil dan sebagainya memang baik tetapi tidak semestinya ada kursus yang keluaran sijil itu, prestasi meningkat, itu tidak semestinya Yang Berhormat. Kita mesti menumpu kepada prestasi dan hasil daripada kursus-kursus dan langkah-langkah yang telah diambil.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Kita tahulah Yang Berhormat. Kita pun kaji prestasi dari masa ke semasa. Janganlah ingat kerajaan ini bodoh. Yang pembangkang itu sebab dia banyak tidak tahu mengenai apa yang kerajaan jalankan – itu sebab benda yang sudah ada pun ditanya. Benda yang tidak ada itu memang patutlah ditanya. Ini yang sudah ada pun hendak disoal-soal juga. Bacalah laporan-laporan yang dibawa masuk dalam Parlimen ini. Cukuplah itu. *[Ketawa]*

Penghabislah sekali, iaitu Yang Berhormat meminta penjelasan mengenai Seksyen 43(1)(b) iaitu perkataan “kecuali dengan jalan pekahwinan”. Ini last, saya tidak mahu jawab lagi Yang Berhormat bangun-bangun. Perlu dimaklumkan bahawa kanak-kanak umur 16 tahun boleh kahwin jika perkahwinan itu mendapat persetujuan melalui satu lesen yang diberikan oleh ketua menteri negeri-negeri ataupun menteri-menteri besar yang berkenaan menurut Seksyen 10, Akta 164, *Law Reform Of Marriage And Divorce* Akta 1976.

Itulah, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai perkara-perkara yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya rasa begitu ramai yang membahaskan akta ini dan ini terbukti

bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat semua adalah begitu prihatin terhadap kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak di negara kita ini. Mudah-mudahan dengan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat semua, kita dapat melaksanakan rang undang-undang ini dengan baik dan sempurna.

Walau bagaimanapun, sekiranya ada perkara-perkara yang tidak dapat saya sentuh, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan sentiasa meneliti dan memberikan perhatian dari masa ke semasa untuk melaksanakan undang-undang ini dengan lebih baik dan sempurna dan terima kasih saya ucapkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Jawatankuasa*].

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.
Fasal 11 – [Pindaan oleh Y.B. Tuan M. Kulasegaran]

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi saya telah membawakan satu pindaan dan saya akan huraikan sebab-sebab kenapa saya membawa pindaan ini adalah kita semua tahu bahawa sebelum rang undang-undang yang dicadangkan hari ini sebelum ini adalah akta juvana di mana terkandung semua kes-kes akan didengar oleh seorang majistret. Tetapi dengan rang undang-undang yang baru ini ia mengalih semua bidang kuasa ini kepada Mahkamah Sesyen. Pada satu pandangan Mahkamah Sesyen lebih berpengalaman maka mereka patutlah mendengar kes-kes yang akan didengar bagi kanak-kanak.

Tetapi yang kita tahu bahawa Mahkamah Majistret adalah Mahkamah Majistret yang terdekat dengan tempat kejadian kerap kali. Ini adalah yang saya sendiri kenal kerana saya sendiri menjalankan kes-kes juvana di negeri Perak di mana saya dapati

bahawa jika kes-kes ini didengar di Mahkamah Sesyen akan menjadi sangat rumit dan susah. Lebih-lebih lagi oleh kerana macam di negeri Perak ada lebih kurang 17 Mahkamah Majistret tetapi Mahkamah Sesyen hanya ada 5 Mahkamah Sesyen di negeri Perak. Trend ini sama juga di seluruh negara di Sabah dan Sarawak lagi teruk dari Perak. Juga oleh kerana ada backlog cases yang mungkin Yang Berhormat Menteri mungkin tahu atau tidak tahu mengenai perkara ini dengan khusus bahawa kes-kes di Mahkamah Sesyen sekarang seperti kes-kes criminal dan kes-kes sivil dijadualkan yang telah difailkan sekarang akan di dengar di tahun 2001 sahaja. Ini sangat merumitkan kanak-kanak jika kes-kes ini didengar oleh Mahkamah Sesyen. Dan *backlog of cases* di Mahkamah Sesyen sangat teruk dan tenat hingga saya difahamkan oleh beberapa hakim Mahkamah Sesyen bahawa setiap hari oleh kerana mereka terpaksa mendengar satu dua hingga lima kes mereka tidak ada masa lapang untuk keluarga mereka kerana kerap kali bila kes ini dirayu ke Mahkamah Tinggi dan sebagainya memerlukan masa lepas kerja di mahkamah.

Baru-baru ini Ketua Hakim Negara sendiri telah mengaku dan mengatakan bahawa satu perkara yang serius di negara ini bahawa dikatakan setiap tahun 25 peratus peningkatan kes-kes didaftarkan di mahkamah. Lebih-lebih lagi di Mahkamah Sesyen kerana Mahkamah Sesyen di negara ini yang mengendalikan kes yang terbanyak sekali. Oleh kerana quantum dan *serious offend* di negara ini.

Maka lebih baiklah menerima sahaja cadangan yang saya kata kes-kes ini yang serupa macam biasa seperti di akta juvana di mana kes-kes didengar oleh Mahkamah Majistret. Lebih-lebih lagi di Mahkamah Sesyen sekarang kita tahu bahawa berbeza di luar negeri di mana kalau hakim mahkamah bercuti atau terpaksa pindah ke negara lain satu circuit judge akan mengendalikan perkara itu tetapi tidak sedemikian. Kita tahu di Butterworth Mahkamah Sesyen tidak bersidang selama satu tahun oleh kerana hakim itu telah dilucutkan atau ditahan kerja dan tidak ada penggantian. Perkara itu tidak aneh, perkara itu sama di seluruh negara.

Baru-baru ini satu Mahkamah Sesyen telah ditutup di Kuala Kangsar. Ini juga merumitkan perkara lagi dan jika ada sesuatu kes dari Pengkalan Hulu dari Grik akan mengambil masa lebih kurang lima jam untuk sampai di Ipoh untuk mendengar kes itu. Ini menyusahkan bukan sahaja kanak-kanak tetapi juga ibu bapa mereka. Mereka perlu

berlepas dari Pengkalan Hulu lebih kurang 4 pagi dan sampai di Ipoh pukul 9. Tetapi sebelum ini kalau kes ini boleh didengar di Mahkamah Majistret kes-kes ini boleh didengar di mahkamah Pengkalan Hulu dekat di kawasan mereka sendiri.

Saya difahamkan dari pengetahuan saya sendiri majistret-majistret juga ada pengalaman macam dulu selepas mereka mendapat kelayakan dihantar menjadi majistret tetapi ada pengalaman. Dalam situasi yang sedemikian bukankah lebih boleh dikatakan lebih baik bahawa bidang kuasa yang sedia ada dikekalkan supaya Mahkamah Majistret dibenarkan mengendalikan kes-kes sedemikian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Teluk Intan sekarang terbuka untuk dibahas. Tidak ada orang hendak bahas?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ada memang ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bagi Kepong berdiri, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya ini membayangkan apa yang saya sebutkan tadi mengenai bagaimana di Mahkamah Sesyen kerana ada kes yang terlalu banyak, tunggakan banyak 25 ribu kah setiap tahun...

Seorang Ahli: *25 percent.*

Dr. Tan Seng Giaw: ..25 peratus setiap tahun. Ini bermakna tunggakan kes mahkamah itu akan bertambah seperti mana yang kita tahu Tuan Yang di-Pertua. Memang tahu dan ada sesetengah dan bukan hakim ada banyak hakim yang sangat arif saya tahu tetapi ada yang hendak habiskan tunggakan ini hendak selesaikan masalah tunggakan ini maka setiap kes itu dibicarakan secara cepat dan juga tidak menghiraukan masalah-masalah seperti yang dihadapi oleh kanak-kanak yang bermasalah. Daripada segi inilah saya pun gembira kerana Yang Berhormat bagi Teluk Intan membangkitkan satu pindaan bagi peluang bagi saya untuk menerangkan dan menambahkan *point* saya mengenai masalah ini kerana nampaknya sebelum ini Yang Berhormat Menteri tidak begitu prihatin mengenai apa yang disebutkan sebagai perbicaraan kanak-kanak di mahkamah. Masalah ini memang serius Yang Berhormat. Walaupun Yang Berhormat kata tidak serius kerana Yang Berhormat tidak pernah pergi itulah masalahnya. Dengan

ada pindaan ini kita tidak patut luluskan dan kemudian Yang Berhormat pun boleh pergi ke mahkamah untuk menyaksikan dengan sendiri urusan perbicaraan khususnya terhadap kanak-kanak.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tidak mengapalah nanti bila ada kes nanti saya ajak Yang Berhormat pergi samalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Pergi sama. [*Ketawa*]

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Sebenarnya rang undang-undang ini mengadakan Mahkamah Bagi Kanak-kanak bukan mereka itu saya jangka dibawa ke Mahkamah Sesyen yang biasa. Mahkamah bagi kanak-kanak ini tidak terbuka kepada orang ramai tidak dilakukan seperti penjenayah sebab dalam akta pun mengatakan bahawa kanak-kanak tidak boleh diperlakukan seperti penjenayah yang dewasa. Bila kita menggubal rang undang-undang ini kita sama-sama berbincang dengan pihak wakil dari Peguam Negara dan mereka memberikan komitmen bahawa perkara ini boleh dilaksanakan dan hakim-hakim kita adalah hakim-hakim yang berwibawa. Yang Berhormat sendiri kata ada hakim yang berkepakaran.

Jadi saya rasa kita berilah keyakinan dan peluang supaya dapat mereka ini melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Kenapa kita kurang sangat hakim-hakim sebab ramai sangat *lawyer-lawyer* masuk DAP jadi ahli politik saya tengok. Kalau tidak Yang Berhormat yang *lawyer-lawyer* ini sudah jadi hakim. Lebih ramai hakim-hakim kita lebih mudahlah kita hendak mengendalikan hal-hal ini dan saya inginlah mengatakan bahawa pada pendapat kami iaitu jawatankuasa yang menggubal dan juga meluluskan pembentangan ini kita yakin bahawa kita boleh mengendalikannya seperti yang saya katakan tadi sekiranya ada masalah kembali kepada Dewan yang mulia ini. Saya tidak bersetuju dengan pindaan yang telah dicadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pemberitahu hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 11 –

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bagi Teluk Intan.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih Tuan Pengerusi. Boleh saya merujuk kepada 11(3) iaitu dengan izin, seorang dari dua orang penyiasat yang disebut dalam subseksyen dua adalah wanita. Boleh Yang Berhormat Menteri memberitahu keadaan yang sama ada pada akta-akta yang lain tetapi tidak diikuti. Kerap kali kita dapati bahawa tidak cukup panel di mana wanita atau berkecukupan ataupun sudi untuk menjadi penyiasat. Juga dalam banyak keadaan adakah Yang Berhormat Menteri boleh beritahu pendirian kerap kali walau mereka ditugaskan untuk membuat perkara-perkara dan fungsi-fungsi yang spesifik yang terkandung di subseksyen 11(4) ini tidak diikuti. Macam kes-kes juvana kerap kali saya dapati bahawa para *advisor* ini bila kes sedang berjalan bertukar-tukar hari pertama ada (a) dan (b), hari kedua (c) dan (d), hari ketiga (e) dan (f). Kita membawa rang undang-undang tetapi tidak *effective* kerana pada hari mereka disabitkan kesalahan itu kita dapat satu *advisor* yang baru yang tidak tahu mengenai hal yang telah terjadi sebelum ini. Jadi macam mana Yang Berhormat Menteri dapat mengatasi masalah ini.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Saya tidak setuju sama sekali kalau Yang Berhormat kata tidak cukup orang. Kita ada 22 juta penduduk dalam negara ini dan saya berpendapat dan saya lihat bahawa wanita sangat bersedia untuk memberikan sumbangan secara sukarela dalam badan-badan seperti ini dan ini juga adalah atas permintaan pertubuhan-pertubuhan wanita supaya mereka dilibatkan. Saya rasa ini tidak menjadi masalah dan satu panel penasihat walaupun tiga orang atau lima orang mereka sama-sama bertanggungjawab untuk satu-satu kes. Jadi kalau seorang tidak dapat datang tiga lagi datang rasa saya ia tidak mengendalakan atau tidak menjadi masalah. Jadi apa Yang Berhormat bawa itu saya rasa tidak berasas.

Fasal 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 12 hingga 86 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 87 -

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, saya berdiri untuk membawa satu tambahan kepada Fasal 87 iaitu, yang dibaca sedemikian:

“Jika pegawai polis atau orang lain gagal melakukan seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 87(1) (a) maka mereka hendaklah memberi penjelasan yang wajar kepada Mahkamah Bagi Kanak-kanak kenapa

mereka berbuat demikian sebelum kenyataan dan keterangan yang diambil daripada kanak-kanak tersebut boleh diterimapakai oleh mahkamah”.

Tuan Pengerusi, kerap kali bila kes-kes juvana dibawa atau bila pihak polis menangkap (*arrest*) mereka, kewajipan adalah seperti yang ternyata di Fasal 87 Dan Fasal yang sama terdapat di Akta Juvana Seksyen 8(a).

Tuan Pengerusi, dalam pengalaman saya sendiri dan beberapa kes di mana saya telah membuat kes-kes juvana, tidak ada satu kes di mana pegawai polis telah memberitahu ibu bapa mereka dengan serta-merta *the spirit and intention* Akta tersebut tidak diikuti, mereka tidak peduli. Oleh kerana tidak ada penalti, maka bila saya menghujah perkara ini di mahkamah, mahkamah berkata bahawa ini hanya prosedur dan jika mereka tidak mengikut, tidak boleh buat apa-apa.

Jadi, saya membawa satu tambahan pindaan ini supaya ada satu penalti apabila seseorang kanak-kanak itu ditangkap oleh polis, dengan serta-merta mereka diwajibkan memberitahu ibu bapa mereka bahawa anak mereka telah ditangkap oleh polis atau orang-orang yang lain dan supaya ibu bapa mereka itu boleh berada di *police station*. Kerap kali dalam pengalaman saya sendiri, Tuan Pengerusi, saya dapati bahawa bila pegawai polis menangkap juvana-juvana ini atau kanak-kanak ini yang sangat kurang umur, mereka takut dan mengalami satu sindrom, *affected*, yang mana mereka terpaksa melalui oleh kerana ibu bapa mereka tidak ada di samping mereka atau *probation officer* di samping mereka dan kerap kali mereka ditangkap oleh pihak polis. Beberapa hari selepas kejadian itu baru mereka diberitahu atau ibu bapa mereka diberitahu bahawa anak mereka telah ditangkap dan tindakan susulan diambil.

Maka saya pohonlah bahawa satu kepastian, supaya satu penalti diadakan dalam Klausula 87 supaya satu tindakan dapat diambil terhadap pihak-pihak yang menahan atau menangkap kanak-kanak.

Di sini, saya ingin katakan walaupun pihak Barisan Nasional ada 5.6 majoriti di Parlimen ini, kita perlukan satu tindakan pada hari ini kerana perkara ini adalah satu perkara yang selalu berlaku di seluruh negara di Mahkamah Juvana dan saya harap semua Ahli Parlimen dari Barisan Nasional akan menyokong saya hari ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Menteri menjawab.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Fasal 87 ini mengenakan tanggungjawab ke atas seorang pegawai polis atau orang lain yang membuat penangkapan seorang kanak-kanak, untuk memberitahu pegawai akhlak dan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak itu tentang penangkapannya. Sekiranya kanak-kanak itu dipertuduh atas apa-apa kesalahan, pengemukaan maklumat yang disebut dalam Fasal itu dikehendaki dibuat. Perlu dimaklumkan, seperti Yang Berhormat kata tadi memang peruntukan ini bukan peruntukan baru. Ianya adalah peruntukan di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947 yang memang telah dikuatkuasakan sejak 1975.

Pada hemat saya, cuma perkara ini boleh kita beritahu secara *administrative*. Jadi, kita tidak perlu mengadakan peruntukan penalti kalau pula nanti tiba-tiba sampaikan hakim pun kita hendak adakan peruntukan penalti pula dalam rang undang-undang, saya rasa tidak wajar. Kita boleh laksanakan secara *administrative*. Jadi, saya harap Yang Berhormat tidaklah menganggap bahawa kita memperkecil, mempercuaikan dan mengabaikan tanggungjawab kita. Ini boleh dilaksanakan secara *administrative*.

Timbalan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui.⁴

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 87 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 88 hingga 135 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama dan Jadual Kedua diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN
(1999)(NO.2) 1999**

Bacaan Kali Yang Kedua

12.13 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM600,812,500 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1999 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual kepada rang undang-undang ini.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1999

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1999 adalah berjumlah RM600,812,500. Jumlah tersebut diminta diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang ini. Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

- Tambahan sebanyak RM195.8 juta di bawah Maksud B.8 - Jabatan Perkhidmatan Awam untuk membiayai Bayaran Istimewa Penerima Pencen Sektor Awam sebanyak RM600 seorang sebagai tanda prihatin kerajaan kepada masalah kewangan yang dihadapi pesara-pesara. Bayaran istimewa ini dibayar sebanyak RM100 sebulan dalam tempoh enam bulan mulai bulan Julai hingga Disember 1999.
- Tambahan sebanyak RM151 juta di bawah Maksud B.29 - Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk perbelanjaan berikut:
 - (i) Sebanyak RM25 juta untuk membiayai sebahagian daripada kos faedah penebusan dana Fasa 1 Syarikat Prasarana Negara Bhd. (SPNB) dan menggantikan modal berbayar yang telah didahulukan. Untuk makluman Dewan

yang mulia ini, SPNB adalah dimiliki 100% oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan diberi tanggungjawab untuk mengurus Dana Pembangunan Prasarana bagi meneruskan pembangunan beberapa projek prasarana penting; dan

- (ii) Sebanyak RM126 juta untuk membiayai subsidi bahan-bahan petroleum khususnya gas cecair.
- Tambahan sebanyak RM150 juta di bawah Maksud B.22 - Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk membiayai promosi pelancongan bagi Kempen Pengiklanan di peringkat antarabangsa oleh Lembaga Pengalakan Pelancongan Malaysia. Promosi yang agresif ini diperlukan memandangkan kepada persaingan yang sengit dari negara-negara membangun di rantau Asia seperti Vietnam, Cambodia, China dan India bagi mendapatkan market share dalam industri pelancongan dan pada masa yang sama negara Thailand, Hong Kong dan Singapura juga telah melancarkan promosi secara besar-besaran bagi menarik pelancongan luar negeri. Di samping itu, aktiviti promosi di dalam negeri juga akan dipertingkatkan untuk menyedarkan rakyat bagi menikmati keindahan dan keunikan negara sendiri. Dengan demikian, industri pelancongan domestik dapat dipertingkatkan di samping membenters aliran keluar kewangan kita.
- Tambahan sebanyak RM50.3 juta di bawah Maksud B.18 - Kementerian Perusahaan Utama untuk menampung defisit skim Penstabilan Harga Minyak Masak di Pasaran Tempatan yang dilaksanakan dari 16 Disember 1997 hingga 31 Mei 1999. Skim ini telah dilaksanakan ekoran daripada keputusan kerajaan untuk membendung kenaikan minyak masak di pasaran tempatan akibat daripada harga eksport minyak sawit yang melambung tinggi.
- Tambahan sebanyak RM18 juta di bawah Maksud B.52 - Kementerian Kerja Raya sebagai bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi menangani krisis bekalan air pada tahun 1998 yang lalu iaitu dari bulan Mac hingga September 1998.

- Tambahan sebanyak RM11 juta di bawah Maksud B.20 - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk mempergiatkan lagi Program Promosi Perdagangan dan Pelaburan MITI, MIDA dan MATRADE bagi menggalakkan lebih ramai pelabur melabur di negara ini, meningkatkan eksport barangan tempatan ke luar negeri terutama bagi destinasi pasaran baru. Peruntukan tambahan yang diperlukan ini adalah bagi menampung perbelanjaan tambahan rombongan galakan perdagangan dan pelaburan, misi susulan, *trade fair*, simposium pelaburan, seminar luar negeri dan tempatan, pembinaan pusat pameran dan lain-lain.
- Tambahan sebanyak RM9 juta di bawah Maksud B.19 - Kementerian Pertanian untuk membiayai bayaran balik kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, iaitu Perak, Negeri Sembilan, Selangor dan Pulau Pinang bagi kerja-kerja pemusnahan babi di negeri-negeri tersebut dalam operasi mencegah wabak *Japanese Encephalitis* (JE).
- Tambahan sebanyak RM8.5 juta di bawah Maksud B.31 - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk bayaran kenaikan kadar sewa ruang pejabat, bayaran utiliti, pembelian peralatan dan pembaikan/ senggaraan bot/bahtera.
- Tambahan sebanyak RM3.7 juta di bawah Maksud B.51 - Kementerian Luar Negeri untuk membiayai lawatan Ketua-ketua Perwakilan Malaysia ke negara-negara yang ditauliahkan serentak di bawah sesuatu Kedutaan Malaysia di luar negeri dan kos bagi kerja-kerja dan persiapan awal, pembukaan Kedutaan Malaysia di Khartoum, Sudan dan di Sana'a, Republik Yemen; dan
- Tambahan RM3.5 juta di bawah Maksud B.4 - Suruhanjaya Pilihanraya untuk menampung perbelanjaan awal bagi persiapan menjalankan Pilihan Raya Umum Kesepuluh.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1999 adalah seperti dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 Tahun 1999 dan dalam

Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17A Tahun 1999.

Sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1999.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1999 adalah berjumlah RM81,500,000,100 iaitu perbelanjaan cara langsung. Tambahan tersebut adalah untuk membiayai projek-projek pembangunan bagi kementerian/ jabatan berikut:-

- Tambahan sebanyak RM75 juta di bawah Maksud P.28 - Perbendaharaan untuk menampung kos operasi Keretapi Tanah Melayu Berhad.
- Tambahan sebanyak RM6.5 juta di bawah Maksud P.21 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk perbelanjaan bagi projek Sistem Pengurusan Dokumen dan Bekalan Maklumat Bersepadu (IDAMAN - *Integrated Document Management and Supply of Information System*). IDAMAN adalah merupakan projek baru Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di bawah Rancangan Malaysia Ke-7 yang bertujuan untuk menggantikan sistem penyimpanan dan bekalan maklumat syarikat-syarikat berdaftar di negara ini daripada bentuk mikrofilem pada sistem digital.
- Tambahan yang lain merupakan peruntukan tanda RM100 di bawah Maksud P.7 - Jabatan Perdana Menteri, P.16 - Jabatan Bomba dan Penyelamat, P.19 - Kementerian Pertanian, P.23 - Jabatan Arkib Negara, P.47 - Kementerian Pengangkutan dan P.50 - Kementerian Pembangunan Usahawan.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1999 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1999 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18A Tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1999 selepas ucapan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL.3) 1999

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia lapan puluh satu juta lima ratus ribu satu ratus (RM81,500,000,100) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1999, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1999 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut.

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan bagi Perkhidmatan Tahun 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang, kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas sekarang.

12.25 tgh.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, pada hari Jumaat kita akan ada satu pembentangan Anggaran Belanjawan 2000 yang tentulah satu 'Belanjawan Pilihanraya' (*Election Budget*). Permohonan ini ialah untuk perbelanjaan tambahan pun serupa itu, satu *pre-election supplementary estimate*.

Setiap kali Parlimen bersidang kita ada satu permohonan untuk menambahkan perbelanjaan-perbelanjaan sama ada untuk mengurus atau pembangunan. Tetapi apakah jaminan bahawa kerajaan sangat berwaspada, sangat berjaga-jaga dalam membelanjakan wang rakyat – tidak – kita lihat di mana-mana, bila-bila pembaziran wang rakyat.

Semalam kita lihat, saya mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional, Ulang Tahun 25, itu hal parti, bukan hal kerajaan, hal parti, tahniah –25 tahun, tidak tahu lagilah berapa lama, khasnya tidak tahulah sama ada akan boleh mempertahankan majoriti 2/3 dalam *election* akan datang, tetapi semalam apabila Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad berucap di Stadium Bukit Jalil, dia berucap bukan sebagai Perdana Menteri, dia berucap sebagai Presiden, Pengerusi Barisan Nasional dan kenapa kita tengok di RTM1, RTM2, TV3 dan ntv7 semuanya siaran langsung, *live telecast*, itu bukan program kerajaan, itu program parti politik. Kita perlu membezakan parti politik dengan kerajaan.

Saya ada dapat satu maklumat, masa yang digunakan hampir tiga jam semalam, *live telecast*, monopoli, rakyat tidak boleh tengok apa-apa dalam televisyen, semua terpaksa menonton Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bukan sebagai Perdana Menteri tetapi sebagai Pengerusi Barisan Nasional berucap, buat propaganda, mahu tarik pengundi-pengundi.

Itu adalah patut dianggap sebagai iklan, iklan politik Barisan Nasional dan kalau dibayar TV3, satu minit RM15,000 – satu jam RM900,000, tiga jam perlu bayar RM2.7 juta. Adakah Barisan Nasional bayar TV3 RM2.7 juta?

TV1, satu minit RM10,000 – iklan harganya satu jam RM600,000 – tiga jam RM1.8 juta. Adakah Barisan Nasional bayar RTM1, RM1.8 juta oleh kerana tiga jam *live telecast* semalam?

RTM2, satu minit RM12,000 – satu jam RM720 juta – tiga jam RM2,160,000. Adakah Barisan Nasional bayar? Kalau tidak bayar, itulah duit patut dinikmati oleh

rakyat, duit ini dihilangkan oleh rakyat untuk ketiga-tiga stesen – RM7.1 juta. Adakah Barisan Nasional bayar ini? Kalau tidak itu telah menyalah gunakan kuasa Kerajaan Barisan Nasional, kalau tidak, ini adalah satu penyelewengan Kerajaan Barisan Nasional, Yang Berhormat yang berdiri saya dengar haraplah boleh menjadi Ketua Penerangan tetapi sampai hari ini belum layak.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang: Tidak payah, tidak payah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak ada *interview*.

Tuan Lim Kit Siang: Apabila layak menjadi Ketua Penerangan barulah boleh interrupt dalam perkara ini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti Yang Berhormat. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat Tanjong tidak beri jalan, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, inilah satu contoh dan pembaziran wang rakyat jelata. Bagaimana? Apa maruah Kerajaan Barisan Nasional datang untuk memohon....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Yan bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak mahu beri, apa ini, tidak ada standard, tidak mahu beri.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bagi Yan diingatkan, bahasa yang tidak boleh digunakan dalam Dewan ini cuba elakkan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mahu, buang masa. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja apa yang berlaku semalam, Perdana Menteri apabila baru-baru ini melancarkan siri yang kedua untuk mendapat sokongan pengundi-pengundi untuk Barisan Nasional menjelang pilihan raya besar yang akan datang, ke-10 dalam Malaysia dan bermula dengan negeri Kedah, dia takut negeri sendiri goncang. Hari Jumaat, ya, hari yang pertama, kita lihat *live telecast* lagi, *live telecast* ucapan Yang Berhormat Perdana Menteri di Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hari Khamislah, bukan hari Jumaat.

Tuan Lim Kit Siang: *I stand corrected*, itu kerja boleh buat, tidak apa, *I stand corrected*, hari Khamis dan di Yan dia cakap *live telecast* saya tengok *back drop*, *backdrop* Barisan Nasional bukan kerajaan..... JKR, budak-budak sekolah, racuni fikiran budak-budak sekolah. Apa yang mustahak ialah penyalahgunaan kuasa

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat bagi Yan boleh bangun minta penjelasan. Kalau dia tidak beri jalan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Nanti Yang Berhormat, setakat ini takkanlah Yang Berhormat tidak tahu peraturan mesyuarat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, itu hak dia sama ada dia hendak beri jalan atau tidak.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kalau hendak berhentikan dia daripada berucap, bolehlah bangkitkan peraturan mesyuarat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap saya tidak akan lihat Yang Berhormat bagi Yan dalam Parlimen yang baru, tidak guna ini [*Tepuk*].

Hari Khamis kita tengok itupun satu kegiatan parti politik, bukan kegiatan kerajaan, oleh kerana bukan tanggungjawab Perdana Menteri untuk menarik undi-undi untuk Barisan Nasional. Itu tanggungjawab seorang Presiden, Pengerusi Barisan Nasional, seorang Presiden UMNO, benar tetapi itu bukan tanggungjawab Perdana Menteri, itu adalah penyalahgunaan kuasa.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak beri. Saya boleh berdiri satu jam tidak apa. Saya tidak akan beri. Ini bukan tanggungjawab seorang Perdana Menteri dan itu patut dibezakan. Kalau kita tidak boleh membezakan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Nanti Yang Berhormat, hendak apa Yang Berhormat?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak membetulkan fakta. Sebenarnya hari itu adalah hari perjumpaan FAMA, [*Bercakap dalam bahasa Cina*] dengan izin, bukan Barisan Nasional, mana Barisan Nasional? Itu *backdrop* FAMA tahu atau tidak. Saya bertanggungjawab... [*Bercakap dalam bahasa Cina*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bagi Yan nanti dahulu, saya hendak beri kata dua ini. Yang Berhormat bagi Yan diingatkan sekali lagi, bahasa-bahasa yang tertentu khususnya perkataan-perkataan yang kesat, saya tetap menegahnya sama sekali biar pun ianya dalam bahasa yang saya boleh faham. Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, saya tidak ada masa untuk beliau.

Dato' Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, selagi dia buat fakta yang tidak betul.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat mungkin rasa tersinggung tetapi Yang Berhormat ada cara yang lain untuk menegur dia, bukan dengan cara sedemikian Yang Berhormat.

Dato' Badruddin bin Amiruldin: Tegur cara baik dia tidak bagi, macam mana? Saya minta penjelasan dia tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Peraturan mesyuarat itu ada Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Di luar boleh berlagak sebagai samsenglah, bukan dalam Dewan yang mulia ini.

Dato' Badruddin bin Amiruldin: Tetapi saya tidak samseng Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tanjong diingatkan perkataan 'samseng' itu unparliamentary walaupun tidak ditujukan kepada.....

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak tujukan kepada beliau. Saya harap dia tidak samsengkan kelakuan beliau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, walaupun tidak ditujukan kepada Yang Berhormat yang tertentu tetapi jangan gunakan.

Dato' Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Dia tidak tujukan kepada sesiapa, saya sudah cakap tadi tetapi saya tegaknya hendak gunakan selanjutnya kalau sengaja hendak tujukan kepada seseorang.

Dato' Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Cukuplah

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak ada masa untuk buang masa. Okay, sangat mustahak kita membezakan peranan seorang Perdana Menteri, tanggungjawab sebagai pegawai kerajaan daripada tugas beliau parti politik. Oleh kerana kalau kita tidak tahu membezakan dua-dua fungsi yang berlainan ini, inilah akar umbi korupsi rasuah yang bermaharajalela dalam negara ini. Sebenarnya saya pernah.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Sulong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak..... sebenarnya saya pernah menyerukan Ketua Audit Negara, Datuk Mohd. Khalil Mohd. Noor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Nanti dulu Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Dia tidak bagi jalan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Takut.....

Tuan Lim Kit Siang: Sebenarnya saya ada buat seruan kepada Ketua Audit Negara, Datuk Mohd. Khalil Mohd. Noor, hantar satu special audit, buat satu special audit semasa Perdana Menteri mengadakan lawatan negeri ke negeri, tengok di mana ada penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan wang rakyat dan kalau ada penyalahgunaan wang rakyat, *abuse of public funds*, tegur, buat satu laporan dalam Parlimen ini. Oleh kerana.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak bagi jalan. Oleh kerana tidak seseorang pegawai tidak kira apa-apa kedudukan dan taraf termasuk Perdana Menteri boleh menyalahgunakan kedudukan, taraf beliau, untuk menyalahgunakan wang rakyat demi

tujuan parti-parti politik Barisan Nasional atau UMNO. Kenapa sampai sekarang tidak ada apa-apa balasan daripada Ketua Audit Negara? Adakah buat satu special audit? Di India, Indra Ghandi semasa beliau menjadi Perdana Menteri, menggunakan helikopter dalam kempen pilihan raya, kes dibawa ke mahkamah bahawa beliau sudah menyalahgunakan kuasa beliau, menyalahgunakan wang rakyat. Mahkamah di India adalah kebebasan, adalah kewibawaan untuk mengisytiharkan pemilihan Indra Ghandi sungguhpun Perdana Menteri sebagai Ahli Parlimen tidak sah. Kita di sini mahu tanya sahaja, apakah Ketua Audit Negara sudah buat? Adakah suatu *special audit*.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ya, Parit Sulong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak bagi. Adakah kita akan....

Seorang ahli: Tidak berani.....

Tuan Lim Kit Siang: Adakah kita orang yang boleh cakap apa dia cakap pada hari Khamis [*Disampuk*] dia tidak ada beri hormat. Saya tidak mahu balas itu sudah cukup.

Dato' Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan, penjelasan

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak mahu balas itu sudah cukup. Saya mahu teruskan. Ini serius, adakah seorang Ketua Audit Negara mampu untuk bertindak, kenapa tidak mampu? Oleh kerana Jabatan Audit Negara ialah antara satu jabatan institusi yang penting yang patutlah bebas. Adakah institusi Audit Negara di negara ini semacam institusi-institusi yang lain, sudah hilang kewibawaan, hilang kebebasan sama ada kehakiman, sama ada polis, sama ada Suruhanjaya Pilihan Raya, sama ada semua institusi yang lain. Saya harap bukan ini. Saya harap bahawa Jabatan Ketua Audit Negara berani untuk bertindak, mengadakan satu special audit, tengok, buat laporan khas apakah *abuse of power public funds* sama ada dalam masa Perdana Menteri mengadakan Lawatan Nasional sama ada siri pertama, siri kedua untuk menarik pengundi-pengundi untuk Barisan Nasional. Oleh kerana itulah bukan tugas Perdana Menteri dan apa yang berlaku semalam tujuh juta ringgit, adakah Barisan Nasional bayar tujuh juta ringgit untuk *advertising time, live telecast*, Presiden Pengerusi Barisan Nasional, *Political Advertising* semalam, adakah bayar? Tujuh juta ringgit patut dalam *public treasury*.

Sebenarnya ini prinsip mustahak, ini suatu prinsip yang difahami, yang dihormati oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Bapa Malaysia, Tunku Abdul Rahman. Pada tahun 1959, bulan April, beliau masa itu akan mengadakan pilihan raya besar yang pertama dalam Malaysia dan dia khuatir bahawa pihak pembangkang sangat memberi satu cabaran yang sangat dikhuatri - Perikatan masa itu dan dia mahu menumpukan masa beliau untuk memperkuat, memperkukuhkan kedudukan Perikatan. Sebab itu supaya beliau tidak disalah faham, dituduh bahawa beliau sudah menyalahgunakan kedudukan beliau sebagai Perdana Menteri, wang rakyat, beliau letak jawatan sementara sebagai Perdana Menteri supaya beliau boleh dengan sepenuh masa berkempen, masa itu belum bubar Parlimen, kempen untuk Perikatan masa itu, kempen untuk UMNO dan Perikatan dan selepas pilihan raya besar tahun 1959 bulan September, apabila Perikatan menang, beliau balik untuk meneruskan jawatannya sebagai Perdana Menteri.

Kalau Perdana Menteri kita sekarang yang takut bahawa dalam election yang akan datang ini oleh kerana kecuaihan, oleh kerana kesalahan, oleh kerana banyak isu-isu, perkara-perkara yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional yang tidak boleh diterima oleh rakyat oleh kerana tidak adil, tidak bebas, tidak betul, korupsi dan lain-lain dan takut akan hilang majoriti dua per tiga, patutlah dia mencontohi Tunku Abdul Rahman masa itu. *Temporary* sahaja bukan kata dia resign, temporary supaya buat satu contoh kepada rakyat, tidak salah guna kedudukan, tidak salah guna wang rakyat. Adakah berani dan kalau tidak berani tidak apa, Ketua Audit Negara, tanggungjawab dialah untuk menjaga *integrity public expenditure* dan saya harap bahawa Ketua Audit Negara akan menjalankan tugasnya dengan berani dan dengan sepenuh tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, dalam supplementary vote ini adalah satu peruntukan untuk Suruhanjaya Pilihan Raya untuk buat persiapan pilihan raya besar kesepuluh yang semua nanti-nantikan. Malam ini akan adalah *Supreme Council* Barisan Nasional, ramai orang ada buat ramalan Parlimen akan bubar atau tunggu *budget*, Jumaat selepas gula-gula diumumkan pembubaran Parlimen.

Dato' Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak bagi. Dan tentulah, ini prerogatif Perdana Menteri untuk tetapkan tarikh bila-bila dan tidak ada undang-undang atau apa-apa dalam Perlembagaan yang kata bahawa Parlimen tidak boleh dibubarkan sungguh pun setengah perjalanan, setengah mesyuarat tetapi ada konvensi, dan ada tradisi. Parlimen kalau setengah jalan dibubarkan apa yang diputuskan.....

Dato' Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak mencelah pun bukan cara macam ini. *[Disampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Tongkat Ali tidak buang masa, Viagra tidak buang masa.

Dato' Badruddin bin Amiruldin: Ulang-ulang macam ini, ini hak Perdana Menteri...

Tuan Lim Kit Siang: Itu hak saya cakap, hak saya, tidak suka – keluar!

Tuan Lim Hock Seng : Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 37, 41(e) dan 44(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Sebutkan.

Tuan Lim Hock Seng : Hendak baca? Boleh. Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 37, “*Seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap kecuali.....*”. Peraturan Mesyuarat 41(e), “*masa seseorang ahli itu bercakap, semua ahli lain hendaklah diam dan tidak boleh mengganggu dengan cara kurang adab.*” Peraturan Mesyuarat 44(1), “*Pengerusi setelah menarik perhatian Majlis Mesyuarat ataupun Jawatankuasa kepada kelakuan seseorang ahli yang berdegil-degil menyebutkan perkara yang tidak ada kena mengena dengan perkara mesyuarat ataupun berulang-ulang menyebut hujahnya sendiri atau hujah-hujah ahli lain dalam sesuatu perbahasan, boleh memerintahkan ahli itu berhenti bercakap.*” *[Seorang ahli menyampuk]* atau dikeluarkan. Dan seterusnya boleh dipanggil keluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang terhormat, setiap orang memang berhak berucap bila dipanggil dan setiap orang juga berhak bangun untuk meminta penjelasan tetapi tertakluk kepada Yang Berhormat berkenaan, Yang Berhormat sedang bercakap itu, sama ada hendak memberi jalan ataupun tidak. Diharap semua orang mengerti dan saya berharap Yang Berhormat sekalian dapat mematuhi.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memanglah budi bicara ataupun *prerogative* seorang perdana menteri untuk memutuskan bilakah akan dibubarkan Parlimen tetapi kalau hendak membubarkan Parlimen, setengah perjalanan sesi persidangan Parlimen adalah berdasarkan hormat tradisi konvensi. Selain adanya *political crisis*, krisis perlembagaan di mana sebagai contohnya, kerajaan hilang majoriti atau sebagai contohnya ada satu usul tidak percaya, *no confident motion* kerajaan kalah. Barulah tercetusnya satu krisis politik ataupun krisis perlembagaan.

Sekarang tidak ada. Kerajaan Barisan Nasional ada majoriti, bukan sahaja 2/3 tetapi 5/6. Apa justifikasi selain daripada ada *prerogative* untuk membubarkan Parlimen separuh perjalanan Parlimen selain daripada takut kalau tidak buat begitu tidak akan mendapat majoriti 2/3. Sungguhpun ini membuang masa rakyat, membuang wang rakyat dan juga membuang masa ahli-ahli parlimen. Oleh kerana masa dua hingga empat minggu, sebelum Parlimen dibubarkan, ahli parlimen datang ke sini bermesyuarat dan meluluskan rang undang-undang apabila dibubarkan - semua sia-sia. Tidak sah dan dalam Parlimen yang baru semua rang undang-undang dan usul perlu dikemukakan semula.

Ini adalah hak seorang Perdana Menteri untuk berbuat begitu tetapi ini tidak hormat bukan sahaja kepada konvensi-konvensi, tradisi-tradisi Parlimen tetapi tunjuk bahawa dia rela membuang wang rakyat oleh kerana dia *desperate* kalau dia tak mahu buat begitu, hilang majoriti 2/3. Sebab itu kita hendak tahu mengapa? Sebab itu saya tidak percaya bahawa Parlimen akan dibubarkan esok ataupun selepas *budget* kerana ini membuang wang rakyat. Inilah kelakuan seorang Perdana Menteri yang tidak bertanggungjawab sungguhpun dia ada hak dari segi undang-undang dan perlembagaan. Memang masalahnya ialah bilakah pilihan raya besar. Ini adalah mustahak dari segi *Election Commission*. Oleh kerana *Election Commission* mengatakan bahawa pendaftar baru, barulah boleh dipakai dan diguna pakai Januari tahun depan, mengapa hendak memakan lapan bulan untuk semakan satu buku pendaftar pemilih yang baru. Lebih daripada satu juta orang - 650 ribu orang pengundi yang baru, 500 ribu ke 600 ribu orang yang bertukar alamat. Kenapa perlu mengambil masa lapan bulan?

Kita dalam era *IT, second*, saat, *just press*. Tetapi kita mahu lapan bulan untuk penyemakan buku pendaftar pemilih apabila election kesepuluh akan diadakan, yang

akan menidakkan hak-hak generasi yang baru dan kita tahu bahawa Barisan Nasional sangat takut sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menjadi pemangku Ketua *UMNO Youth* tetapi sangat takut kepada generasi-generasi yang baru, takut bahawa 650,000 pemuda pemudi yang sudah mendaftarkan sebagai pemilih-pemilih kalau menggunakan hak undi dan juga tidak mahu mereka ini mempunyai peluang untuk membuang undi.

Minggu yang lalu, ada satu rombongan mewakili pucuk pimpinan Barisan Alternatif yang terdiri daripada DAP, KeADILan, PAS dan PRM yang ada perjumpaan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya. Mereka ada bertanya tentang bilakah buku pendaftar pemilih yang baru akan disediakan untuk digunakan. Mereka mahu mengetahui tarikh yang spesifik, tapi mengapa sampai sekarang tidak boleh beri tarikh yang spesifik, jawapannya ialah bulan Januari. Bila bulan Januari itu, 1 Januari atau 31 Januari. Ini adalah mustahak kerana kalau election jatuh dalam bulan Januari, kita mahu tahu sama ada 650,000 pengundi yang baru khasnya daripada generasi yang baru ada hak untuk membuang undi.

Kita tidak mahu timbul satu keadaan di mana pihak Barisan Alternatif syak wasangka bahawa *Election Commission* berkomplot dengan Barisan Nasional supaya menidakkan hak mereka, hak 650,000 orang boleh membuang undi. Kalau *election* diadakan minggu kedua, ketiga dan masa itu pendaftar pemilih baru belum digunakan, tentu tuduhan akan dibuat bahawa *Election Commission* adalah berkomplot dengan Barisan Nasional. Menidakkan, menafikan generasi yang baru membuang undi. Adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju. Apakah Yang Berhormat sudah buat sebagai *Acting UMNO Youth Leader* untuk menentukan *election* akan datang, 650,000 orang ada hak membuang undi. Adakah dibuat apa-apa? Tidak. Harap mereka tidak boleh buat dan tidak membuang undi. Bukan. Beranikah jawab? Berdiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Ya Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Hendak membahaskan rang undang-undang atau hendak bertanyakan soalan? Jadi kalau dia hendak bahas, biar dia tentukan kepada perbahasan. Kalau nak jawab pun, tiada kena mengena dengan apa yang dibahaskan sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Ini ada standard menjadi *UMNO Youth Acting Chief* tak tahulah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti sekejap. Walaupun biasanya dalam perbahasan peringkat dasar, saya tidak menegah Yang Berhormat menyentuh soal-soal secara umum, tetapi Yang Berhormat, dalam perjalanan perbahasan ini, tidak boleh Yang Berhormat hendak menyoal orang lain melainkan bila diminta penjelasan Yang Berhormat, bolehlah Yang Berhormat sahut. Lagipun Yang Berhormat diingatkan supaya lebih tertumpu kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan *budget* tambahan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Nampaknya sekarang ada dunia yang baru di mana Ketua UMNO Youth perlu dilindungi oleh Ketua MCA Youth. Ini kali yang pertama dalam sejarah Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Kali yang pertama. Ini mana ada maruah Ketua UMNO Youth. Mana ada maruah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat. Walaupun cara Yang Berhormat cakap itu berseloroh, tapi Yang Berhormat diingatkan supaya jangan cuba nak melibatkan kerusi sebab saya beri nasihat.

Tuan Lim Kit Siang: Tak terlibat, tak terlibat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Walaupun Yang Berhormat orang lama...

Tuan Lim Kit Siang: Tapi di sini semua orang boleh melihat. Tidak apa. Saya akan teruskan dan ini mengenai Suruhanjaya Pilihan Raya, tanggungjawab Election Commission khususnya ada peruntukan spesifik untuk membuat persiapan 10 Januari election. Apa yang dibuat oleh *Election Commission* supaya *election* ini bukan semacam ada dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menjadi terkotor sekali dalam Malaysia. Apa *Election Commission* sudah buat, kalau satu *Election Commission* yang 'on the job', satu *Election Commission* yang bertanggungjawab. Tentulah apabila Yang Berhormat Perdana Menteri berkata *election* yang akan datang akan menjadi yang terkotor sekali, akan mengambil tindakan yang segera, bermesyuarat atau mengadakan satu *all party meeting* supaya *Election Commission* yang akan datang tidak menjadi yang

terkotor sekali. Nampaknya *Election Commission* tiada apa-apa balasan. Mungkin saya boleh faham, mana ada kuasa untuk membalas. Oleh kerana siapa boleh buat *election* yang akan datang ini terkotor sekali dalam Malaysia, bukan 'barisan alternatif'. Kita semua komponen 'barisan alternatif' tidak mahu *election* akan datang terkotor sekali. Baharulah Barisan Nasional dan parti-parti komponen dalam Barisan Nasional boleh menjadikan *election* terkotor sekali. Kalau begitu, apa *Election Commission* boleh buat oleh kerana mereka nampaknya sudah hilang kewibawaan, sudah hilang kebebasan, sudah hilang segala autonomi yang termaktub dalam perlembagaan dan sebab itu, bagaimana rakyat boleh menaruh harapan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak bagi jalan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak termuntah mendengarnya...

Tuan Lim Kit Siang: Bagaimana rakyat boleh menaruh keyakinan atas Suruhanjaya Pilihanraya kalau tidak boleh mengambil tindakan yang tegas untuk memastikan *election* yang akan datang ini bebas, adil dan bersih '*free, fair and clean*'. Ini akan menjadikan satu ujian utama dan sebab itu saya sudah buat satu cadangan, cadangan mungkin kita perlu ada satu suruhan, satu *commission* yang berlainan. Saya pun pernah cadangkan bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Dato' Musa Hitam mengetuai satu *commission*, pilihan raya yang bersih, yang beretika, yang adil. Sungguhpun Tan Sri Dato' Musa Hitam dia kata dia tidak sesuai oleh kerana dia sangat taat setia kepada UMNO, ini menunjukkan beliau faham sungguhpun ada satu suruhanjaya ditubuhkan, satu *commission*, satu *clean*, beretika, *fair Election Commission* ditubuhkan pun tidak akan dibenarkan oleh kuasa berkenaan untuk menjalankan tugasnya. Sungguhpun diketuai oleh beliau seorang bekas Timbalan Perdana Menteri tidak boleh dibenarkan, itulah pulang balik kepada *Election Commission*.

Saya sangat kesal, saya sangat kesal bahawa Setiausaha *Election Commission* pernah berkata dalam satu surat khabar bahawa cadangan saya, menunjukkan saya tidak hormat kepada Yang di-Pertuan Agong oleh kerana Suruhanjaya Pilihanraya dilantik

oleh Yang di-Pertuan Agong. Bagaimana boleh masuk akal ini. Adakah ini menunjukkan bahawa sesiapa yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong kalau dia salah, dia makan suap, dia *corrupt*, tak boleh tegur, tak boleh kritik, kalau kritik tidak hormat Yang di-Pertuan Agong.

Saya harap *Election Commission* akan lebih menumpukan dan berkesan untuk menjalankan tugas Perlembagaan untuk memastikan *election* akan datang ialah satu *election* yang bebas, adil dan bersih daripada membuat tohmahan-tohmahan yang tidak bertanggungjawab. Kita baru-baru ini telah melihat dan mendengar.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Ya boleh.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Dato' Abdul Aziz: Yang Berhormat bercakap tentang '*fair election*' ini, jadi saya minta untuk mendapat selain daripada Yang Berhormat cakap tadi saya akan jawab nanti, cuma oleh kerana sekarang bangkit soal 'barisan alternatif' ini untuk mengadakan '*fair election*'. Saya minta, boleh tidak Yang Berhormat tukar 'barisan alternatif' kepada "pasukan" alternatif sebab nanti orang silap, "barisan" itu Barisan Nasional punya. Jadi kita kena beza Barisan Nasional dan 'barisan alternatif'. Mungkin guna nama lain "pasukan" alternatifkah. Jadi orang dapat membezakan, barulah fair, kalau tidak nanti kita silap.

Tuan Lim Kit Siang: Kita akan mengambil perkiraan mengenai ketakutan Yang Berhormat. [Ketawa] Ketakutan, kesangsian Yang Berhormat mengenai ini kita akan ambil kira tetapi bukan tempat ini untuk memberi jawapan. Kita faham mengapa begitu khuatir.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Dato' Abdul Aziz: Yang Berhormat, boleh beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Saya bukan soal takut, saya ingat yang takut ini pembangkang, sebab belum lagi pilihan raya sudah rasa hendak kalah. Sebab dalam ucapan Yang Berhormat ini sudah memberi alasan-alasan mengapa *election* tidak fair kerana tahu hendak kalah sebab itu bangkitkan benda-benda macam ini, betul tak.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah, tidak berertilah.

Timbalan yang di Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat] Yang Berhormat masa sudah suntuk. Yang Berhormat diminta sambung petang nanti. Ahli-ahli yang terhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Sebelum Yang Berhormat dari Tanjong diminta sambung, ingin saya memaklumkan Majlis ini bahawa masa untuk setiap orang Ahli berucap dihadkan kepada 15 minit seorang.

2.30 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah ini selepas saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Selepas saya dihadkan 15 minit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Saya hadkan masa ini selepas Yang Berhormat bagi Tanjong, tetapi Yang Berhormat diingatkan bahawa elok kalau dapat tumpukan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan budget tambahan ini dan bukannya kepada politik kepartian semata-mata.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, tidak ada kepartian, semua ada berkaitan dengan supplementary estimates.

Apabila Dewan yang mulia ini dtempohkan, saya menyentuh mengenai tanggungjawab Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengenai tanggungjawab mengendalikan pilihan raya besar yang akan datang yang bebas, adil dan bersih. Saya harap bahawa ini akan menjadi agenda utama *Election Commission* yang sampai sekarang nampaknya sudah gagal untuk buat begitu. Ini mustahak oleh kerana tidak dinafikan bahawa dalam *election* yang akan datang Malaysia akan menjadi fokus antarabangsa mengenai sama ada kita boleh *graduate* daripada mengadakan satu pilihan raya besar yang 'trouble free' dari segi teknik, dari segi pada hari buang undi kepada satu pilihan raya besar di mana kita boleh lihat ia sebagai bebas, bersih dan adil.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berkata bahawa *election* kali ini akan menjadi terkotor sekali. Kita dari barisan alternatif mahu cabar Barisan Nasional biarlah kita bersama-sama memastikan *election* yang akan datang ini terbersih sekali dalam sejarah Malaysia. Beranikah Barisan Nasional menyahut cabaran ini dengan kita bekerjasama seratus peratus dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) supaya *election* ini terbersih sekali.

Ada isu-isu yang penting untuk memastikan *election* terbersih sekali antaranya ialah mengenai undi pos (*postal ballot*). Sebanyak 250,000 postal ballot yang tidak ada kawalan bukan sahaja oleh SPR, daripada parti-parti politik yang bertanding, kenapa tidak ada satu sistem di mana tidak boleh berlaku penyalahgunaan kuasa *postal ballot* sama ada dalam tempat-tempat keselamatan pertahanan atau pihak polis. Apakah defence security lebih penting daripada mengadakan satu sistem demokrasi? Bukankah tujuan defence ialah untuk menegakkan, mempertahankan satu *democratic way of life*?

Kalau defence tidak mahu membenarkan cara demokrasi yang adil, yang boleh dilihat sebagai bebas, perkhidmatan pertahanan sudah menjadi satu ancaman kepada *democratic way of life*. Bukan sebagai pelindung (*protector*), tetapi ancaman, *a threat* kepada *democratic way of life*.

Saya harap SPR kali ini boleh memastikan bahawa ada satu sistem yang berkesan supaya kita mahu lihat setiap postal ballot yang digunakan ialah secara adil, dan tidak semacam apa yang berlaku di masa lampau di mana postal ballot kepada tentera atau armed forces semua dipangkah oleh seorang pegawai. Kita tidak mahu.

Sebab itu bukan sahaja perlu SPR masuk *defence establishment* tetapi semua, bukan sahaja parti-parti pembangkang tetapi parti pemerintah. Kenapa tidak boleh ada satu sistem dan itulah mustahak tanggungjawab tugas utama SPR menggariskan satu mekanisme dan mewajibkan pihak pertahanan atau pihak polis untuk mematuhi supaya postal ballot adil, bersih dan bebas. Kalau *defence establishment* atau pihak polis tidak mahu mematuhi, umum tidak boleh mengadakan *postal ballot*. Itulah kuasa kewibawaan SPR oleh kerana ini menunjukkan ada kuasa.

Di negara India, *Election Commission* pernah mengumumkan kalau ada kerajaan negeri tidak mahu mematuhi arahan *Election Commission* supaya ada satu panduan yang bersih dan adil bahawa tidak akan adakan pilihan raya besar dalam negeri itu. Oleh

kerana tidak mematuhi - sama, kenapa SPR takut? Itulah kuasa yang diberi oleh Perlembagaan, kuasa yang diberi oleh dokumen yang pokok dalam negara kita supaya *election* adil dan bebas atau adakah SPR kata maksud satu pilihan raya besar yang adil dan bebas bukanlah tanggungjawab SPR.

Kedua, mengenai masalah phantom votes. Ini tidak perlulah saya ulangi kerana rakan-rakan kita dari PBS sudah banyak kali bangkitkan perkara ini. Ini pun satu kecacatan kepada sistem kebebasan dan keadilan dalam sistem pemilihan.

Ketiga, tempoh kempen yang begitu pendek. Kenapa kita tidak ada satu tempoh kempen yang munasabah. Kenapa perlu ikut arahan Perdana Menteri? Kita tahu, *open secret*, apabila Perdana Menteri bubarkan Parlimen dia pun sudah beri signal kepada *Election Commission* bila mahu tetapkan hari buang undi. Kenapa boleh? Inilah salah guna kuasa oleh kerana ini melanggar kewibawaan dan kebebasan SPR.

Baru-baru ini saya ada baca surat khabar bahawa Setiausaha SPR – saya dengar beliau ada di sini. Saya belum jumpa Setiausaha SPR, saya tidak tahu siapa. Dalam surat khabar ada kata bahawa sekurang-kurangnya perlulah 17 hari antara hari pembubaran Parlimen kepada hari buang undi. Kita tahu bahawa ini pun tidak adil, oleh kerana ini bergantung kepada *campaign period* tujuh hari. Kenapa tujuh hari? Apabila masa Election 1959 dan 1964 kempen lebih daripada 50 hari. Saya bukan cadang bahawa kita ada satu *campaign period* lebih daripada 50 hari, tetapi sekurang-kurangnya tiga minggu daripada *nomination* kepada hari buang undi. Kita tengok bagaimana SPR boleh menunjukkan kewibawaan ini.

Keempat, penyalahgunaan kuasa dalam masa tempoh pembubaran Parlimen. Apabila Parlimen dibubar, kerajaan bukanlah kerajaan lagi, kerajaan ialah *caretaker government*. Semua menteri, Perdana Menteri *caretaker* menteri. Mereka tidak boleh bertindak sebagai *full minister*, memberi jaminan mengenai pembangunan, peruntukan. Ini salah guna kuasa oleh kerana mereka tidak ada kuasa, mulai itulah *temporary*.

Mereka tidak boleh guna kemudahan-kemudahan kerajaan, helikopter atau expenses kerajaan untuk menjelajah negara, untuk tarik kempen. Ini semua langgar. Adakah Suruhanjaya Pilihan Raya berwibawa untuk menentukan satu panduan mengenai '*the tools and the tones of a care taker government*' dalam masa tempoh *campaign period*, adakah *the tools and the tones*?. Saya harap bahawa kita ada satu SPR yang

sebenar-benarnya berwibawa apa kita sedang masuk zaman baru, *new millenium*, kita patutlah ada semangat baru supaya kita ada Malaysia yang baharu dengan *mind set*, budaya yang baharu.

Saya harap sekurang-kurangnya dalam beberapa perkara ini kita boleh dapat alasan daripada SPR dalam sebut mengenai mengatakan satu pilihan raya besar yang *free, fair and clean*, masa untuk radio, televisyen untuk semua parti sangat mustahak. Saya tidak mahu sebut apa yang telah sebut pagi ini, tetapi kita dapati daripada semalam, satu pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan yang baharu bahawa tidak ada masa '*air time*' untuk parti-parti politik, apa dia kata: 'bahawa stesen radio dan televisyen yang dimiliki oleh kerajaan RTM has *no air time to spare* kepada parti-parti politik untuk kempen pilihan raya besar yang akan datang.' Tidak ada air time, semalam tiga jam, setiap malam kita lihat menteri-menteri, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional diberi *air time*, mana keadilan ini, bukankah ini lagi tanggungjawab SPR untuk menentukan bahawa air time yang adil diberi kepada semua parti-parti yang berkempen.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini baru-baru ini kita lihat satu kempen yang mahu buat tuduhan, satu kempen yang dilancarkan terhadap kakitangan-kakitangan kerajaan, bahawa mereka tidak taat setia, bahawa mereka tidak patriotik, saya bersetuju bahawa kakitangan kerajaan seramai 800,000 orang, mereka mesti bertanggungjawab dalam menjalankan tanggungjawab dan tugas mereka tetapi mereka ada hak untuk memilih parti dan buang undi parti calon yang mereka mahu. Kerajaan tidak ada hak untuk memaksa pendapat dan pandangan politik atas mereka.

Mereka tidak boleh menyalahgunakan kuasa mereka. Mereka mesti ikut arahan yang dibuat oleh kerajaan tetapi bukan mereka perlu taat setia kepada Barisan Nasional, mereka kakitangan kerajaan Malaysia, Kerajaan Malaysia sekarang dipimpin, diperintah oleh Barisan Nasional, satu hari nanti mungkin lain, barisan alternatif atau lain-lain parti, mereka bukan kakitangan Barisan Nasional, mereka kakitangan-kakitangan Kerajaan Malaysia dan kita tahu bahawa ada ugutan-ugutan dibuat terhadap kakitangan-kakitangan kerajaan oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional sekarang takut bahawa tidak dapat sokongan kakitangan-kakitangan kerajaan. Saya harap bahawa janganlah salah guna kuasa pihak kerajaan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat baru-baru ini

Tuan Haji Noh bin Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, kalau beradab.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Tadi saya dengar salah satu pertanyaan yang pertama, dahulu pihak pembangkang ada berjumpa dengan SPR tetapi saya lihat Yang Berhormat tidak datang dan pihak SPR pun sudah minta, sudah memberitahu supaya sama-sama kita jaga nama baik SPR ini tetapi Yang Berhormat tidak jumpa, pembangkang yang lain ada jumpa, tetapi Yang Berhormat tidak datang. Dalam Dewan ini dok ‘tutuh’ lagi SPR. Itu yang pertama.

Yang kedua, janganlah pusingkan fakta, kita tidak ada ugut kakitangan kerajaan, saya ingat mana-mana menteri pun tidak ada yang berbuat begitu, yang kita beritahu kepada kakitangan kerajaan ialah jangan menggunakan kemudahan kerajaan misalnya kepada guru-guru dan sebagainya. Ini yang kita tegur, kita tidak paksa kakitangan kerajaan supaya pangkah Barisan Nasional, undi itu adalah rahsia.

Jadi, Yang Berhormat pembangkang selalu hendak putarbelitkan isu. Hendak minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat mengenai dua perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Perkara yang pertama saya sudah berlalu, tak payahlah, terlalu *slow minded*. Perkara yang kedua, ...

Tuan Haji Noh bin Omar: Yang pertama ini, saya dengar sebab saya baru lepas makan, saya dengar di kantin tadi, Yang Berhormat bercakap

Tuan Lim Kit Siang: Lebih *smart minded*, lebih cepat.

Tuan Haji Noh bin Omar: Yang Berhormat, bila kena tak mahu jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai perkara yang kedua, betul, bahawa kalau ada sesiapa ada buat kesalahan sama ada pro Barisan Nasional atau pro pembangkang, itu salah. Kita tidak akan *condone* apa yang salah tetapi jangan kita ambil sikap bahawa tak pernah berlaku kakitangan-kakitangan yang pro Barisan Nasional yang menyalahguna kuasa mereka di seluruh negara, ramai – masa itu mana kita dengar menteri-menteri atau pemimpin-pemimpin Barisan Nasional menegur mereka. Mereka sangat suka hati oleh kerana mereka menyalahgunakan kuasa tetapi memihak Barisan Nasional.

Kita tahu guru-guru besar dan baru-baru ini kita baca surat khabar bahawa adalah satu usaha Barisan Nasional mahu guru-guru besar mengadakan satu *rally* menunjuk sokongan kepada Barisan Nasional. Adakah ini wajar, adakah ini patut dibuat, kenapa tak tahan? Selalu banyak *instants* yang kita mahu di mana mereka yang memihak Barisan Nasional, guru-guru atau kakitangan-kakitangan kerajaan menyalahgunakan kuasa mereka dan saya harap kedua-dua pihak ini boleh berhenti

Tuan Haji Noh bin Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak beri.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya hendak minta penjelasan sedikit dari Yang Berhormat mengenai kakitangan kerajaan. Yang Berhormat tidak boleh tuduh kata Barisan Nasional. Mereka taat setia kepada kerajaan, saya hendak beritahu Yang Berhormat dalam parti UMNO mana-mana pegawai kerajaan yang di dalam kumpulan 'A' hendak jadi jawatankuasa cawangan pun tidak boleh, hendak jadi pengerusi cawangan pun tak boleh, kita mengikut arahan-arahan Perintah Am Kerajaan. Ini yang kita persoalkan.

Tetapi bila dia memegang jawatan bagi parti pembangkang sama ada DAP ataupun PAS, guru-guru kumpulan 'A' pun ada pegang jawatan. Ini yang kita persoalkan. Dalam UMNO kita ikut, kumpulan 'A' ini tidak boleh langsung memegang jawatan, hendak dilantik dalam jawatankuasa biro pun tidak boleh. Ini yang kita tekankan, mesti ikut Perintah Am Kerajaan dan taat kepada kerajaan. Saya tidak suruh taat kepada Barisan Nasional ataupun kepada UMNO. Secara kebetulan Barisan Nasional yang memerintah maka segala arahan itu harus dipatuhi. Jadi, Yang Berhormat kena bezakan antara kerajaan dengan parti.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau kita mahu mengadakan satu siasatan yang bebas mengenai salah guna kuasa kakitangan-kakitangan kerajaan dalam perkara parti-parti politik, saya percaya 95% hingga 98% mengenai kes-kes mereka yang memihak Barisan Nasional. Sekolah-sekolah digunakan untuk kegiatan parti-parti politik Barisan Nasional, tidak dibenarkan untuk parti-parti politik parti pembangkang, bukankah ini contoh, di seluruh negara. Apa yang disebut, adakah sekolah-sekolah tempat persendirian Barisan Nasional – bukan. Inilah pembayar-pembayar cukai untuk semua rakyat tetapi kenapa

diskriminasi berlaku dan janganlah pura-pura, inilah berlaku bermaharajalela dalam kalangan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, di sini oleh kerana tadi saya ada sebut mengenai ada satu cadangan *headmaster rally* di mana ada satu usaha bahawa *Federation of Headmasters Councils* dicadang oleh Menteri Pendidikan bahawa mereka mengadakan satu rally melibatkan 4,000 ke-5,000 guru-guru besar tunjuk sokongan Barisan Nasional. Mungkin mereka tahu, Barisan Nasional tahu bahawa di kalangan guru-guru sudah hilang banyak sokongan, sekarang mahu tunjuk atasan guru-guru besar mereka mesti kekal sokongan tetapi ini melibatkan perkhidmatan awam dalam kalangan parti-parti politik, ini tidak patut diadakan.

Saya harap bahawa Menteri Pendidikan supaya mengarahkan bahawa rally guru-guru besar semacam ini tidak boleh diadakan. Adakah ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sokong bahawa satu arahan dibuat bahawa jangan adakan satu *rally Federation of Headmasters Council* tunjuk sokongan Barisan Nasional. Ini bukan *business* mereka. Diam, sangat diam!

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini kita perlulah mendesak adakan satu sistem kebersihan, satu sistem integriti supaya kerajaan sama ada dalam perbelanjaan atau *supplementary* perbelanjaan, apabila menggunakan wang rakyat tidak ada pembaziran, tidak ada penyelewengan. Sebenarnya, dalam beberapa hari ini kita baca apa yang berlaku di seluruh dunia. Di Pakistan bekas Perdana Menteri, Nawaz Sharif dituduh bahawa *corruption* AS\$110 juta, lebih daripada RM400 juta.

Oleh kerana, dengan izin, *money laundering, tax evasion, forgery, misuse of public funds*, seminggu sahaja apabila beliau diguling oleh tentera Pakistan, patut tak patut itu hal yang lain, tetapi dalam satu minggu tindakan diambil terhadap menteri-menteri Kabinet Nawaz Sharif yang lain, termasuk yang bertanggungjawab lawan *corruption*, bertanggungjawab memerangi rasuah.

Bekas Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu dan isterinya dituduh ada salah guna kuasa, ada korupsi, makan suap, lima bulan selepas beliau kalah dalam election Israel dan hilang jawatan Perdana Menteri. Di Nigeria, tindakan juga diambil terhadap korupsi selepas Presiden Ulusegon Uhansanjo dipilih dibulan Mei, semua tempoh yang singkat dan kita harap di Indonesia kita lihat pun mungkin angin memerangi

korupsi pun telah mula bertiup, laporan Bank Bali akan diumumkan. Skandal Bank Bali yang melibatkan AS\$70 juta tetapi di Malaysia nampaknya negara yang tunggal yang tidak adalah usaha untuk reformasi politik, ekonomi menentang rasuah yang berkesan, Malaysia sahaja dan kita tahulah banyak tuduhan ada dilemparkan terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri tetapi sudah lebih satu tahun beliau digulingkan, dipecat sebagai Timbalan Perdana Menteri, dipecat sebagai Menteri Kewangan, tetapi sampai sekarang tidak ada satu tuduhan dibuat terhadap beliau mengenai *monetary corruption*.

Saya percaya mereka yang bertanggungjawab sudah sangat meneliti dengan '*fine tooth comb*' semua rekod-rekod bekas Menteri Kewangan dan kalau adalah penyelewengan bukan kata beratus juta ringgit, tetapi RM1,000, RM200, RM30 tuduhan sudah dibuat terhadap beliau.

Lebih daripada satu tahun Yang Berhormat Permatang Pauh dipecat sebagai Menteri Kewangan, kegagalan pihak yang berkenaan untuk mendakwa beliau, satu *touch* pun mengenai *monetary corruption*, tunjukkan beliau bersih. Saya mahu tanya, kalau ada pertukaran kerajaan, berapa menteri-menteri sekarang ada boleh semacam Yang Berhormat Permatang Pauh, boleh *will stand scrutiny*, integriti mereka atau semacam Nawaz Sharif, Benjamin Netanyahu atau pemimpin-pemimpin Nigeria dahulu semua kena tangkap. Itulah kita mahu tanya, adakah kita sebenarnya komited mengadakan satu kerajaan yang bersih.

Dua tahun dahulu, apabila Dewan yang mulia ini meluluskan satu rang undang-undang yang baharu *Anti Corruption Act*, kita semua harap bahawa satu zaman baru sudah sampai, masa itu wah, semua ahli-ahli Parlimen bercakap lantang termasuk Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong, sangat lantang, sekarang tak dengar lagilah. Inilah sedih, bagaimana?

Sebenarnya bukan sahaja Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh tidak ada satu caj yang boleh dilemparkan terhadap beliau mengenai *monetary corruption*, beliau membuat tuduhan, beliau ambil *offensive* atau buat empat laporan polis mengenai korupsi, mengenai penyalahgunaan kuasa atasan peringkat tertinggi yang menamakan mereka. Apa yang sudah dibuat?

Saya ada satu soalan di sini dalam sidang *session* ini, "Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang [Tanjong] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tahap penyiasatan polis

ke atas empat laporan polis yang dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 9 Julai, 21 Julai, 30 Julai dan 20 Ogos tahun ini yang disokong dengan dokumen berkaitan mengenai salah laku orang rasuah peringkat tertinggi kerajaan dan sila jelaskan sebab mengapa kes-kes ini tidak diserahkan kepada satu suruhanjaya siasatan diraja memandangkan orang yang dikatakan turut terlibat termasuklah Perdana Menteri, Menteri Kewangan Pertama, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Peguam Negara dan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Ghani Patail serta Ketua Menteri, Tan Sri Rahim Tambi Chik”.

Dan jawapan bertulis hari Khamis oleh kerana tak naik untuk dijawab secara lisan yang dijawab oleh Menteri Dalam Negeri ialah, “*Kesemua laporan-laporan polis yang dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim berhubung dakwaan salah laku dan rasuah peringkat tertinggi kerajaan sedang diambil tindakan oleh pihak-pihak bertanggungjawab iaitu Bahagian Siasatan Jenayah PDRM dan Badan Pencegah Rasuah. Kerajaan berpendapat siasatan yang dijalankan oleh pihak-pihak berwajib adalah memadai tanpa perlu ditubuhkan suruhanjaya siasatan diraja”.*

Sudah disiasat oleh BPR barulah sebab itu laporan keempat-empat itu dibuat oleh kerana selepas siasatan BPR dan kamar Peguam Negara buat cadangan untuk mendakwa menteri-menteri dan pegawai-pegawai tinggi tidak boleh dibuat oleh kerana dihalangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apa guna lagi disiasatkan oleh BPR? Ini main-main, ini tidak serius.

Saya pun sangat kecewa bahawa ACA sekarang nampaknya lebih mementingkan PR - *public relations*, dalam surat khabar – wah, sekarang tempat kita 29 daripada 84, *corruption perception index transparency international* sangat bangga, apa boleh bangga? Tahun 1995 kedudukan kita – 23. Tahun 1996 kedudukan kita jatuh lagi 26; tahun 1996 jatuh lagi – 32, betul. Tahun 1998 baik sedikit – 29 tetapi jauh daripada 23. Apa ini ACA boleh bangga mengenai kedudukan kita 29, malulah ACA, malulah MCA. Sepatutnya kalau ACA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: ACAkah atau MCA, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: MCA, ACA – sama! [Ketawa] Dua-dua patut malu. Tetapi sekarang dia cakap mengenai BPR – alright, tetapi MCA pun patut malu. BPR

kalau adalah kewibawaan dan maruah patutlah meletakkan *priority*, tujuan *mission statement* ialah bahawa Malaysia diletakkan dalam negara kesepuluh, antara negara yang kesepuluh yang *list corrupted in the world*. Tak boleh! Boleh ada menara tertinggi di dunia, boleh ada pejabat Perdana Menteri yang terbesar di dunia, ini besar, itu besar tetapi bukan terbersihlah. Antara sepuluh negara yang terbersih tak boleh? Kalau tak boleh jangan ada bangunan tertinggi di dunia, apa guna – terkutuk!

Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang ada satu krisis keyakinan yang sangat rumit dan bagaimana kita boleh mendapat keyakinan orang ramai apabila soalan-soalan pokok tidak boleh ditangani oleh pihak kerajaan dan saya mahu bertanya sama ada pihak kerajaan ada satu program bagaimana kita boleh mengatasi *multiple crisis confidence* yang dihadapi oleh negara kita?

Saya rasa dalam beberapa hari ini rakyat Malaysia merasa terperanjat mengenai tuduhan-tuduhan serius yang dibuat khasnya hari Jumaat yang lalu, mengenai menteri-menteri tertinggi bahawa seorang menteri yang terlibat dengan rasuah RM600 juta. Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama oleh kerana tiga tokoh korporat yang pertama. Bahawa ada lima pendakwaan khas disediakan, dicadangkan oleh BPR dan Peguam Negara terhadap Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri tetapi tidak dibenar untuk diteruskan. Bahawa seorang menteri mungkin terlibat dalam pembunuhan, Yang Berhormat Menteri *Domestic and Consumer Affairs*. Apa pendirian kerajaan, mana boleh didiamkan dan sebenarnya semua ini bukan perkara yang baru. Rakyat Malaysia tahu melalui Internet, mungkin *heart-lung* UMNO tidak tahu mereka diasingkan, tidak boleh, sekarang semua tahu. [*Disampuk*] Takut mereka tahu. Perkara ini tidak boleh diketepikan.

Kita mahu satu siasatan sedalam-dalamnya adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan terlibat dalam korupsi, ada menteri kabinet terlibat dalam pembunuhan seorang wanita, adakah menteri kabinet terlibat dalam korupsi mengenai pembahagian saham, tidak boleh diam. Perlulah satu siasatan terbuka, satu laporan dibuat, kalau tidak maruah dan martabat Kerajaan Barisan Nasional sudah hilang.

Dalam permohonan ini ada peruntukan mengenai pembayaran usaha masa itu - pembayaran balik kepada kerajaan-kerajaan negeri iaitu Perak, Negeri Sembilan, Selangor dan Pulau Pinang bagi kerja-kerja pemusnahan babi di negeri-negeri tersebut

dalam operasi mencegah wabak *Japanese Encephalitis*. Lagi, sekarang *Japanese Encephalitis*, sekarang bila – bulan Oktober 1999. Berapa bulan? Bahawa mereka yang bertanggungjawab terutama di negara ini atau *Control Disease Center (CDC)* sudah mengesan bahawa itu bukan JE. Itu adalah virus yang lain. Sungguhpun Kerajaan Barisan Nasional kata Nipah virus, saya pegang kepada nama saya – virus Chua Jui Meng. Kenapa JE? Bukan JE, ini malulah. Tetapi apa yang mustahak ialah RM9 juta, kenapa dalam perkara pembayaran pampasan kepada mangsa-mangsa termasuk penternak-penternak babi, bukan oleh kerana kecuaiannya mereka, bukan kerana tidak bertanggungjawab, mereka sudah menjadi mangsa malapetaka Nipah Virus. Tetapi sampai sekarang ini, mereka tidak dapat satu ganti rugi yang munasabah. RM50 seekor babi dimusnahkan. Itulah *scandals*.

Di England, apabila berlaku *mad cow disease*, pihak kerajaan membayar berpuluh bilion British Paun sebagai ganti rugi. Kenapa Kerajaan Malaysia tidak buat begitu? Apa lebih tidak boleh difahami, apa yang sangat tidak adil ialah di Bukit Pelanduk khasnya selain daripada dua kawasan ialah Tanah Merah side A dan Tanah Merah side C, semua belum menerima ganti rugi mereka RM50 sahaja. Belum pun terima, 500 ribu, 600 ribu ekor babi. Belum terima ganti rugi, kenapa? Oooo...oleh kerana Jabatan Haiwan kata ada kontroversi mengenai bilangan tidak begitu banyak tetapi Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri datang ke Dewan yang mulia ini dan berkata jumlah yang dimusnah lebih daripada satu juta ekor. Itulah angka di sini. Kalau ini dipakai, kenapa ada pertikaian mengenai bilangan babi di Bukit Pelanduk yang dimusnahkan. Bukankah benar bahawa kalau semua angka di Bukit Pelanduk diterima barulah sampai ke angka yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kenapa ini berlaku lagi, mereka yang menjadi mangsa hilang cara kehidupan.

Ada anggota keluarga mereka yang sudah meninggal dunia, mereka tidak tahu bagaimana untuk mengadakan satu kehidupan yang baru. Tetapi RM50 bagi seekor babi pun tidak mahu dibayar. Inilah kezaliman Kerajaan Barisan Nasional dan saya harap perkara ini dibetulkan tanpa *delay*. Jangan gunakan isu ini sebagai isu pilihan raya.

Di sini saya mahu tanya kerajaan kenapa di negeri Pulau Pinang, di negeri Melaka, Pegawai Jabatan Haiwan sudah memberi maklumat kepada mereka bahawa pampasan atau ganti rugi akan dinaikkan daripada RM50 kepada RM120 tetapi di Negeri

Sembilan, itu hal yang lain. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mahu main politik, satu isu mengenai kematian orang untuk satu industri bankrap berapa keluarga dalam industri ini mainkan politik. Apa politik yang dimainkan, bahawa ganti rugi untuk seekor babi yang dimusnahkan akan dinaikkan daripada RM50 kepada RM120 kalau Barisan Nasional menang *election* yang akan datang dengan majoriti dua pertiga. Ini bukti - surat khabar. [*Menunjukkan surat khabar*] Inilah sangat tidak bertanggungjawab.

Kenapa mahu main dengan masa depan rakyat. Inilah satu, kalau tindakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dari Rasah ada dapat *blessing* Kerajaan Barisan Nasional. Kerajaan Barisan Nasional patut dikutuk sekeras-kerasnya. Kalau tindakan beliau tidak dapat *blessing* daripada Kerajaan Barisan Nasional beliau patut dipecat, tidak guna dalam *election* yang akan datang, dia tidak keluar, sekarang pecat dia. Mana boleh mengugut rakyat dengan cara semacam ini.

Saya harap semua pembayaran dibuat tanpa apa-apa *delay* lagi, bukan sahaja di Negeri Sembilan tetapi di semua tempat di negeri Pulau Pinang, di negeri Melaka, RM120 yang sudah dijanjikan oleh Pegawai-pegawai Jabatan Haiwan dalam negeri Pulau Pinang, negeri Melaka. Tadi saya dengan Yang Berhormat bagi Cheras, Bagan dan Kepong ada di Kuala Lumpur, oleh kerana ada satu mesyuarat mengenai penduduk-penduduk dalam premis perang di mana Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan) melibatkan mereka dan tanpa satu rancangan *affordable alternative housing* menimbulkan masalah sosial ekonomi yang sangat besar. Di negeri Pulau Pinang sebanyak 2,500 premis terlibat, melibatkan 16,000 isi rumah dan 600,000 orang.

Saya ada cuba untuk kemukakan satu rang undang-undang persendirian supaya melanjutkan lima tahun Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan). Tetapi disabotaj oleh Ahli-ahli Parlimen yang tidak sepatutnya buat perkara semacam ini dan saya harap sungguhpun ada pengumuman bahawa Kerajaan Persekutuan ada memberi *soft loan* RM80 juta kepada negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkata bahawa ada tambahan RM20 juta supaya satu *fund* RM100 juta boleh diadakan untuk digunakan kepada tuan rumah supaya membaharui, *renovate, renew* bangunan-bangunan mereka dengan syarat bahawa membenarkan penyewa-penyewa terus dalam premis-premis mereka selama dua, tiga tahun dengan sewa yang munasabah. Saya rasa inilah tidak akan memberi satu penyelesaian yang memuaskan.

Satu penyelesaian yang memuaskan ialah melanjutkan pemansuhan Rent Control Act untuk lima tahun dan saya harap perkara ini boleh mendapat pertimbangan yang serius oleh pihak kerajaan. Memang kita tahu dengan *approach* pilihan raya besar banyak jaminan yang dibuat. Baru-baru ini ada satu jaminan dibuat bahawa RM10 juta akan diperuntukkan untuk sekolah-sekolah Tionghua. Apa guna RM10 juta? Apa yang kita mahu khasnya oleh kerana sekarang adalah satu pengakuan, pengakuan mengenai peranan, mengenai sumbangan yang dibuat oleh sekolah-sekolah Tionghua sama ada peringkat rendah atau sekolah-sekolah menengah Tionghua khasnya bebas, *independence private secondary school, contribution* mereka selama ini 30, 40 tahun kepada *nation building, man power building*, bahawa patutlah ada satu recondition bukan RM10 juta.

Saya harap khasnya apabila dalam *budget* pada hari Jumaat bahawa ambil kira ada satu peruntukan khas RM200 juta untuk sekolah-sekolah Tionghua, untuk 60 buah sekolah menengah bebas. Satu sekolah diberikan RM1 juta ialah RM60 juta. Untuk 1,200 buah sekolah rendah Tionghua, RM100,000 satu sekolah lebih kurang RM200 juta untuk lima tahun. Tiap-tiap tahun ialah satu tabung khas RM1 bilion boleh mengatasi semua masalah yang dihadapi khasnya sekarang. Kalau kita boleh mengakui peranan yang begitu penting yang dibuat oleh sistem sekolah Tionghua kepada pembinaan negara dan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sangat mustahak bahawa kita janganlah menggadaikan masa depan rakyat oleh kerana pilihan raya besar. Khasnya dalam menggubal dasar-dasar ekonomi. Saya katakan ini oleh kerana saya sangat kluatir bahawa dalam *budget* yang akan datang, kita akan mengadakan satu budget tumpuannya bukan untuk meletakkan negara dalam satu asas yang betul supaya kita ada *robustion* dan *sustainable economic recovery* dan perkembangan. Tetapi untuk bagaimana boleh mendapat sokongan pengundi-pengundi sahaja dan kalau inilah *election budget* sahaja kita tidak akan berkesan untuk mengadakan satu *economic recovery*.

Saya berharap bahawa lagipun janganlah kita terlalu memecahbelahkan rakyat dengan kata bahawa mereka yang kita sokong, tidak setuju dengan Kerajaan Barisan Nasional, tidak taat setia, *unpatriotic* yang sekarang selalu kita dengar. Saya harap semua ini diberhentikan untuk pilihan raya besar yang akan datang penting tetapi tidak patut sehingga menggadaikan masa depan kita. Bolehkah kita bersetuju untuk garis

panduan sekurang-kurangnya bukan sahaja untuk menentukan *election* yang akan datang terbersih dalam sejarah Malaysia tetapi untuk menjaga kesejahteraan negara kita.

Sebagai satu contoh, bahawa semua pemimpin, semua parti hari ini yang bermula, berhenti sebut sama ada untuk menakut-nakutkan pengundi atau apa-apa, berhenti sebut mengenai Peristiwa 13 Mei. Oleh kerana perkara Peristiwa 13 Mei selalu digunakan untuk mahu menakut-nakutkan rakyat. Dalam *election* dahulu tiap-tiap kali berlaku, sekarang pun berlaku, bolehkah kita rela, tunjuk kita cintakan negara kita. Adakah pemimpin-pemimpin Barisan Nasional cintakan negara ini? Saya cabar, adakah mereka cintakan negara ini? Sehingga mereka rela bersetuju jangan sebut lagi Peristiwa 13 Mei, atau mereka mahu terus menggunakan Peristiwa 13 Mei untuk mengugut, untuk menakut-nakutkan pengundi-pengundi supaya mereka boleh mendapat kepentingan, keuntungan yang *selfish*. Adakah berani? Dan saya harapkan ini patut menjadi renungan semua Ahli-ahli Parlimen dan itulah pandangan saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Tambun
3.20 ptg.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat diingatkan bahawa had masa itu 10 minit seperti mana yang saya umumkan tadi.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: 15 minit ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: 15 minit, minta maaf.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: 15 minit pun pendek, sekurang-kurangnya 20 minitlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: 15 minit, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh laporan Danaharta terutama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana menubuhkan Danaharta, Danamodal, CDRC dan sebagainya dalam usaha pemulihan ekonomi. Kita sedar bahawa Bank Perdagangan adalah merupakan perantara kewangan ataupun financial *intermediary*, jadi di satu pihak bank memungut deposit dan kemudian deposit ini digunakan untuk tujuan

pelaburan dan aktiviti pelaburan bank dan sebahagian besar daripada pelaburan ini adalah dalam bentuk pinjaman.

Bermula pada tahun 1997, kita sedar bahawa bank mula menghadapi NPL yang besar. Sekiranya kerajaan tidak campur tangan apabila bank menghadapi NPL dan ini menjejaskan kecairan bank, maka bank juga akan terjejas dari segi kemampuan dan kebolehannya untuk melindungi pendeposit. Dalam erti kata lain, jika bank terjejas kecairan, maka bank tidak mampu untuk memenuhi permintaan untuk pengeluaran deposit. Maka, apabila kerajaan menubuhkan Danaharta dan Danaharta membeli NPL daripada bank, sebenarnya bukan Danaharta menolong bank semata-mata ataupun menolong peniaga tetapi Danaharta juga menolong pendeposit. Kita mempunyai berjuta-juta pendeposit di dalam bank. Sekiranya bank terjejas dari segi kecairannya, maka ia tidak melindungi pendeposit, bermakna bahawa tindakan kerajaan menubuhkan Danaharta dan membantu bank bukan sahaja untuk menjana aktiviti dan pertumbuhan ekonomi negara kita tetapi juga melindungi pendeposit, maka bermakna bahawa kerajaan juga melindungi rakyat dalam negara ini. Jadi, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada kerajaan kerana telah membantu melindungi pendeposit iaitu rakyat biasa yang ramai menjadi pelanggan bank.

Saya ingin menyentuh mengenai dengan laporan Danaharta ini dari segi - saya dapati bahawa Danaharta telah pun membeli banyak NPL daripada bank dan juga mengurus NPL di bawah Bank Bumiputra serta Sime Bank. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM39 bilion. Kita sedar bahawa jumlah ini adalah satu jumlah yang banyak. Yang ingin saya tekankan di sini adalah bahawa NPL ini tidak terjadi serta-merta. Ia terjadi daripada satu tahun ke satu tahun dan kepada satu tahun. Apa yang ingin saya dapat makluman daripada Kementerian Kewangan, adakah masalah ini akan kita hadapi lagi pada masa akan datang? Satu masalah yang begitu besar, saya difahamkan Danaharta sekarang sedang berunding juga dengan bank lain untuk membeli NPL. Di samping itu dalam bank juga masih ada NPL.

Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya dari segi prinsip *check and balance* yang dilakukan ke atas bank, peranan Bank Negara melaksanakan sistem *check and balance* yang begitu efektif kerana inilah kuncinya. Sekiranya sistem *check and balance* ini dapat diwujudkan dengan cara yang efektif dan berkesan, perkara ini tidak akan

berlaku. Di masa hadapan tidak akan berlaku. Jadi, sehubungan dengan itu, apakah perubahan-perubahan, penyesuaian atau penstrukturan yang telah dilakukan oleh Bank Negara dari segi *staffing* nya, daripada sistem dan sebagainya supaya kita yakin bahawa kita sudah mempunyai satu sistem *check and balance* yang benar-benar berwibawa supaya perkara macam ini tidak akan berlaku pada masa akan datang.

Keduanya, dari segi *knowledge sharing*. Di negara maju seperti di Amerika, *knowledge sharing* ini merupakan perkara terpenting. Daripada *knowledge sharing* inilah wujud budaya kecemerlangan di negara tersebut. Manusia begitu ingin untuk mencipta. Apa yang saya nampak bahawa *success story* di Amerika juga didokumentasikan supaya dikongsi semua orang, begitu juga dengan *failure story*, ini juga didokumentasikan. Saya dapati bahawa kes NPL yang dihadapi oleh bank ini satu kes yang begitu istimewa, yang mesti dikaji secara terperinci dan sebab mengapa berlaku, punca apa masalahnya, elok didokumentasikan. Kita mempunyai banyak orang dan pakar di Kementerian Kewangan, Bank Negara, profesor di universiti seharusnya membuat kajian dan mendokumentasikan dan ini dikongsi dengan pengusaha, pihak bank dan ini melibatkan semua pihak, melibatkan agensi kerajaan, bank, syarikat korporat dan individu.

Jikalau kita hendak belajar daripada kesalahan yang kita lakukan supaya kita dapat mewujudkan sistem yang lebih baik pada masa akan datang, dari segi kajian, inilah yang paling baik. Syarikat-syarikat yang meminjam yang tidak mengikut prinsip pinjaman dengan mengambil *leverage* yang tinggi, itu juga merupakan masalah dan dengan adanya maklumat-maklumat ini dikongsi, maka syarikat-syarikat tidak akan melakukan masalah yang sama pada masa akan datang.

Jadi, ini satu fakta sejarah yang begitu penting yang saya berpendapat harus didokumenkan supaya dikongsi oleh semua pihak terutama pengusaha, baik kerajaan, bank mahupun syarikat-syarikat korporat.

Ketiga, saya ingin menyentuh tentang penggabungan bank. Kita sedar bahawa dalam dunia sekarang ini penggabungan sudah menjadi prinsip penting dalam perniagaan. *City Bank* bergabung dengan *Farmers Funds* untuk menjadi bank terbesar di dunia. *Chase Manhattan Bank* bergabung dengan *Chemical Bank* untuk menjadi bank nombor dua terbesar di dunia menjatuhkan JP Morgan ke tempat yang ketiga dan sekarang kita tahu ada beberapa bank di Jepun sedang dalam proses untuk penggabungan

untuk menjadi bank kedua terbesar dalam dunia mengambil alih daripada *City Bank*. Begitu juga dalam bidang auditing, kita tahu *Price Waterhouse, Coopers & Lybrand* masa dahulu *giant*, besar dalam bidang itu juga telah pun bergabung. Maka, oleh kerana *mergers* ini adalah prinsip penting dalam proses globalisasi sekarang, kita juga di Malaysia harus bersedia untuk melakukan perubahan-perubahan. Kita mesti bersedia menyesuaikan diri dengan perubahan, baru kita boleh mencapai kejayaan.

Saya menyokong usaha kerajaan supaya bank bergabung. Kita tahu pada tahun 2003 apabila prinsip yang diperkenalkan oleh WTO iaitu perjanjian am dalam perdagangan tarif dan perkhidmatan itu dilaksanakan, maka sektor kewangan dan perbankan negara kita akan terbuka dengan kemasukan bank-bank antarabangsa ataupun bank antarabangsa yang sekarang sudah ada di sini dibenarkan membuka cawangan dan bersaing secara terbuka dalam sektor kewangan kita.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
mempengerusikan mesyuarat]

Saya bersetuju apabila kerajaan memberi kelonggaran dari segi *scheduling*, penjadualan *mergers* ini. Kalau di peringkat awal *mergers* mesti selesai pada bulan April, bermakna pada bulan April mesti memulakan perniagaan secara *mergers* dalam enam *anchor bank* tetapi sekarang ditangguhkan sehingga akhir tahun 2000. Ini saya bersetuju kerana kita tahu bahawa antara satu bank dengan satu bank ada masalah budaya, masalah siapa hendak jadi *leader*, masalah nilai harga saham bank-bank, masalah *staffing*, masalah cawangan mana hendak dibuka dan ditutup dan sebagainya memerlukan masa yang mencukupi tetapi saya berharap kerajaan dalam penggabungan ini setelah menetapkan penjadualan baru hendaklah betul-betul berpegang kepada penjadualan itu. Yang peringkat awal ini kita boleh longgarkan, bank kita banyak belum bersedia tetapi di peringkat yang kedua ini kita tidak boleh lambatkan kerana semakin hampir kita dengan tahun 2000, esok semakin sukar untuk kita bersedia menghadapi cabaran daripada keterbukaan sektor kewangan dan perbankan negara kita.

Di samping itu, saya tidak bersetuju jika *anchor bank* ini diperluaskan sangat, mungkin kita boleh tambah lagi satu, dua menjadikan lapan tetapi kalau dibuka secara tidak terkawal ini tidak akan menguntungkan kita. Seperti mana saya nyatakan, kita akan bersaing dengan bank antarabangsa. Dan yang penting dalam soal persaingan ini, sejauh

mana saiz modal kita. Kalau kita buka banyak *anchor bank* ini, maka kita mempunyai bank-bank yang kecil, *then it defeat the purpose* kita hendak mengadakan penggabungan. Tujuan penggabungan ini supaya bank-bank kita dapat berdiri sama tinggi, dapat bersaing dengan bank-bank lain secara sama tinggi. Jikalau ini diperbesarkan, maka dibanyakkan *anchor bank*, maka keupayaan kita untuk menghadapi persaingan itu akan menjadi begitu kuat.

Di samping itu, saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan, apabila tiba tahun 2003, apakah yang akan terjadi? Adakah bank-bank antarabangsa ini dibenarkan begitu bebas masuk dalam negara kita ataupun kita akan mengehadkan kemasukan berasaskan kepada saiz pasaran kita kerana kita lihat, kalau saiz pasaran kita tidak besar, kemudian bank-bank begitu mudah masuk dengan kepakaran yang ada pada bank antarabangsa, ia akan akhirnya menolak ke tepi dan meminggirkan bank-bank kita walaupun saiz dana bank kita juga sama besar dengan bank-bank ini di peringkat tempatan tetapi dengan kepakaran mereka, kita tidak akan dapat bersaing. Apatah lagi kalau kita memberi kebebasan. Kita bayangkan *City Bank* yang nombor satu dalam dunia dan kita punya nombor berapa ribu, walaupun tempatan, modal tidak besar tetapi kalau beri kebebasan, modal boleh dialihkan, dipindahkan daripada luar masuk dalam negara kita dan bank ini boleh *expand* begitu cepat dari segi saiz dana, akhirnya bank kita yang ada 6, 7, 8 *anchor bank* tadi akan jadi kerdil di dalam proses pengalihan modal yang menjadikan bank antarabangsa begitu besar. Jadi, adakah kita langsung tidak ada kuasa untuk menjaga *environment* kita untuk melindungi bank-bank kita.

Saya juga ingin menyentuh tentang *Merchant Bank*. Saya ingin bertanya dari segi rasional mengapa *Merchant Bank* ini hendak digabungkan. Saya tahu beberapa *Merchant Bank* menghadapi masalah NPL. Sebenarnya dari segi *Merchant Bank*, ia tidak sepatutnya menghadapi masalah NPL kerana aktiviti utama *Merchant Bank* bukannya memberi pinjaman. *Merchant Bank* dilahirkan atas tujuan supaya memainkan peranan sebagai *financial consultant* dan *advisory services*. Ia menjalankan kerja-kerja untuk memberi nasihat dari segi *mergers, acquisition financial restructuring planning* dan juga dari segi menjadi *lead manager* untuk mendapatkan pinjaman. Malahan apabila ditubuhkan *Merchant Bank* pada tahun 1970-an pada peringkat awal memang Bank Negara membenarkan *Merchant Bank* untuk mendapat keuntungan daripada *interest*

income. Income utama *Merchant Bank* adalah *fee base income*, bukannya *interest income*. Nisbahnya mesti daripada *fee base* dan tidak sepatutnya *Merchant Bank* menghadapi masalah NPL, kalau dia tidak menumpukan kepada pemberian pinjaman. Bermakna di sini daripada pandangan saya, masalah *Merchant Bank* adalah *Merchant Bank* ini mesti distruktur semula supaya tidak terlibat dalam pemberian pinjaman, kalau beri pinjaman pun tidak sebanyak mana.

Jadi, dengan itu mengapa *Merchant Bank* ini menghadapi masalah kerana ia tidak mengikut dasar sepatutnya penubuhan *Merchant Bank*. Kalau *Merchant Bank* ini ditubuhkan untuk memberi pinjaman, tidak guna kita mengadakan *Merchant Bank*. Jadi hendak mengatasi masalah ini, kita seharusnya menyesuaikan semula *Merchant Bank* mengikut prinsip yang sepatutnya dan tidak berasaskan kepada pemberian pinjaman seperti mana masalah yang dihadapi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta gulung, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Insurans ini adalah sebahagian daripada sektor kewangan, kalau kita buat *syndicated loans*, insurans banyak memberi pinjaman. Di dalam sistem insurans, kita ada *insurance brokers*, saya minta kepada Kementerian Kewangan beri garis panduan yang jelas apakah peranan *insurance brokers*, kita ada 30 lebih *insurance brokers*, terdiri daripada *insurance brokers* yang kecil. Mengapa tidak digabungkan dan tidak mempunyai peranan yang jelas. Sepatutnya *insurance brokers* memainkan peranan sebagai penasihat tetapi sekarang ini *insurance brokers* seperti juga syarikat insurans, bersaing dengan syarikat insurans untuk mendapatkan perniagaan.

Ini mesti diperbetulkan dan saya berpendapat apabila saya berbincang dengan mereka dalam industri insurans dan *insurance brooking*, mereka mengatakan bahawa industri insurans ini mesti mempunyai satu, sekarang dia ada *Director General Assurance* yang betul-betul berwibawa. *Director General of Assurance* ini di bawah Bank Negara, Bank Negara hendak menjaga sektor perbankan dan banyak sektor lain, jadi bila diletakkan dalam satu bank maka kepakaran itu tidak dapat ditingkatkan. Maka, saya berpendapat ini mesti diperhatikan semula seperti mana dalam industri *securities* kita, *Securities Commission*. Begitu juga dalam insurans, mengapa tidak dia ada satu yang

bukan duduk di dalam Bank Negara. Kalau bawah Bank Negara, Bank Negara mempunyai banyak tanggungjawab, ia tidak dapat melihat masalah syarikat insurans ini dan tidak dapat membina kepakaran untuk menjaga insurans ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Gaya.
3.37 ptg.

Datuk Philip Yong Chiew Lip [Gaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan keizinan kepada saya untuk mengikuti perbahasan rang undang-undang satu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan Bagi Perkhidmatan Tahun 1999. Saya merujuk kepada muka surat 2, Maksud B.4 yang dinamakan Suruhanjaya Pilihan Raya telah diperuntukkan RM3.5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang selalu dibangkitkan atau disebut-sebutkan oleh pembangkang dari Sabah adalah satu isu yang serius yang penting mengenai pendatang haram menjadikan pengundi di Sabah. Nampaknya mereka amat sibuk di Sabah ini mengadakan *signature campaign* untuk perkara tersebut. Di Parlimen ini kita sudah memulakan lebih satu minggu tetapi pembangkang dari Sabah ini di dalam membawakan isu ini berbincang di Parlimen, mereka hanya memainkan politik di Sabah di dalam surat khabar dan menggunakan *signature campaign* yang isu sensitif ini.

Memang tidak dinafikan bahawa isu pengundi hantu adalah bukan satu isu yang baru di negeri Sabah. Tetapi ianya merupakan satu isu yang lama iaitu sejak kebelakangan pemerintahan Kerajaan PBS hingga hari ini bahawa ianya selalu menjadikan satu isu perkara politik yang hangat disebut-sebutkan apabila pilihan raya diadakan. Pihak pembangkang yang kalah dalam pilihan raya selalu menggunakan isu ini bahawa ianya kalah adalah akibat pengundi hantu. Sebenarnya masalah mengenai pengundi hantu telah pun berlaku di mana ia melibatkan rakyat asing atau pendatang tanpa asing kerana mereka cuba mengundi menggunakan kad pengenalan palsu dalam pilihan raya negeri.

Berkaitan dengan perkara ini terdapat orang-orang politik serta pegawai di Jabatan Pendaftaran Negara Sabah tidak lama dahulu telah pun didakwa di mahkamah kerana kesalahan terlibat dalam pengeluaran kad pengenalan palsu kepada orang-orang yang bukan warganegara. Berkaitan dengan perkara ini sebuah buku bertajuk '*I.C Palsu*

Merampas Hak Anak Sabah yang ditulis oleh Abdul Mutalib Muhamad telah memberi beratus-ratus contoh yang menyalahi peraturan dalam daftar pemilih dan maklumat nama-nama, alamat-alamat, nombor-nombor kad pengenalan dan juga nombor-nombor rujukan Jabatan Pendaftaran Negara mengenai orang-orang yang diyakini pengundi-pengundi hantu.

Perkara ini telah pun dilaporkan kepada pihak polis untuk siasatan lanjut. Isu pengundi hantu ini adalah satu isu yang amat serius kerana ianya menjejaskan hak-hak warganegara tulen dan menggugat kedaulatan negara kita. Oleh itu kerajaan tidak lagi mampu berdiam diri. Di persidangan Parlimen yang lalu saya menggesa kerajaan supaya menjalankan siasatan menyeru terhadap kandungan buku tersebut.

Selain daripada itu dimaklumkan bahawa saya juga telah mengemukakan kepada pihak Suruhanjaya Pilihan Raya di negeri Sabah pada Julai 1999 satu senarai mengandungi bilangan sebanyak 2,548 kes *duplicate IC*, dan empat kes *triplicate IC* yang terdapat dalam Daftar Pemilih tahun 1998 supaya tindakan diambil untuk membetulkan keadaan ini.

Untuk menangani masalah tersebut maka di sini saya mencadangkan langkah-langkah seperti berikut:-

- (i) Pihak berkuasa diminta mengumumkan cara-cara untuk menyelesaikan masalah tersebut ;
- (ii) Sesiapa yang terlibat dalam kesalahan tersebut haruslah didakwa di mahkamah dan diberi hukuman berat; dan
- (iii) Untuk memastikan pengundi-pengundi yang tulen pihak Suruhanjaya Pilihan Raya perlu bekerjasama yang rapat dengan pihak Jabatan Pendaftaran Negara.

Akhir sekali, saya berharap dan merayu kepada pihak kementerian supaya mengambil tindakan ke atas cadangan-cadangan tersebut demi kepentingan rakyat dan negara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu satu memohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sib.

3.44 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang dan Anggaran Perbelanjaan Tambahan Ketiga 1999. Saya hanya ingin menyentuh satu-dua perkara. Perkara yang pertama ialah tentang pelancongan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, sampai sekarang pintu masuk ke Sarawak hanyalah satu iaitu Kuching. Beberapa kali wakil-wakil dari rakyat dari Sarawak telah mencadangkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini supaya kerajaan perlu pertimbangkan semula kemungkinan menukar Lapangan Terbang Sibul dan Miri sebagai pintu masuk ke negeri Sarawak, dengan alasan berikut. Pertama ialah kita perlu ingat area geografinya, Sarawak lebih kurang sama besar dengan Semenanjung Malaysia, mungkin ditambah negeri Perlis, ia hanya mempunyai satu pintu masuk udara yang kurang cukup, khasnya sekarang ini negeri Sarawak yang sedang membangunkan terhadap industri pelancongannya. Saya merayu dengan ikhlas kepada Kerajaan Persekutuan mengkaji semula untuk memberi peluang kepada negeri Sarawak supaya kami boleh membangunkan industri pelancongan dengan berkesan dan secepat mungkin.

Contohnya di Sibul, Lapangan Terbang Sibul sekarang hanya satu flight pagi ke Kuala Lumpur. Dahulu flight ini telah dibatalkan tetapi sekarang disambung balik pada malam Jumaat dan malam minggu. Saya fikir itu tidak cukup. Tetapi alasan daripada MAS ialah kekurangan penumpang. Saya fikir *attitude* ini sangat negatif, kalau penumpang kurang, satu jalan positif ialah MAS perlu bekerjasama dengan agensi-agensi pelancongan atau travel agency untuk memberi satu promosi yang berkesan membawa pelancong dari Semenanjung ke Sarawak dan *vice-versa* atau dari Sarawak ke Semenanjung dengan harga tiket yang murah.

Kalau menghapuskan flight itu adalah satu kegiatan yang tidak *condusif* atau tidak positif. Saya harap Kerajaan Pusat melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan Kementerian Pengangkutan mengarah atau merayu dan meminta MAS membawa balik *flight* malam atau sore di antara Kuala Lumpur dan Sibul. Tambahan pula kita tidak dapat menafikan Singapura adalah pusat pelancongan di rantau ini atau tourist halt, dengan izin, di rantau ini. Kalau kota-kota atau bandar-bandar tidak mempunyai

satu hubungan udara dengan Singapura, bandar ini akan dinafikan menerima pelancong-peloncong dari Singapura atau *split over from* Singapura, dengan izin.

Kalau kita lihat hubungan di antara Semenanjung dan Singapura atau Indonesia dengan Singapura, Filipina dengan Singapura mereka mempunyai banyak *flight* langsung ke kota-kota atau bandar-bandar bukan ibu kota, kota-kota *regional* contohnya di Indonesia, Bali, Ujung Pandang. Tetapi di Semenanjung pun bukan hanya ke Kuala Lumpur tetapi ke tempat lain. Saya harap mungkin masa telah tiba kita jangan hanya *protect business MAS at the price*, pembangunan industri pelancongan di negeri Sarawak dan mungkin di Sabah.

Contohnya di Sibu, saya difahamkan industri perkayuan sekarang tidak begitu kuat kerana kekurangan sumber kayu iaitu Sibu sekarang, kita cuba membangunkan industri pelancongan dan Sibu adalah satu kota yang begitu unik kerana kita mempunyai Sungai Rajang terpanjang di seluruh negara kita. Potensi untuk pelancongan sangat baik tetapi sampai sekarang kerana kekurangan perhubungan udara di antara Semenanjung ke Sibu dan Semenanjung ke Singapura, pelabur tidak berminat membangunkan industri pelancongan di Sibu. Saya telah menerima beberapa cadangan dari pelabur-pelabur tempatan dan asing. Kalau Kerajaan Persekutuan izinkan *flight* dari Singapura atau dari negara-negara jiran ke Sibu mungkin mereka akan membina kapal *cruise* (*cruise vessel*) seperti kapal *cruise Yang Xi River* di China dan mereka telah menyaksikan kejayaannya di China dan mereka fikir ini mungkin boleh dilaksanakan di Sungai Rajang dari Kapit atau dari Pelaga ke Belawit, saya fikir kita nampak gunung dan hutan tropika mungkin lebih menarik untuk pelancong-pelancong asing di dalam bidang ekotourism.

Saya pun ingin menyarankan peruntukan khas perlu diberikan kepada Majlis Perbandaran kota atau bandar di Sarawak contohnya Sibu, Bintulu, Miri, Kuching untuk mereka mengadakan pesta (*festival*) tahunan untuk memberi satu situasi yang sesuai untuk menarik pelancong-pelancong melawat kota-kota tersebut. Ini saya harap Kerajaan Pusat, kalau kita bercakap tentang industri pelancongan, mempromosikan pelancongan, ingatlah negeri Sarawak, kota Sibu, Miri, Bintulu di samping Kuching.

Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Balik Pulau.

3.55 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tanpa kita mengira ataupun cakap terlalu banyak tentang sebab kenapa krisis ekonomi negara terjadi pada tahun 1997 dan melihat kepada apakah sebenarnya sifat krisis yang kita hadapi pada tahun 1997 dan kemudiannya menilai apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan melalui NEAC dan sebagainya dan kemudiannya menilai apakah kesan daripada langkah itu maka dapat terpaksa kita katakan bahawa diukur dari segi itu maka kerajaan melalui langkah-langkah yang telah diambil telah berjaya mengatasi masalah atau krisis ekonomi yang telah kita hadapi hampir dua tahun yang lepas.

Apa yang berlaku ialah nilai aset telah jatuh dengan begitu cepat. Apa yang terjadi ialah nilai-nilai saham dan juga nilai hartanah telah jatuh dan ini telah menyebabkan sistem perbankan ataupun institusi kewangan dalam negara kita berdepan dengan masalah. Dan satu daripada masalahnya ialah masalah kecairan dan masalah kecairan ini dirumitkan lagi pada ketika itu dengan kita terpaksa menaikkan kadar faedah kerana pada masa yang sama kita mahu melindungi nilai tukaran asing dalam negara kita dan apabila kita tingkatan nilai faedah, maka kecairan pun berkurangan dan apabila kecairan berkurangan dalam sistem perbankan, maka perniagaan juga terjejas dan apabila perniagaan terjejas maka pada masa yang sama, tekanan ke atas *unemployment* ataupun pengangguran juga telah bertambah.

Jadi ini adalah pencirian krisis yang telah kita hadapi dan langkah yang telah diambil antara lain ialah menubuhkan dana harta dan dana modal bertujuan untuk membantu membersihkan bank-bank daripada hutang-hutang yang *non-performing loans* ini dan sekaligus memberi ruang kepada bank-bank dan institusi kewangan ini untuk bernafas semula dan melakukan usaha pengstrukturian semula.

Langkah yang kedua ialah untuk mengenakan *capital control* dalam berbagai bentuk tetapi khususnya dengan kita *fix exchange rate* dengan US Dollar dengan kadar yang tertentu dan sekaligus mengeluarkan Ringgit Malaysia daripada pasaran mata wang asing. Ini merupakan satu langkah yang agak drastik yang tidak pernah dilakukan dan jarang dilakukan, pernah dilakukan tetapi langkah ini telah memberi ruang bernafas kepada syarikat-syarikat di dalam negara kita untuk melakukan pengstrukturian semula.

Kalau langkah *capital control* tidak diikuti, peluang itu tidak diambil untuk melakukan pengstruktur semula maka ianya sia-sia tetapi sebenarnya dengan adanya CDRC dan juga *corporate exercise* yang banyak berlaku dalam 2 tahun yang lepas, maka apa yang kita lihat ialah restructuring dalam industri negara kita sedang berlaku.

Langkah yang berikut ialah untuk meningkatkan *foreign reserve* kita melalui penjanaannya dengan meningkatkan eksport dan apabila *foreign reserve* itu kita dapat menjana lebih dalam akaun semasa seperti yang telah dijana dalam setahun setengah yang lepas, maka *foreign reserve* kita akan naik. Dan apabila simpanan asing kita naik, maka ia merupakan satu amaun yang boleh mempertahankan nilai pertukaran asing jika kita memilih untuk pergi kepada *flexibel exchange rate* yang kemudiannya.

Langkah yang berikut – ini yang berkaitan dengan kita di dalam Dewan ini. Kita telah mengenakan strategi belanjawan defisit yang agak besar pada tahun yang lepas, saya ingat pada belanjawan, kita telah meluluskan belanjawan yang mempunyai defisit sebanyak 19 bilion dan kita hari ini akan meluluskan perbelanjaan tambahan yang ketiga untuk menambahkan lagi perbelanjaan defisit itu. Tujuan perbelanjaan defisit itu perlu diadakan ialah untuk mewujudkan permintaan yang pada ketika itu dan sekarang ini pun, berada pada keadaan yang kurang. Jika tidak ada permintaan itu, maka keseluruhan ekonomi negara akan jatuh.

Maka daripada langkah-langkah yang telah diambil, apa yang telah berlaku, kita telah mampu meletakkan satu lantai – lantai yang fizikal dan juga lantai yang abstrak. Satu, lantai yang fizikalnya kita telah menahan daripada kejatuhan secara mutlak nilai-nilai aset ini tetapi lantai yang abstrak itu ialah lantai keyakinan orang tentang lantai yang fizikal itu wujud. Maknanya, orang sudah yakin tidak boleh jatuh lebih rendah daripada itu.

Apa yang kita lihat ialah kecairan dalam sistem perbankan telah wujud balik dan dengan itu kos pinjaman juga telah kurang, kadar inflasi atau kadar faedah adalah rendah juga dan kita juga mendapati bahawa inflasi walaupun kita telah letakkan kadar pertukaran asing pada 3.8 pada 1 *US Dollar* adalah terkawal pada kadar 4%, 5% dan bukan itu sahaja tetapi meletakkan nilai pada 3.8 telah mewujudkan dua kesan yang positif.

Yang pertamanya, ia telah menjadikan eksport barangan Malaysia di pasaran antarabangsa adalah murah kerana Indonesia, Thailand, Filipina dan Korea dalam tempoh setahun yang lepas telah mengalami balik *appreciation* dari segi nilai pertukaran asing, *vis-a-vis US Dollar* dalam setahun setengah yang lepas tetapi kita telah letak kita punya pertukaran asing pada 3.8 dan kita tidak mengalami *appreciation* dalam Ringgit sebab kita sudah *fix*. Jadi, sekarang ini secara relatifnya, harga eksport Malaysia berada pada paras yang rendah dan ini telah menyumbang kepada peningkatan eksport dan sekaligus menyumbang kepada lebih akaun dagangan barangan dan seterusnya menyumbang kepada lebih akaun semasa dan ini menjana pula *foreign reserve*. Jadi, itu satu benda yang baik.

Kesan yang dapat kita lihat juga ialah kita dapat melindungi nilai-nilai aset ini – nilai-nilai aset yang menjadi punca krisis ini. Yang pertamanya, nilai aset dalam bentuk saham. Walaupun kita tidak dapat kembalikan pasaran saham kepada *capitalization* yang ada dulu tetapi kita telah melindungi nilainya pada satu tahap yang tertentu. Kita telah membekalkan satu lantai, macam yang saya katakan tadi – yang orang yakin yang dia tidak boleh jatuh lebih rendah daripada itu. Misalnya, sekarang ini kalau kita tanya analyst, analyst akan kata bahawa pada paras KLCI 650, ianya adalah murah dan patut orang masuk beli.

Dengan kita mempertahankan nilai aset ini dan satu lagi aset yang kita tahan nilainya dari segi jatuh terus ialah hartanah yang sebegitu banyak telah kita keluarkan dalam tempoh 15 tahun ataupun 12 tahun yang lepas.

Satu lagi yang kita lihat – yang ini mungkin negara telah *unfairly criticize* tentang hal ini ialah tidak ada *corporate exercise* ataupun *corporate restructuring*. Sebenarnya ada *corporate restructuring* yang telah dilakukan tetapi kadang-kadang kita tidak mahu panggil *corporate restructuring* tetapi yang sebenarnya yang berlaku ialah *corporate restructuring* yang memang sepatutnya dijalankan untuk memperbaiki struktur atau organisasi industri dalam negara kita.

Satu lagi yang dapat kita kekalkan ialah dengan kita *arrest* masalah *confidence* ini dan dana harta, dana modal mahu menyelamatkan sistem perbankan ini, kita juga telah mengekalkan *social fibre* dalam masyarakat ini dengan kita tidak bagi *unemployment* terlalu banyak. Kalau *unemployment* menjadi terlalu tinggi akibat daripada krisis ini

maka dia juga boleh mencetuskan berbagai masalah yang lain – bukan masalah ketidakstabilan politik. Ketidakstabilan politik adalah satu benda yang orang politik macam kita orang ini boleh berdepan. Maksudnya, apa yang menjadi dan mungkin akan menjadi masalah ialah ketidakstabilan dalam masyarakat.

Ketidakstabilan politik dari segi satu politik hendak berlawanan dengan satu parti politik yang lain – yang itu tidak menjadi masalah. Yang itu memang tiap-tiap empat, lima tahun kita kena berdepan dengannya. Jadi, langkah-langkah yang telah diambil ini pada saya telah membuahkan kesan-kesan yang positif dan sepatutnya kerajaan dapat sedikit kredit dalam menguruskan krisis ini. Tinggal lagi, saya hendak mengambil kesempatan ini untuk selain mengucapkan tahniah kepada NEAC dan Kementerian Kewangan untuk kita mempelajari beberapa pengajaran dan berfikir apakah dia strategi yang hendak kita laksanakan di masa-masa yang akan datang.

Yang pertamanya, kita janganlah terperangkap dalam kitaran ini sekali lagi kerana seperti yang kawan saya dari Tambun cakap, kita perlu dokumentasikan pengalaman ini dengan semua pihak terlibat dan lepas itu ianya apabila sudah didokumentasikan, boleh dijadikan satu benda yang semua orang boleh mempelajari iktibar daripadanya – sama ada penggubal dasar, penguatkuasa peraturan ataupun undang-undang dan juga mereka yang terlibat dalam sistem perbankan ataupun sektor-sektor perniagaan. Janganlah kita di masa yang akan datang menjana pertumbuhan dengan mencipta nilai aset semata-mata.

Apa yang berlaku ialah kita telah menjana pertumbuhan dengan mencipta ataupun membesarkan nilai aset semata-mata. Membesarkan, menaikkan nilai hartanah dan juga menaikkan nilai saham – memang menaikkan nilai hartanah dan nilai saham, akhirnya akan menunjukkan bahawa ekonomi itu telah bertumbuh. Tetapi janganlah kita buat benda itu selalu dan di masa depan, saya harap kita jangan buat benda itu. Walaupun apabila harga saham naik, kos modal ekuiti akan turun dan apabila kos modal ekuiti turun, pelaburan akan bertambah – itu satu benda yang baik. Tetapi kalau saham naik terlalu tinggi, kos modal ekuiti terlalu rendah, maka pengurusan risiko menjadi tidak elok dan apabila pengurusan risiko menjadi tidak elok, maka jenis-jenis pelaburan yang dimasuki itu adalah pelaburan-pelaburan yang tidak sepatutnya kita masuki.

Wujudlah nilai dan ciptalah pertumbuhan melalui mencipta pasaran-pasaran baru. Wujudkan nilai dan janakan pertumbuhan dengan kita mencipta produk-produk yang baru dengan kita mencipta perkhidmatan-perkhidmatan yang baru. Barulah kita boleh mencapai satu tahap pertumbuhan yang *sustainable*, yang sebenarnya berkait kepada perkara yang kedua yang saya hendak timbulkan – hendaklah kita senantiasa mempunyai perspektif antarabangsa dalam semua keputusan yang kita buat. Kita tidak dapat lari daripada hakikat bahawa Malaysia adalah sebuah negara dagangan yang besar dan sememangnya dari dahulu lagi struktur ekonomi kita adalah sebuah struktur ekonomi negara dagangan. Jadi, hendaklah semua keputusan – sama ada keputusan pelaburan, keputusan pinjaman, keputusan di sektor kewangan, keputusan di penggubal dasar, keputusan untuk usahawan-usahawan memasuki dunia perniagaan juga hendaklah senantiasa mempunyai perspektif antarabangsa.

Hendaklah kita melakukan keputusan dengan mengambil kira kelebihan perbandingan kita dalam pasaran dunia. Hendaklah kita ingat bahawa satu daripada punca yang besar kenapa kita berada dalam kedudukan dua tahun yang lepas ialah kerana kita tidak mempunyai sumber manusia yang cukup. Sebenarnya sumber manusia sama ada dari segi yang berkemahiran rendah ataupun sumber manusia dari segi yang sepatutnya mempunyai kepakaran yang tinggi ataupun kepakaran yang *specialized* memang kita tidak cukup. Jika kita mempunyai sumber manusia yang boleh membuat keputusan yang baik, penilaian yang baik di institusi-institusi kewangan maka tidak berlaku apa yang berlaku.

Jika kita mempunyai sumber manusia yang mencukupi dalam bidang-bidang pembuatan dan perindustrian, maka akan lebih industri pembuatan itu tumbuh daripada apa yang telah kita *registerkan* di dalam tempoh 10 tahun yang lepas. Jika kita mempunyai sumber manusia yang mencukupi dalam pasaran buruh, maka tidak perlu kita memasukkan begitu ramai pekerja-pekerja asing pada tahap yang rendah. Jika kita telah memberi penekanan kepada pembangunan sumber manusia ini, maka sudah tentu produktiviti keseluruhan dalam negara telah meningkat dan apabila produktiviti keseluruhan dalam negara meningkat, maka kelebihan persaingan kita dalam pasaran antarabangsa akan lebih.

Tetapi sebenarnya produktiviti dari segi *total factor productivity* pada ketika kita sedang rancak bertumbuh sebenarnya tengah jatuh. Maka, saya hendak supaya kita tekankan soal pembangunan sumber manusia ini dalam semua level. Dalam dua tiga hari lepas, saya baca mereka hendak buat piawaian *on management standard*, sekarang sudah ada piawaian untuk corporate governance dan sebagainya. *What is good management* pun baru sekarang ini hendak kita takrifkan dan itu satu langkah yang baik. Dan kita juga hendaklah memberi tumpuan kepada pembelajaran yang berterusan dan juga proses peningkatan kemahiran dan proses latihan semula untuk mereka yang ada dalam pasaran buruh.

Kita tidak boleh melakukan usaha pendidikan ini hanya dengan ditumpukan kepada *cohort group* yang keluar daripada sistem sekolah. Kita hendaklah memberi ruang yang jauh lebih besar kepada mereka yang sedang berada dalam pasaran buruh untuk meningkatkan diri mereka. Saya punya tiga empat puluh ribu pekerja kilang dalam kawasan saya – peluang untuk mereka bangunkan diri mereka adalah terhad. Kalau setakat hendak naik bas biru pergi kerja shif, tiga shif satu hari, kalau buat kerja itu dalam 15 tahun, dia dok macam itulah juga. Jadi, kita kena beri penekanan kepada itu dan menyedari bahawa pada semua tahap daripada pengurusan kanan, *senior executive* sehinggalah kepada operator-operator pengeluaran ini hendaklah kita beri peluang pendidikan ataupun peningkatan kemahiran yang banyak.

Dalam konteks itu, saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana mahu mewujudkan sebuah universiti yang khusus kepada pembelajaran universiti jarak jauh. Maka ini saya harap akan membuka peluang kepada kumpulan – kita guna takrif *non-traditional*, sebenarnya kalau kita guna takrif *non-traditional education* untuk kumpulan ini, maka kita mempunyai satu takrif tradisional kita, maknanya orang yang belajar ini hanyalah mereka yang muda, yang baru keluar daripada sistem persekolahan.

Ini satu *mindset* yang kita kena ubah, maknanya tidak wujud satu traditional group untuk belajar atau *non-traditional group* untuk belajar. Apa salahnya suri rumah belajar umurnya 40-50 tahun, apa salahnya orang tua umur 60 tahun belajar. Apa salahnya sesiapa juga semasa hayatnya belajar. Kalau kita ada sifat yang sedemikian rupa berpegang kepada falsafah untuk sentiasa memperbaiki diri kita di mana juga kita berada maka insya-Allah kita akan menjadi satu negara yang mempunyai pasaran buruh

yang mempunyai produktiviti yang tinggi. Kita juga hendaklah melihat untuk mewujudkan di dalam komuniti-komuniti ini di tiap-tiap daerah peluang-peluang pendidikan INCITU ataupun *local* yang lebih banyak. Sekarang ini kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sila gulung ya.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Hendak gulung dah. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya satu perkara yang mungkin saya akan kupas lebih banyak sebelum saya gulung dalam belanjawan yang besar ialah satu perkara yang penggubal dasar kena fikir sekarang ialah adakah kita hendak jadi kecil atau kita hendak jadi besar. Di mana kita hendak jadi kecil, di mana kita hendak jadi besar. Bila kita hendak jadi kecil dan bila kita hendak jadi besar. Adakalanya kita hendak jadi kecil, adakalanya kita hendak jadi besar. Adakalanya kita hendak syarikat itu besar, adakalanya kita hendak syarikat itu kecil.

Satu yang saya lihat kalau kita tengok 100 tahun dahulu, Tuan Yang di-Pertua, negara dalam dunia ini sedikit tetapi diperbesar. British empayar daripada Malaya sampai kedan semua negara tidak banyak dalam dunia tetapi ia besar-besar. Kalau kita tengok hari ini negara dalam dunia ini makin banyak. Timor Timur ini pun hendak jadi satu negara baru.

Jadi sekarang ini trend sebenarnya ke arah negara yang banyak dan negara yang kecil-kecil. Russia pun tidak Russia menjadi CIS dan Ukraine dan sebagainya. Ini menimbulkan persoalan pada peringkat dasar dan mungkin pada peringkat yang conceptual dulu kita ini hendak jadi kecilkah atau hendak jadi besar? Kalau kita hendak membentuk struktur organisasi industri dalam negara ini untuk bersaing dalam dunia yang sebegini rupa adakah kita hendak jadi kecil ataupun kita hendak jadi besar. Jadi kita hendak bank jadikan besar-besar atau kita hendak bank banyak kecil-kecil. Atau kita hendak syarikat pembuatan kita yang hendak jual di luar negara ini besar-besar ataupun hendak ia kecil-kecil untuk ia bersaing di luar negara. Adakah kita hendak membentuk kelebihan persaingan kita dalam industri hendak banyak kecil-kecil atau sesuatu yang besar. Jadi, oleh kerana tidak ada masa, Tuan Yang di-Pertua, dalam Budget hari Jumaat ini mungkin minggu depan kita boleh *discuss* dengan lebih terperinci hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

[*Beberapa Ahli bangun*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bagi Tawau.

4.15 ptg.

Puan Chua Soon Bui [Tawau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk turut sama membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan bagi 1999. Pemilihan itu atau *phantom voters* adalah satu perkara yang lama di Sabah dan sentiasa ditimbulkan waktu pilihan raya. Perkara ini telah dieksploitasikan oleh parti pembangkang untuk memburukkan imej Kerajaan Barisan Nasional. Maklumat spesifik tentang tindakan Suruhanjaya Pilihan Raya untuk membasmi kesan susulan pemilihan itu akan diperlukan. Kajian semak rawak (*random survey*) menunjukkan ramai orang awam tidak percaya kesahihan senarai pemilih di Sabah. Persepsi orang awam ini perlu dibetulkan. Apa yang seharusnya dibuat adalah memberikan maklumat spesifik yang lebih mencukupi tentang tindakan yang telah diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menghapuskan masalah pemilihan itu dan persepsi ini.

Angka-angka statistik contohnya bilangan pemilih yang telah dikeluarkan daripada senarai pemilih bagi tempoh lima atau sepuluh tahun yang lalu misalnya kematian atau IC palsu dan sebagainya boleh diumumkan sebagai satu langkah untuk membina keyakinan orang ramai terhadap kesahihan senarai pemilih. Suruhanjaya Pilihan Raya perlu menunjukkan komitmen yang berterusan ke arah pembasmian masalah pemilih hantu ini. Persepsi orang awam yang kurang tepat ini tidak sihat, bahkan memberi peluang bagi pihak pembangkang. Barisan Nasional ingin memenangi pilihan raya sebanyak kerusi yang boleh tetapi Barisan Nasional tidak ingin kerusi-kerusi yang memenangi dicabar pula dalam mahkamah kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, pihak-pihak berkuasa yang bertindak cepat untuk memusnahkan sendiket kad pengenalan palsu sangat-sangat dipujikan. Dengan pembangunan pesat negara Malaysia dan khasnya dalam negeri Sabah orang awam mempunyai kesedaran politik yang lebih peka. Oleh itu pertimbangan serius perlu diberi kepada sensitiviti dan keprihatinan orang awam. Pertanyaan-pertanyaan mereka tentang perkara-perkara yang ada berkaitan dan mereka perlu dijawab secara betul dan berkesan. Pemilih-pemilih yang sah memang mengambil berat tentang masalah pemilih hantu.

Biasanya kekurangan maklumat mendatangkan spekulasi orang awam. Keadaan ini memungkinkan dieksploitasikan oleh pihak-pihak tertentu dengan agenda tersembunyi.

Zaman information technology membolehkan maklumat disebar-sebarkan. Orang awam tidak seharusnya dikelirukan atau dipesongkan oleh maklumat yang kurang tepat. Untuk mengelakkan semua ini adalah penting bahawa maklumat yang betul diberikan pada masa yang tepat. Ini adalah selaras dengan hasrat orang awam yang ingin mendapat lebih dan lebih banyak maklumat untuk maju sama dengan sains teknologi dan pembangunan negara. Persepsi orang ramai bahawa orang asing mendapat hak memilih perlu ditangani dengan cara memberi lebih banyak maklumat relevan kepada mereka. Ini adalah tugas Barisan Nasional dan inilah satu langkah positif ke arah memastikan kemenangan yang cemerlang dalam pilihan raya yang akan datang itu dengan majoriti 2/3 untuk kerajaan Barisan Nasional. Dengan kata-kata itu saya mohon menyokong.

Beberapa ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Kubang Kerian.

4.20 ptg

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya, peruntukan awal untuk mengadakan pilihan raya umum RM3.5 juta dan pilihan raya yang ke sepuluh ini pilihan raya yang menjadi perhatian rakyat Malaysia dan seluruh dunia. Oleh itu, pilihan raya hendaklah dijalankan dengan sebaik-baik mungkin dan istilah 'pilihan raya paling kotor' harap kita dapat hindarkan supaya ianya menjadi pilihan raya yang paling bersih. Kita tidak mahu misalnya seseorang itu menang pilihan raya tetapi terpaksa meletakkan jawatan selepas pilihan raya apabila rakyat tidak menerima keputusan pilihan raya. Misalnya Suharto terpaksa meletakkan jawatan selepas menang pilihan raya. Tetapi apa erti menang pilihan raya jikalau rakyat keluar ke jalan raya. Akhirnya memaksa Suharto meletak jawatan dan seterusnya Parti Golkar dihukum oleh rakyat dengan kekalahan yang teruk dan hilang teraju kepimpinan di Indonesia sekarang.

Bermulanya kejatuhan Kerajaan Indonesia itu bukan kerana kalah pilihan raya, tetapi rakyat tidak terima keputusan pilihan raya. Maka akhirnya terpaksa undur dalam keadaan yang menyedihkan, rakyat terkorban begitu banyak dan sekarang Indonesia

sedang pulih demokrasi mereka dan kita harap mereka akan menjadi jiran kita yang baik. Begitulah juga kita harap di Malaysia ini keputusan pilihan raya bila diumumkan siapa yang menang rakyat akan terima keputusan itu. Bagi pihak PAS kami telah kalah sembilan kali dalam pilihan raya dan setiap kali kalah kami terima keputusan walaupun mereka yang kalah itu terasa amat pahit. Kita bimbang pihak yang tidak pernah kalah kalau kalah mereka tidak boleh terima kekalahan. Sebab itulah selalunya selalu disebut kalau Barisan Nasional kalah akan berlaku huru-hara. Ini bererti bahawa yang akan membuat huru-hara yang tidak pernah kalah. Sebab yang biasa kalah kami sudah biasa menerima kekalahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bagi Tanjong Karang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Baru mukadimah.

Tuan Haji Noh bin Omar: Hendak minta penjelasan sedikit fasal kalah ini. Ini Yang Berhormat seolah-olah mengatakan Barisanlah yang buat kecoh kalau kami kalah. Tetapi di Kelantan kita sudah kalah dua kali - Barisan Nasional. Tahun 1990 satu pun tidak menang. Yang baru ini adalah menang. Jadi, adakah kekecohan berlaku di Kelantan sebab Barisan Nasional kalah?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Bunga-bunga ada, tetapi mereka tidak kalah di peringkat Pusat. Yang pentingnya saya hendak sebutkan di sini biar rakyat menerima keputusan. Macam kami bukan setakat kalah kadang-kadang hilang deposit di Negeri Sembilan negeri yang Jempol [*Ketawa*] Dato' kita ada di sini. Tetapi kita terima keputusan. Generasi sekarang bukan lagi kita kata generasi yang dulu sebarang apa yang diberitahu oleh kerajaan rakyat terus menerima. Generasi selepas 40 tahun merdeka kita lihat ada sedikit kelainan kerana sumber informasi telah pun pelbagai iaitu daripada suratkhbar yang pro kerajaan, suratkhbar yang pro pembangkang, daripada Internet dan sebagainya, oleh itu mereka sudah mendapat berbagai-bagai saluran maklumat. Oleh itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Yan bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya berminat tentang Yang Berhormat mengatakan informasi-informasi ini tetapi adakah

Yang Berhormat sedar bahawa informasi-informasi yang dikeluarkan oleh parti lawan itu termasuklah parti PAS kebanyakan informasinya berunsur fitnah, berunsur kata-kata yang kesat, memaki hamun kepimpinan hingga di luar daripada bidang ajaran agama. Begitu juga DAP bercakap macam orang dirasuk hantu pagi tadi, itu baru masuk. Jadi adakah Yang Berhormat sedar bahawa apabila parti PAS mengatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia seorang bapa Firaun adakah itu ajaran Islam memaki sesama Islam di khalayak ramai, dan di samping itu adakah Yang Berhormat sedar tadi Yang Berhormat kata akan berlaku pergaduhan dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa penyokong-penyokong PAS selalu membuat kacau-bilau di dalam ceramah-ceramah yang dianjurkan oleh Barisan Nasional. Walaupun kami tidak pernah mengacau dan mengganggu-gugat ceramah-ceramah yang dibuat oleh PAS, sedangkan PAS menghantar anak-anak muda 'boo' penceramah-penceramah dan maki hamun penceramah-penceramah. Jadi, apakah Yang Berhormat

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tanya panjang sangat ini. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak. Yang Berhormat boleh ambil masa saya, saya boleh beri masa saya esok pada dia.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ada lima belas minit sahaja.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: ...jadi adakah Yang Berhormat setuju bahawa sebenarnya PAS sendiri kena memperbetulkan rumahtangganya, mendisiplinkan anak-anaknya supaya dia ini menjadi anak bangsa yang berguna. Terima kasih.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih di atas pandangan itu. Kita ada pelbagai akta, Akta Polis dan akta itu dan akta ini untuk bertindak kepada mereka yang melanggar undang-undang. Jadi, saya hendak teruskan ucapan saya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, Yang Berhormat tidak jawab penjelasan saya ini. Yang Berhormat kena jawablah. Jangan, jangan lari....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Kalau saya hendak ungkit pula penceramah-penceramah UMNO kata belah ini, banyak lagi, jadi saya hendak teruskan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, tidak, maksud saya, contoh macam Yang Berhormat pergi ceramah di Yan dua kali tanpa permit polis, Yang Berhormat ingat tidak?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tidak ada. Kalau tidak ada, polis pun sudah ambil tindakan kepada saya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, siapa yang melanggar undang-undang dan siapa yang tidak melanggar undang-undang? Yang ini Yang Berhormat kena kata dunia maju sekarang ini, kita kena maju.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ya, saya kata, duduklah dahulu, ini giliran saya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, okay. Ini nak duduklah.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Jadi, manusia sekarang ini ada pelbagai saluran maklumat. Oleh itu, maklumat yang kita kata, misalnya kalau dahulu contohnya, seorang budak berumur 17 tahun ditembak di Kampung Kerinchi oleh polis. Masa itu orang tidak mempersoalkan sama ada boleh atau tidak polis melepaskan tembakan dalam keadaan nyawanya tidak terancam, orang tidak persoalkan. Tetapi sekarang, rakyat sudah mula mempersoalkan bila sesuatu kejadian seperti itu berlaku, sebarang penerangan daripada pihak kerajaan belum tentu diterima oleh rakyat. Begitulah juga kerajaan mana pun. Bererti rakyat sudah mula berfikir sekarang ini. Begitulah juga bila wanita India yang mengandung ditembak mati. Rakyat sudah mula persoalkan apakah boleh pihak polis melepaskan tembakan dalam keadaan nyawa mereka tidak terancam, ini yang kita lihat sekarang ini. Begitulah juga peringkat awal bila kerajaan menerangkan hal lebam mata bekas Timbalan Perdana Menteri. Kalau dahulu barangkali rakyat terus terima tetapi sekarang tidak, rakyat hendak tahu apa sebenarnya sehingga lahir suruhanjaya bebas menyiasat, akhirnya rakyat tahu keadaan yang sebenarnya. Ini yang saya maksudkan rakyat sekarang bukan lagi macam kita dahulu sebarang penerangan oleh menteri turut diterima, sekarang tidak. Yang saya maksudkan di sini ialah kita mahu keputusan pilihan raya diterima oleh rakyat. Pihak kami kalau kalah, terima. Kalau pihak BN kalah, kena terima. Tetapi hendak beri rakyat terima itu, Suruhanjaya Pilihan Raya itu mesti betul-betul bersih.

Sekarang ini kita lihat ada 2-3 orang askar yang berpangkat membuat pengakuan bahawa merekalah yang memangkah bagi pihak kawan-kawan mereka di kem-kem tentera. Adakah pihak SPR buat report polis dan ambil tindakan kepada tentera itu sebab

kita lihat ada pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan tentera sampai pencen. Mereka mengatakan, “*Kami tidak pernah tengok kertas undi*”. Ada pula pegawai yang beritahu dan disiarkan pula di dalam surat khabar nama dia semua sekali. Dia pangkah bagi pihak kawan-kawannya, 300 orang. Ini sudah terdedah kepada rakyat. Oleh itu, ini kalau tidak dibaiki, empat yang *marginal* kalah yang sedikit misalnya, kalaulah kita kata tempat itu kalah 5,000, 6,000 ke atas, tidak apa. Tetapi tempat yang kalah 200, 300 akibat daripada undi tentera, maka rakyat akan mengambil tindakan yang tidak menyeronokkan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Masa sedikit sangat.

Dato’ Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya redha, saya beri masa saya esok kepada Yang Berhormat, 5 minit untuk masa kecederaan, kita boleh beri. Cuma saya minta penjelasan, sedar atau tidak Yang Berhormat, bahawa parti PAS telah mengimport orang masuk dalam kawasan, contohnya dalam kawasan Parlimen saya. Ramai pengundi-pengundi luar masuk mendaftar dalam kawasan Parlimen saya. Untuk memastikan[*Disampuk*]

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Itu kita ada sistem bantahan dan sebagainya.

Dato’ Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, kita buat, kita buat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ini yang boleh dibuat oleh pihak parti-parti politik.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan bertengkar macam itu Yang Berhormat, ya. Sudahlah.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Beri saya dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

Dato’ Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak apa, kejam lagi saya cakap.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, bila askar sendiri telah buat pengakuan, disiarkan di dalam media massa, pihak SPR tidak bertindak kepada tentera itu. Bekas tentera itu mengatakan dia bohong ataupun buat report polis, kenapa dia pangkah bagi pihak-pihak kawannya? Maka sudah tertanam dalam rakyat Malaysia sekarang ini undi pos tidak boleh dipercayai. Bila ini berlaku saya bimbang nanti tempat yang *marginal*, yang kalau atau menang sedikit, ini yang menyebabkan rakyat boleh mengamuk, macam kita kata rakyat keluar ke jalan raya sebabnya generasi sekarang ini mudah sangat mereka bertindak untuk menuntut apa yang mereka mahu sama ada pelajar

universiti atau golongan belia, bolehkah kita sangka dengan 50,000 orang berkumpul di Masjid Negara? Ini semua perkara-perkara seperti ini kerajaan kena fikir sebab kalau SPR tidak dapat menyelesaikan perkara ini, kalau rakyat tidak terima keputusan pilihan raya, berat. Maka kita bimbang selepas menang pilihan raya maka berlaku suatu perkara yang tidak diinginkan.

Saya contohkan tadi, Marcos terpaksa berhenti selepas menang pilihan raya, Suharto terpaksa berhenti selepas menang pilihan raya kerana rakyat ragu terhadap sistem itu. Oleh sebab itu kita mahu SPR (Suruhanjaya Pilihan Raya) betul-betul mengambil berat masalah tidak puas hati orang ramai khususnya pembangkang terhadap cara mengundi di empat kem-kem tentera sebab kita tahu bahawa dua orang menterinya yang ada di sini diselamatkan oleh undi daripada kem tentera iaitu Jeli dan Peringat. Tanpa undi tentera, undi *floor*, mereka kedua-dua tidak akan berada di sini. Tidak apalah, itu berlaku barangkali .tidak menyeluruh tetapi kalau berlaku menyeluruh, rakyat tidak terima keputusan, maka keamanan yang kita harap, kacau-bilau yang datang.

Kita tengok selepas Suharto menang dia angkat sumpah, dia umum kabinet dan dia rasa boleh sambung lima tahun lagi. Tetapi apabila rakyat keluar, mati beberapa orang akhirnya meninggalkan satu kesan hitam hampir setahun di Indonesia sehinggalah baharulah demokrasi dipulihkan sekarang. Oleh itu kita harap SPR jangan main-main. Ini soal keselamatan negara, bukan soal siapa menang. Itu perkara yang kedua tetapi ini soal keselamatan negara bila rakyat terima keputusan pilihan raya maka siapa yang kalah terima, maka siapa yang menang dia tidaklah bermegah sangat, yang kalah pula menerima keputusan itu. Oleh sebab itu langkah awal pihak SPR mengatakan mereka hendak beri kertas undi, mereka sendiri akan hadir ke kem tentera. Langkah awal ini kami alu-alukan.

Tetapi kami juga ingin tahu apa langkah seterusnya supaya tentera itu yang memangkah bagi pihaknya bukan bosnya, bukan orang lain seperti yang tentera-tentera sekarang datang dan berani buat *press conference* yang mengatakan mereka memangkah bagi pihak rakan-rakan mereka bukan satu, dua tetapi sampai dua, tiga ratus. Inilah yang kita harap pihak SPR bersungguh-sungguh kali ini membersihkan supaya pilihan raya ini nanti berlaku dalam suasana bersih, rakyat menerima keputusan, demokrasi dalam negara kita terpelihara. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sipitang.

4.30 ptg.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil sedikit perbincangan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1999.

Terutama sekali saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional terutama sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kewangan I dan Ahli-ahli Fikir Ekonomi Malaysia, yang telah berjaya menyelesaikan masalah ekonomi. Kejayaan kita mendapat pujian daripada seluruh dunia terutama sekali daripada IMF yang dahulu mengatakan kita silap, telah pun membuat pujian, begitu juga dengan Bank Dunia dan juga pakar-pakar ekonomi yang mengiktiraf bahawa kita telah berjaya. Tetapi saya hairan pembangkang tidak pula begitu patriotik, tidak pula memuji dan memberi tahniah kepada kerajaan di atas kejayaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbelanjaan Tambahan ini tetapi saya ingin memberi sedikit komen atau pandangan mengenai perkara Maksud Bekalan yang menangani krisis air. Kita ucap tahniah kepada Kerajaan Persekutuan yang prihatin tentang masalah bekalan air di negeri-negeri yang memang kita perlukan supaya perkara ini diselesaikan. Kalau di Selangor, bantuan ini telah diberi RM18 juta untuk menyelesaikan masalah, kita berharap juga dilihat di seluruh negara negeri-negeri yang perlukan bantuan untuk menyelesaikan masalah air ini diberi bantuan segera.

Tuan Yang di-Pertua, khususnya Sabah, baru sahaja lima tahun diperintah semula oleh Barisan Nasional. Pembangunan begitu pesat dan masih banyak daerah-daerah yang perlu pertambahan keperluan air yang begitu mendadak. Tetapi oleh kerana permintaan yang begitu tinggi, pembangunan dan kepesatan pertumbuhan ekonomi, maka tidak semua daerah yang dapat dibantu oleh kerajaan negeri, walaupun ini tanggungjawab kerajaan negeri. Maka saya merayu agar Kerajaan Persekutuan memberi bantuan sama ada dalam bentuk geran ataupun pinjaman tanpa faedah untuk menyelesaikan masalah bekalan air di daerah-daerah negeri Sabah. Sebagai contoh, di kawasan Parlimen saya, Tuan Yang di-Pertua, ini contoh sahaja secara spesifik, bekalan air yang diperlukan oleh

kerana pertumbuhan ekonomi yang pesat dan juga industri-industri baru, perumahan-perumahan baru, keperluan air sehari memang kecil iaitu lebih kurang 4.5 juta liter sehari. Tetapi kemampuan loji yang ada sekarang cuma 2.5 juta liter sehari. Jadi, kita kekurangan lebih kurang 2 juta liter sehari, Tuan Yang di-Pertua.

Daripada air yang dihasilkan, 2.5 juta liter itu kebanyakannya tidak sampai ke kampung-kampung oleh kerana yang pertama, dari segi tekanan air yang rendah oleh kerana tidak cukup bekalan.

Yang kedua, paip-paip besar penghubung utama di antara loji dan paip-paip di kawasan perkampungan juga sudah lama. Ada yang pecah ataupun yang tersumbat. Jadi, di sinilah masalah itu wujud, akibatnya banyak kampung yang tidak dapat air. Jadi, saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya menangani masalah ini dari segi bantuan. Untuk menyelesaikan masalah ini kita perlu satu loji air yang baru di kawasan saya misalnya perlu satu loji air berharga lebih kurang RM30 juta untuk dibina tetapi masih belum ada. Apa kiranya Kerajaan Persekutuan dapat membantu menyelesaikan masalah ini bukan sahaja di Sipitang tetapi juga di daerah-daerah lain.

Tuan Yang di-Pertua, ini penting kerana kalau sesuatu industri itu mula bertapak, mereka membuat kajian. Kajian awal yang mereka lihat ialah perhubungan jalan. Jalan sekarang sudah baik, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Barisan Nasional, jalan sudah baik.

Yang kedua ialah bekalan air. Tetapi bila air tidak ada mereka sudah memperlakan penglibatan mereka, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada perkara Industri Pelancongan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, iaitu peruntukan sebanyak RM150 juta di bawah Maksud B.22 untuk promosi pelancongan dan kempen pengiklanan peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada kementerian, peruntukan ini dalam tempoh jangka masa berapa lama, adakah setahun ataupun sekaligus perbelanjaan ini? Saya rasa ada baiknya promosi ini perlu dikaji semula kerana yang kita lihat di masa yang lalu, rombongan promosi pelancongan sama ada secara rombongan kebudayaan ataupun membuka pejabat-pejabat di luar negara secara kecil-kecilan tidak begitu mendatangkan pendedahan yang meluas.

Memang kita perlu tetapi ada cara lain lagi yang begitu berkesan saya lihat. Misalnya satu acara yang dibuat baru-baru, misalnya kita telah mengadakan perlumbaan kereta *Formula One* yang mana tiga hari perlumbaan, penonton yang melihat perlumbaan itu dan mengenali Malaysia telah pun mencapai lebih kurang satu bilion orang, berbanding dengan jikalau kita membuat rombongan kebudayaan, misalnya ke Paris, ke London, ke New York dan sebagainya mungkin pendedahan dalam tempoh masa yang begitu lama cuma dalam lingkungan ribuan orang sahaja. Tetapi jikalau kita membuat acara-acara yang besar seperti ini, dalam masa yang singkat boleh memberi pendedahan penduduk dunia yang begitu banyak.

Begitu juga nanti pada bulan November ini, pertandingan golf piala dunia yang akan diadakan di *Mines Resort*, saya rasa tentu sekali lagi Malaysia akan dikenali di seluruh dunia dengan pertandingan itu. Tetapi apa yang perlu dilihat, yang dikaji, kita mesti memasukkan slot ataupun acara-acara ringkas semasa siaran langsung itu mengenai dengan Malaysia yang begitu cantik dengan acara-acara yang terancang supaya semasa mereka menonton siaran langsung itu dapat juga diambil sedikit gambaran ataupun tempat-tempat tertentu yang boleh memperkenalkan Malaysia. Kita mungkin berbelanja sedikit dalam ruangan itu, tetapi hasilnya saya rasa lebih menguntungkan daripada promosi yang kecil-kecil.

Di samping itu juga, yang penting ialah, dalam masa tersebut semasa lawatan ataupun acara-acara ini yang lebih kita tonjolkan ialah rakyat Malaysia sendiri sepatutnya menunjukkan, yang pertama sekali kejujuran kita untuk menerima pelancong ini. Perkhidmatan-perkhidmatan kita hendaklah dipertingkatkan, misalnya sambutan di Air Port yang telah kita buat. Sambutan pemandu-pemandu teksi, sambutan di restoran, sambutan di tempat-tempat lawatan tidak seperti pada masa ini ada sebahagian teksi, bila pelancong ataupun kita masuk dalam teksi, dia mula cerita politik. Dia mula memburukkan pemimpin, sedangkan pelawat-pelawat ini datang ke Malaysia ini bukan untuk mendengar cerita politik. Mereka datang ke Malaysia ini untuk berehat, untuk melihat tempat-tempat yang cantik, untuk melihat bangunan *KL Tower*, menara kembar Petronas dan juga tempat-tempat menarik yang lain. Tetapi sebahagian pemandu teksi ini adalah tidak patriotik dan masa itulah mereka bercerita mengenai keburukan-keburukan di

Malaysia, masa itulah mereka memburukan pemimpin, masa itulah juga mereka mendedahkan yang bukan-bukan. Jadi, pemandu ini adalah orang yang tidak patriotik. Tetapi sebenarnya kalau mereka menceritakan kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku di Malaysia, ini menakutkan pelancong dan mereka menutup sendiri rezeki mereka. Sepatutnya mereka menceritakan yang baik-baik supaya pelancong ini datang lagi di masa akan datang dan lebih banyak pelancong-pelancong datang ke Malaysia dan lebih banyak teksi yang akan laku.

Lagi satu masalah Tuan Yang di-Pertua, kita melobi sebanyak mungkin acara-acara antarabangsa seperti yang saya katakan awal tadi iaitu acara persidangan-persidangan, acara sukan. Tetapi yang menghairankan pembangkang ini, semasa ada acara-acara besar di negara kita, acara antarabangsa, contohnya semasa Sukan Komanwel, masa itu jugalah mereka mengadakan demonstrasi, semasa ada persidangan hakim-hakim seluruh dunia masa itulah juga mereka mengadakan tunjuk perasaan, perhimpunan yang secara sengaja supaya negara ini digambarkan oleh negara yang tidak baik, negara yang tidak aman. Sekarang saya ingin bertanya kepada ketua pembangkang, siapakah yang tidak patriotik? Apakah Barisan Nasional atau mereka?.

Yang mengadakan rusuhan dan perhimpunan haram ini, yang melolong membakar tong sampah dan sebagainya adalah daripada parti pembangkang, ahli-ahli KeADILan. Jadi, dimanakah semangat patriotik mereka, cintakan negara yang menunjukkan negara ini adalah negara yang baik. Saya minta rakyat di seluruh Malaysia membuat pengadilan kesaksamaan, penilaian sama rata, pertimbangan siapakah yang sebenarnya ingin memecutkan masalah. Ada pemimpin KeADILan, Puan Marina Yusof mengatakan, yang memulakan rusuhan 13 Mei adalah UMNO. Tetapi siapakah yang memulakan perarakan di Masjid Negara, yang provok polis supaya bertindak, yang provok tuan-tuan punya kedai, siapakah sebenarnya? Ini mereka.

Bayangkanlah kalau semasa perhimpunan itu ada orang Barisan Nasional yang tidak sabar memulakan pergaduhan, apa jadi kepada negara kita. Jadi, tuduhan Puan Marina Yusof, saya ingat perlu diambil perhatian, jangan menuduh sebarang tanpa usul periksa dan implikasinya kepada negara adalah begitu serius. Jadi, kita tidak mahu ada pemimpin-pemimpin pembangkang ataupun sesiapa sahaja yang cuba memulakan huru-hara di negara ini. Kita mestilah sayangkan negara kita dan melihat negara kita aman

damai. Kalau mahu menang pilihan raya, mahu kempen, kempenlah masuk kampung, tidak apa. Tetapi kita bawa sepanduk besar-besar tulis jatuhkan Mahathir, bakar tong sampah supaya pemberita luar negeri ambil gambar untuk apa? Kalau mahu kempen, kita kempenlah di kampung, berceramah tidak apa. Jangan adakan demonstrasi masa Sukan Komanwel, semasa ada pelawat-pelawat, pemimpin-pemimpin dunia datang ke Malaysia masa itu kita mula berkempen, kita diam-diam, gentleman.

Ini timbul pula persoalan SPR tidak adil. SPR selama ini telah membuat kerja dengan baik. Kalau SPR itu tidak adil, berat sebelah tidak ada kerusi pembangkang menang. Di kawasan saya semasa pilihan raya negeri yang lalu, undi pos, kalau semua itu dipangkah oleh bos dia, tentu undi Barisan Nasional semua. Tetapi 25 undi pos, sebahagian, separuh undi pembangkang. Apakah ini dikatakan bos dia pangkah - tidak. Kita beri peluang kepada mereka sendiri untuk memangkah.

Jadi, kita jangan mengatakan SPR tidak adil, tidak membuat kerja. Kalau kita samakan dengan negara-negara lain, itu negara lain, ini negara kita Malaysia, jangan kita samakan, mengatakan rakyat sudah marah dengan Suharto supaya Suharto berundur. Tetapi keadaan di sana lain, tidak sama dengan negara kita. Di Filipina keadaannya lain, yang bercakap ini pernahkah melawat Philipina? Pernahkah melawat ke kampung-kampung di Indonesia.

Saya pergi ke Jambuanga, di kepulauan Mindanao. Macam mana keadaannya, bandingkan dengan kampung-kampung kita di sana dan di sini. Di sana 40 tahun belakang, penduduk macam semut, 4 juta lebih satu bandar, kereta cuma beberapa buah, yang lain cuma beca, basikal, tidak sama dengan negara kita. Bagaimana kita membandingkan Malaysia mesti ikut cara di sana. Saya ingat rakyat mesti membuat judgement ataupun penilaian yang seadil-adilnya, bukan dengan perasaan, kita terikut-ikut dengan cakap pembangkang. Pembangkang ingin melihat bahawa negara kita ini hancur, kucar-kacir sama macam negara lain barulah mereka puas hati. Tetapi kita sudah senang lenang. Apakah kita mahu undur semula seperti keadaan negara yang belum membangun. Kita negara maju, kita ingin tunjukkan kepada dunia bahawa kita ini boleh, 'Malaysia Boleh'. Negara Malaysia sudah ke arah yang lebih baik daripada dahulu, tidak macam negara-negara jiran kita, mereka masih berhempas pulas untuk membaiki keadaan. Negara kita tidak ada kebuluran, yang dahulu dikatakan Ketua Pembangkang

buluran, bukan kebuluran tetapi Parlimen Beluran, buang 'kebuluran' - kita ke Beluran, itu yang silap faham, bukan 'ke Beluran', kebuluran tidak makan.

Jadi, inilah saya ingat rakyat kena faham dengan isu pembangkang ini. Memang mereka katakan tadi kalau Barisan Nasional kalah mungkin akan terjadi huru-hara. Itu mereka yang *provoke*, mereka yang ingin huru-hara, bukan kita. Kita rakyat semua inginkan aman damai. Kelantan, kawasan pembangkang, kampung-kampung dia, Kerajaan Persekutuan bantu juga, bantu bekalan air, jalan raya, letrik dan basmi kemiskinan. Tetapi apa yang Kerajaan PAS bantu di Kelantan. Keadaan tidak berubah sampai sekarang, kemiskinan semakin tinggi, rakyatnya lari daripada Kelantan untuk mencari pekerjaan.

Orang-orang Kelantan memang pandai-pandai tetapi tidak boleh cari makan di Kelantan kerana tidak ada tindakan oleh pemimpin Kelantan untuk memperbaiki keadaan di Kelantan. Sebab itulah dia datang ke Sabah. Bila di Sabah dia berjaya menjadi kontraktor dan sebagainya kerana tidak ada peluang di Kelantan oleh kerana kerajaan pimpinan sekarang tidak memperdulikan rakyat di negeri Kelantan. Apakah rakyat di negeri Kelantan inginkan ini semua?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta gulung ya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, ini terlampau rancak, satu jam lagi pun boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Jadi, saya berharap rakyat faham, sedar dengan keadaan kita sekarang. Kita sudah berada di tempat yang lebih baik daripada dahulu di bawah kepimpinan Barisan Nasional. Rakyat yakinlah bahawa Barisan Nasional sahaja yang boleh membawa pembangunan, bukan pembangkang, Barisan Alternatif dikatakan tadi. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Chenderoh katakan, mereka ini tiru Barisan Nasional kerana Barisan Nasional itu bagus, mereka ubahlah nama lain, kumpulan alternatifkah dan sebagainya. Jangan tiru Barisan kalau Barisan ini tidak bagus. Jadi, saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Jadi, dengan kata-kata itu saya mohon menyokong usul perbelanjaan tambahan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin memberikan pandangan mengenai menjelang pilihan raya ini kerana masa itu *budget* ada sebut pasal SPR. Kita dapati sejak akhir-akhir ini, dekat pilihan raya ini, pihak pembangkang akan gunakan berbagai-bagai *platform* untuk mempengaruhi rakyat, untuk menyelewengkan fakta-fakta tertentu. Kita lihat mereka menggunakan akhbar-akhbar yang sah atau yang tidak sah dijual dengan seluas-luasnya walaupun kata ‘untuk ahli’ tetapi dijual di kedai-kedai, majalah-majalah yang tidak ada KDN pun sudah banyak keluar. Yang ada keluar KDN pun nampaknya banyak juga yang boleh kita baca menyebabkan rakyat dipengaruhi dengan fakta-fakta yang tidak betul.

Di masjid-masjid pun sama, kita sudah beritahu khutbah, janganlah khutbah itu pro satu-satu parti sebab yang dengar khutbah itu bukan sahaja orang UMNO, orang Barisan ataupun orang PAS, sama-sama. Ini, nanti kalau baca mengutuk UMNO, mengutuk kerajaan, jadi kita yang pro kerajaan, yang pro kepada UMNO ini, kita dengar dalam masjid pun panas telinga juga, pernah berlaku. Jadi, pernah berlaku di suatu kampung imam itu terpaksa meletak jawatan, sebab bila dia baca orang marah. Jadi, dia tidak tahu cerita, tiba-tiba orang luar datang terus naik baca khutbah.

Jadi, jawatankuasa masjid ini juga ada dua, ada yang pro kerajaan, ada yang tidak pro kerajaan. Kesudahannya bertelagah antara jawatankuasa, imam pun meletak jawatan. Jadi, ini yang kita takut. Sejak akhir-akhir ini lagi yang kita rasa kesal bukan sahaja akhbar, bukan sahaja masjid, mahkamah pun sudah jadi tempat berpolitik. Ini harus kerajaan ambil perhatian - bukan Teluk Intan tetapi Jelutong.

Tuan Yang di-Pertua, Jelutong ini sekarang jadi peguambela. Dahulu sebelum bekas Timbalan Perdana Menteri ditangkap, saya masih ingat lagi, saya dengan Pokok Sena, kita mempertahankan Yang Berhormat dari Permatang Pauh pada masa itu Timbalan Perdana Menteri, kita kata tidak patut disiasat sebab ini surat layang, semua fitnah, tetapi Yang Berhormat Jelutong beria-ia bercakap suruh kerajaan siasat. Saya masih semasa itu Yang Berhormat bagi Chenderoh jadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, kita argue dengan dia, kita berbahas, kita kata tidak boleh siasat kes ini, tetapi dia kata siasat dan berbagai-bagai, berlaku perdebatan hangat di dalam Dewan ini. Akhirnya hari ini dia pula muncul menjadi peguambela. Ini yang saya katakan pembangkang, dia cuba ‘menangguk di air keruh,’ dia akan ambil kesempatan. Tadi

Ketua Pembangkang mengatakan bahawa setakat ini belum ada tuduhan-tuduhan rasuah mengenai kewangan kepada bekas Timbalan Perdana Menteri.

Saya tidak tahu ada atau tidak, tetapi saya sudah nampak. Kalau misal kata ada nanti tuduhan penyelewengan kewangan, saya yakin DAPlah yang akan jadi kepala berkempen bersama dengan PAS dan KeADILan kata tuduhan tidak betul dan berbagai-bagai menyalahkan kerajaan. Apa sahaja yang kerajaan buat semuanya tidak betul, kalau kerajaan tidak buat, mereka kata kerajaan tidak bertindak. Bila kerajaan bertindak dia menjadi hero.

Jadi seperti yang Jelutong membuat tuduhan mengenai keracunan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh di dalam Parlimen ini tidak adil. Seorang pegawai mahkamah, hakim, pendakwa raya tidak minat pun hendak dengar politik. Membuat tuduhan kononnya orang-orang atasan membuat konspirasi, meracun Yang Berhormat bagi Permatang Pauh yang saya hendak huraikan kesannya daripada ucapannya ini. Saya hanya hendak tekankan peranan peguam dan juga sebagai ahli politik yang saya juga sebagai peguam, Teluk Intan pun seorang peguam.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sudah sampai masanya hari ini supaya wakil-wakil rakyat, bukannya ahli politik, maksudnya wakil-wakil rakyat sama ada ahli Parlimen ataupun ADUN yang diberi elaun oleh rakyat yang kerjanya memang untuk tolong rakyat harus yang kerjanya dalam Dewan pun, di dalam Parlimen kita lihat apa yang kerajaan buat tidak betul, kadang-kadang undang-undang yang kita buat semuanya tidak betul.

Hujahnya, saya hendak ambil contoh Yang Berhormat bagi Jelutong pengalaman kita di dalam Parlimen, hujahnya ada satu-satu kes, ia mengenai dengan satu kes di luar, banyak kes sama ada kes Lim Guan Eng dulu, apa hujahnya di mahkamah itu hujahnya di Parlimen ini, sampai kita banyak kali bertengkar dengan dia, sampai dia pernah disuruh keluar daripada Dewan, sampai pernah sekali Tun Speaker supaya jangan sebut lagi kes Sukma pada masa itu.

Saya masih ingat dia tidak boleh sebut kerana hujahnya di Parlimen dengan mahkamah tidak ada beza dan dia tahu kedua-dua tempat ini, mahkamah dan juga Parlimen ini ada imuniti. Dia cakap apa pun di dalam Parlimen, dia tahu dia tidak boleh

disaman, dia cakap apa juga di mahkamah dia tahu dia ada imuniti, tidak ada siapa pun boleh saman dia sebab itu dia tidak takut.

Ini yang kita minta kerajaan kena memikirkan supaya ahli-ahli, wakil-wakil rakyat yang telah dipilih oleh rakyat supaya mereka apabila menjadi peguam dapat memisahkan diri mereka, tugasnya sebagai peguam dan tugasnya sebagai wakil rakyat kerana suara yang dia bawa di dalam Parlimen, kalau dengan suara yang dibawa di dalam mahkamah tidak ada beza, maka ini akan mencemarkan nama baik mahkamah, institusi mahkamah itu sendiri yang hari ini kita lihat oleh kerana hujah-hujah pembangkang hingga orang sudah tidak percaya dengan mahkamah ini. Seolah-olah integriti mahkamah ini sudah tidak ada, hakimnya salah, bila bicara last minute hendak suruh tukar hakim. Kemudian kononnya ada campur tangan daripada kerajaan, daripada orang-orang tertentu di dalam pentadbiran mahkamah sehinggakan pada suatu masa dulu orang sudah tidak hormat kepada mahkamah.

Hari ini apabila kerajaan berusaha memulihkan semula integriti mahkamah ini, kemuliaan mahkamah ini dan kita lihat seorang ahli Parlimen telah pun menggunakan platform mahkamah membuat tuduhan-tuduhan yang tidak berasas yang kita tahu tuduhan-tuduhan itu dia tidak berani ulang di luar mahkamah. Kita bukan sahaja hendak suruh ulang di luar mahkamah, kita hendak suruh dia ulang di dalam Parlimen ini kalau dia anak jantan. Sebab saya sudah nyatakan tadi, hakim, peguam, pendakwa raya dia tidak berminat untuk berhujah politik, di dalam mahkamah berhujah kepada fakta tetapi kalau dia berhujah di dalam Parlimen barulah kena buku dengan ruas. Kita sama-sama bercakap mengenai dengan politik.

Adalah tidak adil kalau seorang yang mempunyai kedua-dua imuniti ini mengambil kesempatan untuk kepentingan dirinya dan yang lebih dahsyat lagi kadang-kadang dikaitkan nama-nama mereka yang tidak terlibat pun, yang tidak ada peluang untuk membela diri, dia boleh sebut nama orang itu, nama orang ini dan orang yang disebut ini tidak ada peluang untuk membela diri dan orang yang disebut ini juga memang tidak akan berpeluang untuk menyaman peguam-peguam yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah sampai masanya bahawa kerajaan kena meminda ataupun mewujudkan akta menghina mahkamah kerana pada hari ini kita lihat, *contempt of court* ataupun menghina mahkamah ini ia terlalu luas, tidak ada satu definisi

yang betul, yang tepat mengenai dengan *Common Law*. Jadi saya rasa harus diadakan satu akta supaya ianya lebih dapat difahami oleh pengamal undang-undang. Ini bertujuan untuk mengelakkan mana-mana peguam sama ada peguam daripada kerajaan ataupun peguam bela supaya tidak menggunakan status atau peranan mereka di mahkamah untuk mengaibkan mana-mana pihak di luar kecuali bersabit dengan keterangan yang ada kenang-mena dengan kes yang dibicarakan. Tambahan pula ketika ini juga tiada sebarang peruntukan bagi pihak di luar mahkamah untuk mencabar atau mengeluarkan saman terhadap kenyataan yang mengaibkan mereka di dalam mahkamah. Ia harus statistik.

Yang kedua, kalau belum sampai masanya kita hendak mewujudkan akta *contempt of court* ini mungkin kerajaan kena mengkaji semula Akta Profesion Guaman kerana Akta Profesion Guaman ini kita biasa pinda. Dulu kalau saya tidak silap mana-mana Ahli Parlimen boleh menjadi ahli-ahli *Bar Council* tetapi kemudian dipinda undang-undang ini maka Ahli-ahli Parlimen ataupun wakil-wakil rakyat tidak boleh lagi menjadi ahli-ahli *Bar Council*, kalau saya tidak silap telah dipinda. Saya rasa hari ini juga kerajaan kita harus pinda Akta Profesion Guaman ini di mana diasingkan di antara *advocate* dan *solicitor*.

Sebagaimana kita tahu kalau di UK *advocate* nya lain, *solicitor* nya lain dan kalau ini dapat kita buat maka undang-undang harus dibuat bahawa mana-mana wakil rakyat atau ADUN ataupun Ahli Parlimen sepatutnya tidak dibenarkan menjadi peguam bela, hanya boleh dijadikan *solicitor*. *Solicitor* ini Tuan Yang di-Pertua pun faham dia banyak buat conveyancing, buat korporat dan sebagainya kerana ini lebih memberi peluang kepadanya memberi khidmat yang lebih kepada rakyat. Kalau kita membenarkan wakil-wakil rakyat ini menjadi peguam bela, telah pun terbukti bahawa bila menjelang pilihan raya seperti ini dia akan mengambil isu-isu sensitif, isu-isu yang dia tahu mendapat publisiti.

Hari ini kita lihat kalau ada pula kes-kes tertentu mendapat perhatian daripada umum, peguam-peguam yang tidak pernah masuk politik pun hari ini oleh kerana kes itu dia sudah jadi ahli politik, pergi berceramah, rata-rata berceramah dia masuk tape, saya ada tapenya pengakuan peguam Anwar, peguam tersebut merakamkan, mempertikaikan apa yang dibuat di dalam mahkamah dan kita lihat peguam-peguam yang dulu yang tidak ada terlibat dalam politik, hari ini sudah masuk parti-parti politik. Ini yang kita tidak

mahu. Ada pihak-pihak tertentu terutamanya peguam-peguam yang mengambil kesempatan di atas satu kes sensasi untuk mempromosi diri mereka untuk mereka mendapatkan sokongan demi politik parti-parti mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya diasingkan di antara *advocate* dengan *solicitor* dan mana-mana wakil rakyat tidak dibenarkan, selagi dia berkhidmat sebagai wakil rakyat tidak dibenarkan menjadi peguam bela melainkan dia boleh menjadi *solicitor*. Dengan ini profesion dia sebagai peguam berterusan. Kita tidak menghalang *lawyer* ini untuk terus menjadi pengamal undang-undang, tetapi harus dipisahkan kerana kita tahu sebagai Ahli Parlimen kita pun telah dibayar elaun, wakil rakyat pun kita bayar elaun, ini wakil rakyat elaun wakil rakyat ada sebab, pergi mahkamah kerana pentingkan kes mahkamah lagi sedangkan kita dipilih oleh rakyat.

Kita lihat di dalam Parlimen bila ada kes mengenai kes-kes di mahkamah, dia tinggalkan tanggungjawabnya sebagai Ahli Parlimen dan apa yang dia timbulkan di dalam Parlimen yang kita lihat hujah-hujahnya semuanya mengenai kes-kes yang melibatkan diri beliau sendiri di dalam mengendalikan kes-kes di mahkamah. Jadi, kita tidak mahu ada peguam dan juga ahli politik dan wakil rakyat yang tidak boleh membezakan dirinya waktu bila dia mesti bercakap politik dan waktu bila dia kena bercakap sebagai seorang peguam kerana apabila peguam berada di dalam mahkamah tugasnya hanyalah melaksanakan undang-undang dan tidak perlu mencampuri urusan atau memberi komen mengenai politik.

Tuan Yang di-Pertua, saya nyatakan tadi bahawa oleh kerana tuduhan jahat di dalam mahkamah maka kita lihat apa akibatnya, parti-parti pembangkang, *Harakah* terutamanya setiap kali keluaran dengan tajuk-tajuk sensasi, Anwar Ibrahim diracun kemudian cerita pula peguambelanya Zulkifli Nordin pergi jumpa Anwar Ibrahim dengan kata rambut gugur, kuku hitam dalam ceramahnya kononnya tidak boleh berjumpa dengan Anwar Ibrahim, peguamnya sahaja boleh jumpa kemudian orang yang berjumpanya bercerita memberi ceramah di kampung-kampung menyebabkan orang rasa tidak puas hati kepada kerajaan dan yang lebih dahsyat lagi bila muka pertama *Harakah* - 'Anwar diracun' dan pesanan Anwar kepada anak dan sebagainya, dia fotostat muka depan ini, edarkan di kampung-kampung, edar di masjid-masjid hanya muka depan.

Jadi, seolah-olah perkara ini benar berlaku, yang bercakap ini pula seorang peguam di dalam mahkamah tanpa lagi kita menunggu keputusan yang sebenarnya. Akibatnya hari ini kita lihat hingga menyebabkan tercetusnya reformasi, tercetusnya demonstrasi, berpuluh ribu - kalau ikut Kubang Kerian kata 50,000. Kita tidak hairan kalau ini ditanamkan kepada anak-anak muda, semangat benci kepada kerajaan satu semangat yang menyebabkan anak-anak muda kita, pelajar-pelajar kita mempersoalkan tentang integriti kerajaan kita, mahkamah kita, seolah-olah kerajaan kita ini jahat sangat, sehingga menyebabkan hendak diracun ahli-ahli politik yang tidak bersetuju dengan kerajaan, sudah tentu akan membangkitkan perasaan marah kepada rakyat dan akhirnya berlakulah demonstrasi.

Nasib baik hari itu tiada yang mati. Cuba kalau hari itu ada yang mati. Polis matikah atau pelajar yang mati. Akhirnya kita semua tahu bahawa tuduhan yang dibuat di dalam mahkamah yang mengatakan ini komplot oleh pihak atasan adalah tidak benar sama sekali. Yang Berhormat dari Permatang Pauh pun memang telah disahkan tidak ada keracunan. Yang masih mempertikaikan hal ini, Teluk Intan ada mempertikaikannya. Di dalam surat khabar *Eksklusif* yang mengatakan keputusan ini masih lagi dipertikaikan dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita harap pihak pembangkang tolong jangan mudah membuat keputusan yang belum lagi kita tahu. Keputusan yang boleh membakarkan semangat rakyat. Ini yang kita bimbang. Kita harap kerajaan juga kena mengkaji surat khabar-surat seperti *Harakah* ini yang setiap kali keluar berita-berita sensasi yang boleh membakar semangat rakyat dijadikan tajuk berita dan saya rasa surat khabar *Harakah*, kemudian majalah *Tamadun*, majalah *Detik*. Ini harus dikaji balik sama ada sesuai ataupun tidak diteruskan pengeluarannya. Kementerian Dalam Negeri kena kaji balik kalau dikatakan majalah *Detik* dan majalah *Tamadun* telah diberi KDN, kena dikaji balik kerana saya ada membaca setiap kali keluaran saya beli di dalam hujah di dalam *Tamadun* dan *Detik* ini. Kalau kita tidak kuat iman, memang betul kita boleh terpengaruh dengan apa yang ditulis di dalam kedua-dua majalah ini seolah-olah apa yang kerajaan buat pada hari ini seolah-olah melambangkan kerajaan yang zalim dan tidak membela nasib rakyat pada hal sebenarnya apa yang dituduh itu merupakan satu fitnah semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyambung sedikit cadangan Kubang Kerian tadi. Mana-mana pegawai kerajaan terutamanya polis-polis tentera yang membuat kenyataan di dalam *Harakah* sewaktu dia di dalam polis tentera, dialah yang memangkah undi-undi ini, harus dikaji dan diambil tindakan. Adakah pegawai-pegawai yang sudah bersara ini tertakluk di bawah OSA, Akta Rahsia Rasmi Kerajaan.

Kalau dia masih tertakluk, dia patut didakwa kerana itu merupakan satu rahsia. Jadi kalau pegawai-pegawai kerajaan terutamanya bahagian-bahagian keselamatan ini tidak tahu menyimpan rahsia, kalau betul, sama ada betul atau tidak, kita tidak tahu. Tadi sahabat saya sudah memberitahu yang undi pos tidak semuanya sokong kepada kerajaan.

Jadi tuduhan-tuduhan seperti ini terutamanya yang dibuat oleh bekas-bekas pegawai kerajaan yang sepatutnya perkara itu tertakluk di bawah Akta Rahsia Kerajaan didedahkan, maka pegawai-pegawai berkenaan harus diambil tindakan kalau tidak kita bimbang selepas sahaja pegawai-pegawai yang hari ini berkhidmat dengan kerajaan, kalau ada rahsia-rahsia yang patut disimpan, apabila mereka bersara, mereka akan membocorkan rahsia ini dan membuat kenyataan-kenyataan akhbar yang akhirnya boleh menimbulkan masalah keselamatan di dalam negara kita. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Kepong.

5.08 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Yan hendak bangun tadi tetapi dia tiada modal. [*Beberapa orang ahli ketawa*].

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, itu sangkaan jahat. Banyak modal tapi.... Ni siapa yang bangun....bagi Kepong...jadi saya hendak tanya Kepong...

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, dia tidak berucap lagi. [*Ketawa*]

Dr. Tan Seng Giaw: Saya belum berucap lagi Tuan Yang di-Pertua. Hari ini saya minta diluluskan RM150 juta untuk Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Saya memang sentiasa menggalakkan supaya kita ada kempen pengiklanan yang lebih baik dan berkesan untuk memajukan pelancongan di negara ini. Tetapi dari segi Yan, saya nampak dia tidak begitu prihatin jadi saya meminta tolong untuk pergi ke

bukit atau Gunung Jerai. Ia lebih tinggi sedikit daripada bukit, sedikit sahaja. Ianya boleh dipanggil gunung jugalah. Istilah gunung di dalam Dewan Bahasa kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan di sini mengenai usaha kita walhal kita hendak mengiklan, memujuk dan menggalakkan orang datang ke negara ini, tetapi kita mesti mengurus dan mengendalikan maintenance, selenggarakan semua destinasi pelancongan dengan baik. Misalnya Tuan Yang di-Pertua, Gunung Jerai. Cantik. Dari atas puncak, kalau tiada jerebu, kita boleh nampak bendang yang cantik dan berbatu-batu tetapi malangnya walaupun di dalam pertandingan landskap Gunung Jerai dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Kedah, memang ia mendapat nombor dua dalam Pertandingan Landskap seluruh negara. Tetapi saya juga hairan mengapa ia mendapat nombor dua kerana saya tengok di belakang, di sebelah ada Dewan Serbaguna yang kos pembinaannya agak mahal juga. Tetapi selenggaraan itu sangat teruk sehingga guni-guni baja diletakkan di luar. Kita melihat, bagaimana landskap ini, dengan guni-guni baja di luar. Jadi di dalam itu, teruk sekali keadaan. Inilah *landskap* yang kedua, saya hairan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini suka masuk ikut pintu belakang. Apa-apa pun kalau masuk ikut pintu belakang memang busuk Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Sebab itulah Islam larang ikut belakang. Jadi Yang Berhormat pergi ikut belakang, cuba naik ikut depan, macam rumah orang, naiklah ikut depan. Kalau naik ikut belakang, di situlah ada jamban, bilik air dan sebagainya. Jadi Yang Berhormat silap masuk ni, cukuplah Jelutong masuk ikut belakang, Yang Berhormat pun masuk ikut pintu belakang, kenapa?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah tu Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, cakap tidak begitu sopan sekali. Bukan sahaja tidak dapat menyelenggarakan bukit bukau yang cantik, bahkan percakapan kurang sopan dan balik baca Rukun Negara dahulu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya bercakap pasal hal belakang, Yang Berhormat kata tidak sopan macam mana? Itu dah kira cukup tertib. Betul tak, kita buat tandas di belakang, macam Dewan Rakyat ini, tandas di belakang. Yang Berhormat datang dari depan, Yang Berhormat masuk ikut tandas, buat apa? Memanglah tandas itu

tempat yang tidak bersih. Jadi hendak buat macam mana lagi. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, masa itu mereka sedang membaja pokok, jadi guni-guni baja itu sebelum selesai, mereka buanglah. Kemudian Yang Berhormat minta saya pergi terima dia. Dia hendak pergi ceramah DAP kawasan itu, jadi saya tak bolehlah nak tolong dia. Cuba jika dia pergi untuk makan angin, bolehlah bawa dia. Ini dia kata...

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan sahaja guni baja, makanan ayam pun diletakkan di hadapan, bukan di belakang, Tuan Yang di-Pertua, di hadapan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Mana ada ayam di Gunung Jerai itu, ayam sejuk dan tidak boleh tinggal di atas Gunung Jerai. Ini sudah kes bohong dalam Dewan Rakyat, minta tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukuplah tu Yang Berhormat. Saya bagi dia peluang sedikit. Sebenarnya saya minta dia tolong dua tiga kali, tempahlah saya satu bilik yang cantik di Gunung Jerai, dia yang berjanji dengan saya. Tetapi malangnya mungkir janji, itulah semangat pelancongan di Kedah. Saya hairan juga semangat pelancongan dan di situ beliau pun tahun ini saya nampak tidak naik ke gunung itu juga, tersangkut. Ini bermakna pihak Ahli Parlimen di Kedah pun terutamanya Yan tidak begitu prihatin kepada penyelenggaraan destinasi-destinasi pelancongan. Walaupun ada, saya nampak ada TV, ada TV buat program untuk kanak-kanak supaya semua itu menarik ke destinasi pelancongan di Kedah. Kita mesti adakan sistem yang lebih baik, jangan kita mungkir janji juga untuk pelancongan. Itu penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan kepada perkara mengenai ekonomi negara kita. Saya nampak ada jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi mengenai apa yang disebutkan ketinggalan masa, (*out-dated*) mengenai sistem bank yang ada sekarang dan beliau kata sangat menggalakkan tetapi saya memang berpendapat bahawa saya berharap pihak pelabur sama ada dalam atau luar negara kita berminat untuk melabur di dalam negara ini supaya ekonomi dapat pulih dengan cepat. Ini akan memberi manfaat kepada semua rakyat di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita menghadapi krisis ekonomi, di Eropah dan juga Amerika Syarikat pertumbuhan ekonomi dan Bursa Saham New York memang melambung naik dengan tinggi, dan ini bermakna pihak Amerika Syarikat dan Eropah

mempunyai wang yang banyak, sementara itu nilai mata wang di Malaysia turun dengan dahsyat sehingga kita terpaksa tetapkan pada RM3.80 sen bagi setiap Dolar Amerika. Ini bermakna pihak di Amerika dan juga Eropah mempunyai wang yang banyak dan dia nampak barang-barang yang dikeluarkan di Malaysia itu sangat murah dan mereka pula mempunyai wang yang banyak.

Sebab itulah keluaran kita sama ada elektronik, peti sejuk dan apa sahaja keluaran daripada Malaysia dibeli oleh pihak Eropah dan juga pihak Amerika Syarikat. Ini juga menolong kita, kerana kita dapat eksport dengan banyak. Tetapi dengan sekatan import kita rakyat Malaysia yang dapat wang daripada eksport itu tidak dapat berbelanja dengan banyak dan wang ini disimpan didalam bank.

Tetapi masalah kita ialah masalah keyakinan Tuan Yang di-Pertua, masih tidak cukup keyakinan sehingga walaupun bank-bank dapat wang tunai yang banyak, bukan daripada Dana harta atau Dana modal, Dana harta tidak keluar satu sen pun wang tunai kepada bank-bank seperti mana yang disebutkan di dalam Dewan yang mulia ini berkali-kali. Wang tunai yang ada di dalam bank yang disimpan oleh rakyat Malaysia tidak dapat import barang-barang mewah, termasuk pengusaha dan pekerja ladang kelapa sawit yang dapat nilai dan harga pasaran yang baik kerana dalam Dolar Amerika.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya nampak walaupun

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw : Yan macam mana, di Yan ada bankkah?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ada tiga bank, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi berminat Yang Berhormat mengatakan tentang keyakinan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa 'Barisan Alternatif' yang menyebabkan kadang-kadang keyakinan pelabur-pelabur untuk melabur di Malaysia kerana 'Barisan Alternatif' selalu memfitnah, mencerita benda-benda yang tidak ada, kemudian mengadakan tunjuk-tunjuk perasaan, menakutkan pelabur untuk masuk dan hari ini Yang Berhormat mengatakan tidak ada keyakinan sedangkan negara ini sebuah negara yang bertamadun, negara yang maju tetapi disebabkan oleh hasutan daripada pembangkang, maka dunia luar hari ini berpendapat bahawa mungkin Malaysia tidak selamat untuk melabur. Jadi adakah Yang Berhormat ini bercadang untuk menasihati

Setiausaha Agung DAP dan juga Fadzil Noor supaya mereka ini balik *to the sense*, dengan izin, supaya mereka ini faham perbuatan mereka itu merosakkan Malaysia dan rakyat. Terima kasih. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, yang saya nampak di dalam Dewan yang mulia ini Yanlah yang tidak sopan, Yanlah yang mungkir janji, termasuk Chenderoh juga. Ya, itulah yang tidak manis untuk pelabur-pelabur asing.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, ini Kepong merepek ini pergi ikut mana, saya tanya lain dia jawab lain. Apa kena mengena dengan saya ini, celaru sudah ini, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali kita tidak dapat keyakinan lagi. Kita mesti berusaha untuk menambahkan keyakinan ini walaupun Yang Berhormat Chenderoh akan memberi angka demi angka selepas ini, sebab Tuan Yang di-Pertua, pada satu ketika, saya masih ingat terdengar suara yang begitu lantang, yang marah juga mengenai Standard & Poors dan Moody's dan sebagainya agensi penarafan antarabangsa. Dia bidas, kritik dan termasuk memaki hamun juga tetapi sekarang sebab agensi sekarang ini dia beri sedikit baik penarafan terhadap Malaysia, dia seronok sekarang puji agensi itu. Inilah perangnya.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu biasalah, maknanya kalau kita merasakan bahawa diri kita tidak dianiayai, kita betul orang kata kita salah, jadi memang kita tidak setuju sebab kita ada angka-angka kita. Tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Kepong, Permatang Pauh ini dahulu dia Timbalan Perdana Menteri duduk di situ. Yang Berhormat tidak sokong dia. Tetapi bila dia lari sebelah sana, Yang Berhormat sokong dia. Serupa dengan Moody's itu, perangai serupa juga.

Jadi, maknanya kita apabila orang itu buat kepada kita tidak betul, kita kata kita betul, kita tidak setuju dengan pandangan dia. Jadi, apa yang saya buat, sama dengan Yang Berhormat bagi Kepong, sekarang kuat sokong Permatang Pauh sangat, dulu tidak sokong. Kenapa sekarang rata-rata pergi sokong, merata-rata kata dia bagus dan macam-macam lagi. Jadi, sebab itu jangan kata orang, setuju tak dengan apa yang saya kata?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, hari ini dia sopan, saya seronok. Tetapi saya dengar dia menggunakan bahasa yang sangat kasar terhadap agensi-agensi ini. Mungkin kerana itulah mereka kurang keyakinan. Jadi, lebih baik bila kita menguruskan semua ini menggunakan bahasa yang lebih halus.

Yang saya hendak tekankan di sini bahawa kita mesti tambahkan usaha supaya mendapatkan keyakinan, misalnya walaupun saya sebutkan beberapa kali kita mesti mempertahankan kemerdekaan kita dari segi ekonomi kerana walaupun kita mempunyai ekonomi yang kecil berbanding dengan Amerika Syarikat atau Jepun, tetapi kalau boleh kita cuba ikhtiar, kita cuba pertahankan kemerdekaan kita. Tetapi sementara itu kita boleh tengok apa *'plays to the game'*, apa yang kita boleh buat untuk menarik pihak pelabur-pelabur asing, pedagang-pedagang asing untuk berniaga dengan kita.

Ini memang saya berharap pihak kerajaan dapat membuat hal ini. Sementara itu saya nampak pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sibuk sekarang kerana pilihan raya, bahang pilihan raya cakap macam-macam yang cakap termasuk Pokok Sena, sekarang sibuk Sena macam mana 'Sena' itu masih gunakan bahasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Pokok Sena.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong ini dia bercakap untuk mempertahankan kemerdekaan. Saya hendak bertanya ini, betulkah? Adakah bila tidak ada Ketua Pembangkang Yang Berhormat cakap lain, bila ada Ketua Pembangkang Yang Berhormat cakap lain. Ini saya hendak tahu, betulkah Yang Berhormat hendak mempertahankan kemerdekaan ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu penjelasan tidak relevan langsung sama ada ada Tanjong ataupun tidak, saya cakap seperti ini juga. Semua orang boleh ingat saya cakap itu sahaja sama ada ada Ketua Pembangkang ataupun tidak, serupa juga tidak ada lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak kerajaan, pihak Kementerian Kewangan dapat mengkaji macam mana kita boleh memberi lebih laluan sangat kepada pihak pelabur-pelabur.

Satu perkara mengenai pasaran antarabangsa rekabentuk (*architecture*). Tuan Yang di-Pertua, yang saya pernah menekankan kita mesti memperkukuhkan

architecture kewangan tempatan. Kita mesti kukuhkan, dan kita mesti menghapuskan semua gejala termasuk pilih kasih, pengurusan yang tidak cekap dan sebagainya. Semua ini kita mesti hapuskan supaya kita dapat mengukuhkan *architecture* kewangan Malaysia termasuk kita tambahkan reserve kita dengan lebih lagi.

Walaupun nampak kerana kita eksport banyak, import dengan kurang kita ada reserve itu sudah meningkat, itu satu tanda yang baik. Kita mesti tambahkan lagi reserve kita sehingga satu hari kelak, saya berkali-kali ulang kita dapat reserve misalnya US\$100 billion, itu memang di Taiwan, Singapura memang reserve mereka begitu banyak. Apabila berlaku krisis walaupun terjejas, tetapi tidak begitu teruk kerana mempunyai reserve yang tinggi.

Sementara itu saya setuju ada cacat celanya di dalam *architecture* kewangan antarabangsa, memang ada cacat celanya. Kita tidak boleh benarkan sesiapa pun pelabur asing untuk menjejaskan mata wang kita, tidak boleh kerana kita tidak begitu kuat dan kita mesti mencari jalan. Saya nampak ada cadangan daripada pihak Yang Berhormat Perdana Menteri di luar negara untuk mengubah sistem atau *architecture* kewangan antarabangsa, itu memang sentiasa dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun usaha telah diambil tetapi nampaknya tidak begitu berkesan kerana negara-negara yang maju tidak begitu mengambil pusing apa seruannya, cuma sebahagian orang satu dua individu ada mengakui termasuk kalau tidak silap saya, Presiden Clinton pun mengakui ada cacat cela di dalam *architecture* kewangan antarabangsa. Memang ini saya berharap lebih ramai lagi pemimpin-pemimpin negara maju menyedari begitu pentingnya kita mengubahsuaikan *architecture*, mengukuhkan *architecture* supaya tidak ada pelabur-pelabur besar yang boleh menjejaskan mata wang negara-negara seperti Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta gulung Yang Berhormat

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ya saya akan gulung sekarang.

Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan mengenai perlunya kita meningkatkan usaha dan sistem penyelenggaraan untuk destinasi-destinasi pelancongan di Malaysia sebab saya nampak di mana ada pelancong-pelancong tempatan dan luar negara yang datang ke destinasi-destinasi fauna dan flora itu sudah terjejas, termasuk

coral reefs kita, batu karang kita sudah terjejas, nampak ada yang mati dan sebagainya. Ini bermakna kita tidak cukup sistem penyelenggaraan di negara ini.

Yang kedua, saya ada sebutkan mengenai kekurangan keyakinan terhadap bank-bank dan sistem kewangan kita. Walaupun Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua sudah menyebutkan saya ketinggalan masa (*out-of-date*) tetapi saya ingat dia salah, walaupun Belanjawan pada hari Jumaat akan datang mungkin akan memberi angka yang lebih cerah, lebih ceria supaya dapat memancing undi sebagai umpan yang dapat menarik perhatian pengundi. Tetapi walau bagaimanapun tidak semestinya keyakinan itu sudah bertambah dengan banyak.

Akhir sekali saya telahpun menyebutkan begitu pentingnya kita bukan saja mengukuhkan dan mengubahsuaikan *architecture* kewangan di dalam Malaysia bahkan juga kita mesti mempertingkatkan usaha untuk mengubah *architecture* kewangan antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yan, sikit sahaja, esok sambung.

5.34 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya boleh, terima kasih, hendak tunggu waktu pun ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh pihak pembangkang, tetapi dalam hati kecil mereka, Tuan Yang di-Pertua, tidak seorang rakyat Malaysia pun dapat menafikan kita mendapat nikmat daripada kemerdekaan dan juga daripada kestabilan politik di dalam negara kita. Malah di Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, di saat-saat ibu itu mengandung, anak dan ibu sudahpun mendapat subsidi dan bantuan daripada kerajaan sehinggalah mereka belajar ke pusat pengajian tinggi dan berakhir di tempat pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sambung besok Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang terhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang.

Okt 1999

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan Pertama, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato’ Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

- Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Haji Mustapa bin Mohamed, S.I.M.P., D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Panglima Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ir. Ong Tee Keat, P.J.N., SM.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K, A.S.D.K., P.J.N. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.D.K., P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Tengku Dato’ Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., J.P., P.J.C., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., J.S.M., P.M.P., K.M.N., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M., D.M.P.N., D.S.A.P. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Idris bin Jusoh, D.P.M.T., P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.D..K., P.B.S., A.M.N., A.B.S., (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria P.J.K. (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

- Yang Berhormat Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timur)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

- Yang Berhormat Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Haji Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Ir. Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Ir. Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)

- Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, K.M.N., J.P., A.S.A., P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paulis Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

- Yang Berhormat Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Meringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Ruhana binti Abdullah
: Riduan bin Rahmat

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
: Hajah Supiah binti Dewak
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
- : Mohamed bin Osman
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani
: Shamsina binti Janor
- : Ramlah binti Mohd. Yusuff
: Noor Effarizan binti Mat Satib
: Nurziana binti Ismail
: Azita binti Nawi
: Nik Elyana binti Ahyat
: Taharah binti Mohamed
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat: : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh
: Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Jilid V	Bil. 35	Isnin	25 Oktober 1999
----------------	----------------	--------------	------------------------

K A N D U N G A N

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN	(Ruangan	1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA MASUK KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan	25)
RANG UNDANG-UNDANG:		
Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999	(Ruangan	26)
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999)(No.2) 1999	(Ruangan	49)

